

**25 OGOS 2021 (RABU)**



**MESYUARAT PERTAMA**

**PENGGAL KEEMPAT**

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**SHAH ALAM, 25 OGOS 2021 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

**25 OGOS 2021 (RABU)**

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

**25 OGOS 2021 (RABU)**

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Datuk Rizam bin Ismail, P.M.W. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, D.M.S.M., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

**25 OGOS 2021 (RABU)**

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

**TIDAK HADIR (Dengan Maaf)**

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari,  
P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

**25 OGOS 2021 (RABU)**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Haris Bin Kasim, D.P.M.S., S.I.S., A.S.A, P.P.T.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nurul Liana binti Musa  
**Pelapor Perbhasan**

**25 OGOS 2021 (RABU)**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ke-14 pada 25 Ogos 2021 dimulakan dengan Bacaan Doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahhirrahmannirrahim*. Bacaan doa.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Salam sejahtera, selamat pagi diucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, para jemputan dan para Media, pemerhati. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pagi ini saya telah menerima, urus setia telah menerima *feedback*, *respond* daripada Ahli-ahli Dewan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, urus setia dan para petugas yang terlibat dalam Sidang Dewan ini. *Feedback* nya tentang sendiri ya. *Test* kit, RTK buat sendiri-sendiri, buat *test* sendiri syukur alhamdulillah. *Respond*nya semua negatif dan semua sihat sejahtera. Tahniah diucapkan kepada semua Ahli-ahli Dewan. Hah!, ini lah cara norma baru. Norma baru ya. Jadi untuk tidak melengahkan masa saya mempersilakan Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI** : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan saya No. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PROGRAM SELVAX**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa baki vaksin Program SelVAX komuniti?
- b) Berapa baki vaksin Program SelVAX Industri?

## 25 OGOS 2021 (RABU)

c) Apakah rancangan seterusnya dengan baki vaksin ini?

### JAWAPAN:

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Balakong. Yang Berhormat Balakong bersama dengan beberapa lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian, bertanya berkisar kepada soalan baki vaksin untuk SelVAX Komuniti dan SelVAX Industri dan juga apa rancangan seterusnya dengan baki vaksin ini.

Soalan ini akan saya jawab bersekali soalan daripada Gombak Setia, Bukit Gasing, Pandamaran, Sungai Panjang, Sungai Burong dan Rawang. No. 12. Soalan No. 12.

**TUAN SPEAKER** : Ya dijawab bersekali dengan?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD** : Bersekali ya

**TUAN SPEAKER** : Dengan?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD** : Dengan soalan Gombak Setia, soalan 136.

**TUAN SPEAKER** : 136.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD** : Bukit Gasing, soalan 202 (b).

**TUAN SPEAKER** : Ya

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD** : Pandamaran, 246 (b). Sungai Panjang, 255. Sungai Burong, 256 (a) dan Rawang 266 (a). Gombak Setia tadi, 136 (a).

**TUAN SPEAKER** : OK. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD** : Seperti Yang Berhormat Sekalian maklum, Kerajaan Negeri telah menyasarkan pemberian vaksin kepada 250,000 individu atau 500,000 dos melalui program SelVAX Komuniti dan 1 juta pekerja atau 2 juta dos melalui program SelVAX Industri.

Sehingga 22 Ogos 2021, bilangan dos yang telah disuntik bagi program SelVAX Komuniti adalah sebanyak 224,880 dos justeru baki dos adalah sebanyak 275,120 dos. Bagi program SelVAX Industri bilangan dos vaksin yang telah disuntik hingga 22

## 25 OGOS 2021 (RABU)

Ogos 2021, adalah sebanyak 142,719 dos daripada 750,000 dos yang diperuntukkan berdasarkan stok yang telah dibeli. Justeru baki dos adalah 607,281 dos.

Ingin saya terangkan di sini, pada mula dahulu memang kita bercadang untuk mendapatkan 2.5 juta dos ya tapi kita berhenti setakat 1.25 dos sahaja. 1.25 juta dos sahaja. Jadi daripada 1.25 juta dos ini kita peruntukan 500,000 untuk komuniti ya kita *maintain* walaupun kita hanya ada 1.25 juta. Jadi bakinya, 750,000 dos ini adalah untuk program SelVAX Industri ya jadi inilah bakinya.

Soalan yang berkaitan dengan adalah apa kita nak buat dengan vaksin yang selebihnya ini? Maklumat yang kita ada ni hanya sampai 22 Ogos memang program vaksinasi komuniti masih lagi berterusan ya jadi in syaa Allah, Selgate bercadang untuk meneruskan penjualan vaksin melalui klinik panel di seluruh negara untuk melaksanakan pemberian dos vaksin. Selain itu, Selgate juga dalam persiapan untuk suntikan ketiga, *booster shoot* sekiranya perlu dan bagi penerima vaksin bagi golongan umur 18 tahun ke bawah tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID.

Dan Kerajaan Negeri juga telah membuat keputusan untuk meneruskan pemberian vaksin secara percuma kepada golongan yang belum menerima vaksin melalui program *out reach* kita ataupun vaksin secara bergerak. Jadi ini adalah 4 cara bagaimana kita akan menggunakan baki vaksin yang ada.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana soalan saya dijawab sekali seperti mana Yang Berhormat EXCO bagi tahu tadi sebahagian soalan saya adalah berkenaan kos yang di belanja oleh Kerajaan Negeri untuk vaksin ini dan mungkin saya terlepas pandang tapi saya rasa tidak dijawab tadi mohon dapat dijawab kos-kos yang berkaitan dengan pembelian vaksin dan kos keseluruhan buat program vaksin SelVAX ini.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM100 Juta, RM130 Juta daripada untuk membeli 1.25 dos. 1.25 juta dos. *Sorry* ya. 100 juta itu adalah pinjaman daripada Kerajaan Negeri kepada Selgate dan 37 juta itu adalah daripada PKNS ya. Bayaran yang di bayar, maaf tadi RM127 juta bukan RM137 juta. Pinjaman RM137 juta ya daripada Kerajaan Negeri *plus* PKNS. Belanjanya RM127 juta tapi ini adalah untuk vaksin ya belum lagi masuk kos-kos yang lain, yang belum kita belum sampai ke garisan penamat jadi kos-kos ini semua belum lagi dikira.

## 25 OGOS 2021 (RABU)

Perlu diingatkan bahawa ini belum masuk kos untuk cucuk ya yang perlu dibayar kepada doktor-doktor yang menyuntik. Belum lagi termasuk pada kos-kos penubuhan PPV ya dan kos-kos lain yang berkaitan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Apakah bajet kos-kos tersebut. Kalau tak ada angka terakhir tapi mesti ada *some raff indication what's the cost? Going to be like*

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD :** Boleh saya beri secara bertulis sebab saya tidak ada kos itu.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker, Ijok mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor sebab inilah membuat inisiatif memberi vaksin pada rakyat Selangor. Tetapi Ijok ingin nak tanya pada Kerajaan Negeri, tag line kita "Program *Out Reach*, Pemberian Vaksin." Bermakna *Out Reach* itu kita membawa vaksin kepada masyarakat. Bukan masyarakat datang mendapatkan vaksin. Cara-cara dikendalikan sekarang ialah kita kena *register*. Rakyat kena *register*, baru diberi vaksin tetapi prihatin kepada rakyat-rakyat di luar bandar yang tak ada telefon, yang tak ada wifi, yang susah nak bergerak dari rumah ke tempat PPV dan adakah inisiatif baru daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah? Saya ingat program PPV ini bagus tetapi sekarang kita tengok ada banyak kelemahan. Saya harap Kerajaan Negeri Selangor *think out of the box*, buat cara baru untuk menyerapkan jadi rakyat-rakyat di luar bandar atau rakyat-rakyat dalam bandar yang tidak ada kemudahan yang boleh mendapatkan vaksin. Sekian.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Ijok, namun kita kena ingat pemberian vaksin ini bukan sahaja dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ya sebelum ini pun selain daripada PPV itu kita ada *mobile out reach* daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, daripada PKD-PKD ya daripada maklumat yang kita dapat memang mana-mana rakyat yang tak boleh keluar rumah disebabkan telantar ataupun OKU yang sukar ya kalau nama-nama mereka diberi maka PKD akan menghantar ya, PKD ialah Pusat Kesihatan Daerah akan menghantar pasukan untuk menyuntik mereka dan juga JKNS dan KKM menggunakan khidmat NGO-NGO seperti IMARET dan sebagainya untuk menyuntik mereka-mereka yang tidak dapat keluar.

Program *out reach* yang kita nak buat ni Yang Berhormat, saya rasa agak sukar untuk kita nak pergi rumah ke rumah semua orang kalau ikut kita ada ribuan lagi yang belum di *vaccinate*. *So what we do is* kita bawa van atau bas kita ke lokasi-lokasi tertentu yang dikenal pasti masih mempunyai ramai yang belum mengambil suntikan. *Locality-locality* itu sebabnya saya kata kita perlu kerjasama daripada semua pihak untuk menyatakan di mana dan berapa jumlahnya dan sekiranya masih kita sampai ke satu

*locality* itu masih ada yang tidak mampu saya kira tidak menjadi halangan satu orang atau dua orang doktor yang bekerja daripada *locality* tempat kita buat itu untuk bergerak di dalam masyarakat untuk memberi suntikan di rumah mereka namun perlu saya nyatakan kalau kita mengharapkan kita memang lah Dato' Seri Menteri Besar ada menyebut tentang kalau perlu kita rumah ke rumah. *We can do that, but we need a lot of* kita maaf kita memerlukan masa yang lebih panjang dan kita memerlukan apa ni memanjangkan lagi program vaksinasi kita ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Boleh saya tambah?

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Program rumah ke rumah, inisiatif ni Ijok dah mulakan. Sebenarnya, bukan sukar sangat kita *logistically* dah ada, klinik-klinik kesihatan desa, klinik-klinik ibu mengandung memberi vaksin ni tak semestinya diberi oleh seorang doktor, seorang *nurse* yang bertauliah boleh memberi. Jadi kalau nak *cut cost banyak volunteer nurses-nurses* yang sekarang, yang saya gunakan bukan *not necessary* daripada hospital, di luar. Kita beri mereka *sum allowance*. Boleh kalau kita nak buat klinik bergerak, unit vaksin bergerak ataupun kita gunakan *talk to* KKM. Klinik-klinik desa, klinik-klinik ibu mengandung merebak semua di merata kampung-kampung kalau kita mulakan inisiatif boleh dilakukan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD** : Ijok terima kasih di atas cadangan itu. Saya percaya rakan-rakan kita, pegawai-pegawai daripada Jabatan Kesihatan Negeri juga bersama kita pada pagi ini. Mereka mendengar saranan daripada Yang Berhormat dan saya pun tidak boleh menafikan bahawa memang KKM ada unit-unit seperti ini dan sepatutnya pun kita menggerakkan klinik-klinik desa dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat, saya akan follow-up perkara ini dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya pada EXCO adalah sehingga 16 Ogos, SelVAX telah memberikan dos vaksin sejumlah 276,926 dos daripada 1.5 bilion, 1.5 juta yang di sasarkan. Ada tak selain daripada kumpulan sasar yang disebutkan tadi, komuniti dan industri kepada golongan-golongan pemain kepada peniaga-peniaga ni, termasuklah gerai-gerai dan sebagainya dan juga mereka-mereka yang terlibat dalam *e-hailing*, saya secara spesifik, yang mungkin terdiri daripada golongan B40 yang kita boleh bantu untuk

meningkatkan ekonomi mereka dan boleh, mereka boleh mulakan semula, ekonomi yang mereka libatkan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Bila kita menyebut tentang SelVAX komuniti SelVAX industri, kita sebut komuniti itu memang di dalam surat kita kepada semua Yang Berhormat kita, adalah untuk kita masukkan golongan-golongan Yang Berhormat sebutkan tadi. Makna dia peniaga-peniaga dan sebagainya. Pada masa yang sama, peniaga-peniaga juga diberi nama melalui PBT-PBT mereka dan kemudian Selgate memberikan tempat-tempat untuk mereka pergi PPV mana yang harus mereka pergi untuk mendapat vaksin.

Saya kira kita sangat orang kata bekerjasama dan *flexible* dalam hal ini, ada Yang Berhormat yang menganjurkan untuk golongan-golongan tertentu, jadi tapi kita tidaklah mengatakan bahawa this is specific, ini spesifik untuk berniaga, specific, tapi bergantung pada ketua-ketua komuniti untuk menguruskan, di mana yang di bawah DUN mereka untuk berniaga, untuk warga emas, untuk OKU dan sebagainya dan kita mengikut lenggok ataupun apa yang di minta oleh ADUN-ADUN kita, pada yang sama memang telah dibincangkan kalau masih ada lagi yang tercicir daripada golongan peniaga, maka kita masih ada PPV-PPV yang lain, baik CITF ataupun daripada SelVAX untuk kita menerima mereka.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Akhir, Lembah Jaya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO, satu adalah, sekiranya ada program seperti SelVAX seterusnya di masa akan datang, saya mohon supaya program ini dimaklumkan kepada ADUN bukan Kerajaan, sebab saya dapati apabila program ini dilaksanakan, ramai yang bertanya kepada pejabat kami tetapi maklumat itu tidak sampai. Jadi mereka juga melepaskan perasaan marah mereka sebab ada satu program SelVAX yang tidak dimaklumkan pembatalannya pada ketika itu dan kita terpaksa menerima kemarahan mereka dan tidak ada maklumat yang dimaklumkan kepada kami.

Kedua adalah, apakah pelan Kerajaan terhadap golongan B40 yang kita dapati kalau di Lembah Klang ini ada lebih 1 juta bilangan untuk mendapatkan vaksin ini. Kalau maknanya objektif SelVAX ini adalah untuk *outreach* kepada golongan tertentu, saya kira golongan B40 ini adalah golongan yang perlu mendapatkan perhatian tanpa mereka terpaksa membelanjakan wang untuk *transportation*, pengangkutan untuk pergi mendapatkan vaksin. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Lembah Jaya. Mengenai program yang dibatalkan saya ingat ada satu dua yang

kerana kita tidak menerima vaksin, jadi itu lah yang dibatalkan pada mulanya di programkan tidak banyak secara umumnya, keseluruhan program SelVAX ini berjalan dengan baik. Namun saya minta maaf kalau maklumat tidak sampai kepada ADUN-ADUN bukan Kerajaan, kerana kita memberi banya buat sosial media punya advertismen tentang di mana PPV, bila dan sebagainya. Jadi kalau ke depan ini, *InsyAllah* saya *personally* akan hantar kepada semua ADUN-ADUN bukan Kerajaan. Saya minta maaf kerana terlepas pandang sebab kita ada juga penyelaras-penyelaras ADUN yang maklumat itu sampai kepada mereka.

Mengenai kumpulan B40 ini, daripada awal pun SelVAX komuniti ini memang untuk komuniti dan komuniti kita ini kalau 40% adalah B40 ini, maka tak logik kalau mereka tidak di bersama di dalam program selVAX ini dan kita mempunyai, SelVAX sahaja mempunyai 11 PPV yang kira bukan kekal, makna yang tak berubah-ubah, tetapi setiap ADUN juga ada melakukan atau memohon untuk mengadakan PPV sementara di DUN masing-masing. Jadi, saya bila sebut tentang B40 ini, saya ingat baru-baru ini kita ada libat untuk tambang, untuk tambang pergi vaksin pun ada diberikan oleh Kerajaan Negeri, mungkin maklumat ini tak sampai kepada mereka. Itu saya kira kena di war-war kan lagi, memang ada libat untuk pengangkutan, malah ADUN-ADUN juga menganjurkan, menyediakan bas kepada komuniti mereka untuk pergi ke pusat-pusat PPV SelVAX ini sekiranya agak jauh daripada tempat. Saya sendiri menganjurkan, saya sewa bas untuk komuniti-komuniti tertentu untuk sampai ke pusat PPV.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Dah habis, cukup lah. Saya persilakan, Ijok.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Satu saja Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ijok. Sudah cukup.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Sebab dia *extend* kepada jawapan Y.B. EXCO.

**TUAN SPEAKER :** Peluang. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Ijok no.13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : TANAH PERTANIAN DI FRUIT VALLEY**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

## 25 OGOS 2021 (RABU)

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengusahakan tanah pertanian yang masih kosong di Fruit Valley ?
- b) Apakah kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri kepada pemohon-pemohon?

### JAWAPAN:

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok, Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Ijok bertanyakan berhubung dengan rancangan Kerajaan Negeri dalam mengusahakan tanah pertanian yang masih kosong di Selangor Fruit Valley dan apa kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dalam meluluskan permohonan-pemohon untuk menyewa di tanah-tanah di Selangor Fruit Valley. Untuk makluman Yang Berhormat, Selangor Fruit Valley adalah ladang yang dimiliki kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Sselangor (PKPS) yang berkeluasan 946 hektar yang terletak di Bestari Jaya, Selangor. Daripada jumlah keluasan itu sebanyak 359 hektar diperuntukkan untuk usahawan tani manakala 587 hektar lagi diusahakan sendiri oleh PKPS. Buat masa ini ntuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini tidak ada yang kosong tanah pertanian itu semuanya telah di isi dan di sewakan, yang selebihnya ia diusahakan sendiri oleh PKPS.

Berhubung dengan kriteria kepada permohonan :

- i- Warganegara Malaysia.
- ii- Mempunyai minat dan komited untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Pengalaman itu salah satu tapi kita juga memberi peluang kepada yang baru. Makna dia, tapi yang penting menunjukkan minat dalam melaksanakan kerja-kerja pertanian.

- iii- Mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi memulakan aktiviti pertanian.
- iv- Mempunyai syarikat berdaftar dengan SSM yang menyatakan kod bidang pertanian sebagai salah satu aktiviti syarikat.
- v- Menyatakan pelan perancangan aktiviti pertanian yang hendak dilaksanakan termasuk aliran tunai kewangan.

Untuk makuman Yang Berhormat, setiap permohonan bagi sewaan atau pajakan tanah Selangor Fruit Valley, akan melalui proses dan tatacara kelulusan tawaran penyewaan dan pajakan tanah PKPS. Setiap pemohon dipanggil untuk sesi temuduga dan diminta untuk menyediakan kertas cadangan. Permohonan kemudian akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Dalaman Pelaburan Strategik dan Projek Khas PKPS yang dianggotai oleh pengurusan kanan PKPS. Sekian.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Saya nak tanya Yang Berhormat EXCO, ada tanah-tanah yang kosong dan juga tanah ini dimiliki oleh syarikat-syarikat. Ada pemantauan tak? Kenapa separuh tanah ini tidak diusahakan walaupun mereka telah diberi, macam kita beri kedai kepada pengusaha tetapi kedai tu kosong.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedia maklum berhubung dengan prestasi setengah-setengah syarikat ini yang mengusahakan tanah-tanah pertanian di *Fruit Valley* dan sebahagian ada yang telah kita telah tamatkan perkhidmatan kerana gagal melaksanakan sebagaimana yang telah dirancang. Walau bagaimanapun, kita memberi peluang, kadang-kadang dia punya rancangan awal itu terpaksa dipinda, ditukar kerana mungkin pasaran atau sebagainya. Kita berikan ruang dan kebenaran untuk mereka membetulkan. Tetapi kita tidak berkompromi kalau tidak, mereka telah melanggar syarat-syarat kepada kepada kelulusan penyewaan tanah.

Ini yang berlaku beberapa kali dan dari semasa ke semasa kita memantau dan kita akan tamatkan jika perlu dan kita juga mempunyai *waiting list* yang agak panjang yang ingin memohon yang kita terus memproses yang mana telah memohon untuk dimasukkan bagi menggantikan. Jadi proses ini berjalan, dari semasa ke semasa, Cuma saya nak sebut di sini, usaha Kerajaan Negeri dalam membantu dan menyediakan ruang ataupun tanah ini tidak terhad di Selangor Fruit Valley sahaja. Jadi kita ada banyak lagi kawasan yang terbaru yang kita telah luluskan dalam pelaksana ialah di Bukit Canggang. Kita perlu sebut sebagai Smart Selangor Agro Farm, seluas 30 ekar yang akan kita pecah-pecahkan lot dalam proses sekarang dah kita telah pun menerima permohonan-permohonan untuk yang nak mengusahakan tanah. Juga di Sungai Air Tawar, 120 ekar juga kita sebagainya akan kita sedang dalam proses untuk disediakan sediakan lot-lot untuk bagi penyewaan tanah. Juga termasuk di Sungai Panjang, seluas 58 ekar juga sedang di dalam proses penyelesaian tanah dengan Pejabat Tanah dan ini pun akan dijadikan dan banyak lagi tempat-tempat yang kita cadangkan dan kita anggarkan dalam setahun saya dah sebut sebelum ini dalam 2000 ekar termasuk tanah-tanah GLC yang juga kita akan sediakan ruang, peluang dan ruang untuk diusahakan aktiviti-aktiviti pertanian. Sekian.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Tuan Speaker. Tadi YB EXCO ada menyebut tentang tanah-tanah ini boleh disewakan kepada para pengusaha-

pengusaha pertanian. Jadi saya ingin tahu berapakah maksimum, minimum dan maksimum keluasan yang dibenarkan untuk para pengusaha ini, itu yang pertama. Yang kedua, apakah jenis tanaman yang dibenarkan untuk ditanam di tanah-tanah ini. Adakah perlu ada spesifik tanaman ataupun ikut kepada para pengusaha pertanian ini.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Sementa atas soalan yang cukup bagus. Yang memang saya berniat untuk saya berkongsi sedikit. Tentang tanah-tanah ini, kita sebenarnya mempunyai dua kaedah, pertama kita memberikan tanah-tanah kalau yang kecil biasanya kurang dari 10 ekar kita akan meneruskan berikan kepada mereka sewaan itu sebagai pajakan untuk mereka usahakan sendiri tetapi kalau tanah itu lebih luas melebihi 10 ekar, kita akan syaratkan mereka juga supaya memecahkan lot dalam itu untuk mereka bantu usahawan-usahawan terutamanya agropreneur ataupun agropreneur muda.

Ini kita syaratkan sebab tu di projek-projek SAP ataupun SSAF ini, kita syaratkan 30% nya mesti dibuka ruang untuk membantu usahawan-usahawan ataupun agropreneur muda. Ini yang kita syaratkan di tempat-tempat pembangunan pertanian di Negeri Selangor. Dan keluasan ekar ini bergantung pada cadangan mereka yang mereka nak bangunkan. Ada sebahagiannya, sebagai contohnya nanas, dia tidak boleh kurang daripada 5 ekar, ia tidak membawa *economic scale* dia tidak ada. Jadi dia perlu 5 ekar ke atas. Ini antara contoh saya bagi, bergantung kepada jenis tanaman atau cadangan mereka, kita akan lihat, paling minimum 1 ekar yang kita akan agihkan. Jadi sebab besarnya terpulang bergantung ada yang sampai 100 ekar pun ada. Tapi bila mereka dapat 100 ekar, 30 ekar itu mesti dipecahkan untuk mereka membantu membimbing entrepreneur muda. Bimbingan mereka bukan sahaja hanya bagi tanah, mereka perlu membimbing dari segi penyediaan tapak bantu dari segi benih, bantu dari segi *production* supaya hasil nanti yang dikeluarkan oleh di bawah mereka itu, mereka akan juga membantu pemasarannya.

Ini lah merupakan kaedah yang kita laksanakan untuk memastikan agropreneur-agropreneur muda ini ataupun warga petanian warga tani yang muda ini, mereka berjaya kerana rangkaian yang lengkap daripada tanah sehingga pemasaran. Ini yang merupakan langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan supaya mereka-mereka yang mencebur diri dalam bidang ini akan berjaya. *Percentage* nya sangat lebih tinggi berbanding dengan kita beri tanah saja, kita biarkan dia begitu. Dan jenis-jenis tanaman pun sebenarnya dibawah dasar Kerajaan Negeri Pertanian Kerajaan Negeri dan juga seperti makanan, kita telah menetapkan produk-produk pertanian yang bernilai tinggi, jadi dalam pertanian ini ada 12 jenis tanaman yang bernilai tinggi buat masa ini, kita akan *review* dari masa ke semasa antaranya saya boleh sebut, nanas dan bulan depan kita akan lancarkan 5 jenis tanaman yang diusahakan benihnya oleh rakyat Selangor sendiri. Kita akan nama kan antaranya betik yang bermutu tinggi yang kita akan lancarkan pada bulan 9, betik, nanas, timun dan juga melon.

Ini merupakan produk asli negeri Selangor. Yang kita akan namakan nama baru pada tanaman ini, yang bermutu tinggi. Jadi ini antara usaha, kita nak pastikan supaya negeri Selangor ini, bukan sahaja terlibat semata-mata terlibat pertanian, tapi mereka terlibat dalam pertanian yang bernilai tinggi sesuai dengan kedudukan negeri Selangor dan tanah kita yang agak mahal, di negeri Selangor ini. Sekian.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sentosa.

**Y.B TUAN GUNARAJAH A/L R.GEORGE :** Tadi Yang Berhormat telah bagi tahu berkenaan dengan perlu ada minat untuk memiliki tanah ataupun menyewa tanah daripada kerajaan. Saya nak tanya berkenaan, ada tak perancangan Kerajaan untuk golongan-golongan masa PKP ini, banyak orang yang ada masa dan minat untuk menggunakan tanah-tanah kerajaan di DUN masing-masing. Di Sentosa juga, banyak juga yang kita dah mulakan. Tetapi apakah perancangan daripada pihak Kerajaan Negeri, untuk mulakan satu program, pelan tindakan ataupun satu perancangan untuk golongan ini. Yang kita boleh guna pakai tanah-tanah terbiar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Itu yang saya sebutkan, YB, sebenarnya, apa yang, Yang Berhormat, apa yang saya sebutkan tadi itu, adalah merupakan rancangan kerajaan untuk, antaranya ialah untuk menangani keperluan semasa berhubung dengan warga Selangor ini, yang perlukan sumber pendapatan atau pekerjaan. Itu yang kita usahakan. Tapi ini, saya sebut tadi itu secara umum sahaja, kepada beberapa tempat yang memang telah pun kita luluskan dalam proses pelaksanaan. Saya bagi contoh yang di Bukit Changgang, walaupun ada 30 lot, satu ekar, satu ekar, kita telah menerima 80 permohonan. Jadi kita akan perluaskan lagi. Termasuk di kawasan-kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Termasuk rizab sungai. Yang mana sesuai, kita telah mengenal pasti, tetapi bila di rizab sungai, tentulah ada perkiraan lain. Kalau penggunaan, contohnya tanam napier di situ, yang sangat bernilai tinggi, kalau dia tanam napier, makna dia perlu menggunakan baja organik. Kerana kita tidak mahu pulak cemar sungai kita. Jadi ini kriteria-kriteria ini, yang kita akan, kita telah sediakan, dan kita melaksanakan berperingkat-peringkat. Tetapi juga perlu diingat Ahli Yang Berhormat, bahawa kita bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan dalam pertanian, kita ada banyak lagi yang dalam itu, termasuk yang penternakan, termasuklah akuakultur, yang boleh buat dalam bangunan. Kita semua ada dalam itu. Untuk menyediakan ruang, peluang untuk mencari rezeki bagi terutamanya agropreneur kepada anak-anak kita. Termasuk juga dalam yang terlibat dengan *marketing* pun ada. Dia tidak tanam apa-apa, dia *marketing*. Atau pun dia terlibat dalam logistik. Pun kita telah pertimbangkan. Dan kita sediakan ruang untuk melengkapkan dalam rantai bekalan makanan kita bagi negeri Selangor. Terima kasih.

**25 OGOS 2021 (RABU)**

**TUAN SPEAKER** : Soalan nombor 14 sudah dijawab bersekali dengan soalan nombor 11. Saya persilakan Sentosa.

**Y.B TUAN GUNARAJAH A/L R.GEORGE** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : KEMISKINAN DAN PELUANG PEKERJAAN DI NEGERI SELANGOR**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah peluang pekerjaan bagi anak muda lepasan graduan dalam tempoh PKP?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu golongan yang telah kehilangan pekerjaan dalam tempoh PKP?
- c) Apakah bantuan tambahan COVID-19 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada warga Selangor?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih, Yang Berhormat Sentosa. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor senantiasa peka dan prihatin terhadap graduan-graduan yang terpaksa tempoh sukar untuk mendapatkan peluang pekerjaan sewaktu penularan wabak pandemik COVID-19. Terutamanya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. Di mana kebanyakan sektor pekerjaan dan perniagaan terpaksa gulung tikar. Dan pengurangan pekerja ekoran permintaan pasaran yang kurang memberangsangkan. Oleh yang demikian, bagi membantu lepasan graduan semasa tempoh PKP ini, kerajaan negeri telah menawarkan beberapa inisiatif. Yang dapat membantu, para graduan dalam mencari sumber pendapatan masing-masing dengan menawarkan inisiatif seperti berikut :

- i) Program Karnival Kerjaya, Jelajah Selangor Bekerja. Kerajaan negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan, telah merancang untuk meneruskan program Karnival Kerjaya Jelajah Selangor Bekerja tahun 2021, sebanyak 6 siri di beberapa-beberapa lokasi di daerah Selangor. Seperti di Daerah Petaling, Klang, Sabak Bernam dan Hulu Selangor. Program Jelajah Selangor Bekerja, atau dahulunya dikenali sebagai program Selangor Job Fair, akan dilaksanakan secara bersiri,

sebagai salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor, untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan rakyat Selangor yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19. Namun begitu, program ini hanya akan diteruskan semasa, tempoh pelan pemulihan negara yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan negara.

- ii) Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor. Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan inisiatif baru melalui program ikhtisas yang bertujuan untuk melahirkan golongan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. Belia tercicir, serta berkeperluan khas, dan graduan dengan memberi latihan dalam bidang kemahiran teknikal dan profesional seiring dengan keperluan industri semasa. Pada tahun 2021, di bawah program ikhtisas, telah melaksanakan program Selatih Sure, Selatih Strategic of Skilling Reskilling dengan kerjasama Selangor Human Resources Development Centre, yang terletak di Seksyen 13, Shah Alam. Bagi membantu memulihkan peluang tenaga kerja di Selangor di dalam menghadapi kemelesetan peluang pekerjaan, terutamanya semasa pandemik COVID-19.
- iii) Program Selangor Kerjaya. Perbadanan Menteri Besar Selangor juga telah mengadakan satu inisiatif baru, iaitu program Selangor kerjaya yang bertujuan untuk membantu rakyat Selangor mencari pekerjaan. Program ini menawarkan peluang pekerjaan melalui pepadanan kerjaya yang berkesan melalui portal Selangor kerjaya. Melalui laman web dengan pautan ..... Saya rasa nanti itu, boleh nanti diserahkan. Terlalu banyak. Kemudahan Selangor Talian Portal adalah diberi secara percuma kepada majikan yang mahu mengiklankan jawatan kosong dan individu yang ingin mencari peluang pekerjaan. Di mana mereka hanya perlu mendaftar dengan Selangor Talian Portal. Calon akan melalui penilaian profil serta pepadanan kerjaya tertakluk kepada pekerjaan yang diiklankan dan pemilihan tersebut akan dilakukan oleh majikan yang berdaftar sebelum penempatan kerja sebenar berlaku. Setelah penempatan berlaku, calon akan diberikan latihan-latihan profesional dan asas pembelajaran atas talian selama 12 bulan.

Bagi soalan kedua, Kerajaan Negeri Selangor mengambil maklum perintah kawalan pergerakan pelan pemulihan negara yang sedang berkuat kuasa kini adalah merupakan tempoh yang amat mencabar. Di dalam pelbagai aspek, kepada setiap lapisan masyarakat kini. Ia telah memberi kesan secara langsung kepada sektor pekerjaan. Di mana kebanyakan syarikat mula gulung tikar, sekali gus terpaksa memberhentikan pekerja masing-masing. Dan ini telah meningkat kadar pengangguran. Oleh yang demikian sebagai inisiatif tambah kepada program yang disebutkan di atas, Kerajaan Negeri turut dalam penelitian rangka kerja dan kaedah

yang efisien untuk terus memberi bantuan-bantuan program berbentuk bengkel, seminar, kursus jangka pendek dan sederhana dalam memberi ilmu pengetahuan baru dan mengilap kemahiran sedia ada atau baru sebagai value added, dalam meningkatkan lagi peluang pekerjaan alternatif sebagai punca pendapatan baru di dalam sektor pekerjaan dan perniagaan mengikut keperluan semasa. Kerajaan Negeri Selangor sedar wabak pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan negatif terhadap seluruh lapisan masyarakat, terutamanya rakyat negeri Selangor. Oleh yang demikian, sedar akan kemelut dan cabaran yang dihadapi oleh rakyat, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan berjumlah RM73.8 Juta di bawah Pakej Kita Selangor 2.0 sepanjang pandemik wabak COVID-19, dengan melaksanakan beberapa inisiatif yang dapat membantu mengurangkan bebanan rakyat seperti berikut :-

- i) Program Bakul Makanan. Inisiatif khas untuk golongan B40, pemandu bas dan van sekolah, pemandu teksi dan bas persiaran. Ibu tunggal dan OKU, seperti pesakit COVID-19.
- ii) Bantuan kewangan pesakit COVID yang meninggal dunia. Bantuan RM1,000.00 akan diberikan bagi setiap keluarga waris.
- iii) Bantuan khas RM500.00 untuk OKU. Bantuan RM500.00 secara *one-off*.
- iv) Moratorium usahawan Hijrah Selangor. Moratorium Pinjaman Hijrah selama satu setengah bulan kepada 40,000 usahawan.
- v) Penangguhan bayaran balik pinjaman Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor. Tempoh ansuran dilanjutkan daripada 6 bulan kepada 12 bulan selepas tamat pengajian.
- vi) Portal EPDRS Mind, RM500,000.00 di peruntukkan untuk pelajar yang akan menduduki SPM. Program tuisyen rakyat Selangor.
- vii) Penangguhan bayaran sewa PPR dan Smart Sewa. Penangguhan bayaran sewa bulan bagi bulan Julai 2021.
- viii) Bantuan khas RM450.00 *one-off*. Untuk pengusaha tadika di Selangor yang diurusetiaikan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.
- ix) Bantuan khas RM150.00 *one-off* kepada setiap guru-guru tadika di Selangor. Penangguhan bayaran pinjaman biasiswa Yayasan Selangor, bermula 1 April – 30 September 2021. Urus setia Cawangan Basiswa dan Pinjaman Pelajaran bagi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang mengendalikan perkara tersebut.
- x) Bantuan kewangan sektor pelancongan merangkumi geran bantuan kewangan. Baucar pelancongan, program latihan digital, bantuan kewangan kepada persatuan pelancongan, diurusetiaikan oleh Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri Selangor.
- xi) Data Internet Selangor B40. Kad sim dengan data Internet tanpa had kepada B40 bernilai RM15. Dan subsidi RM20 akan dibayar oleh MBI secara permohonan atas talian.
- xii) Skim internet Selangor M40. Setiap isirumah akan berpeluang menikmati subsidi antara RM10 hingga RM30 sebulan. Bagi tempoh setahun bermula

1.7.2021. Terdapat 8 pakej internet yang akan diperkenal untuk golongan M40 oleh MBI. Secara permohonan atas talian.

- xiii) Bantuan Selangor Advance untuk menyelamatkan dan menjamin, pekerja syarikat yang terjejas oleh MBI, secara atas talian.

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R. GEORGE** : Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan yang telah disediakan. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan, memang banyak program yang telah dirancangan terutamanya untuk golongan-golongan graduan yang telah kehilangan kerja dan sebagainya. Dan, saya nak tanya, apakah *success rate*, program-program ini, dan adakah *follow up plan on this people*. Dan juga, ada tak syarat-syarat dikenakan kepada GLC-GLC kita, ataupun pekilang-pekilang ataupun syarikat-syarikat tempatan di negeri Selangor untuk melantik mereka. *So there, we can actually*, dengan izin, *provide* pekerjaan untuk golongan graduan ini. Terima kasih,

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Sentosa. Memandangkan tadi saya telah menyatakan tentang lepasan graduan. Sebenarnya di bawah Yang Berhormat daripada Paya Jaras, portfolio beliau. Tapi disebabkan soalan ini telah bercampur aduk. Maka saya telah menjawab juga. Tapi bagaimanapun, memang cadangan mengatakan GLC-GLC yang patut memberi latihan dan sebagainya. Saya percaya dalam perbincangan dan juga dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER** : Dipersilakan Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : TINDAKAN KE ATAS KERJA TANAH TANPA KEBENARAN**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dari 2020 hingga Jun 2021, berapakah jumlah kerja tanah haram yang berjaya dikesan dan dikompaun?

## 25 OGOS 2021 (RABU)

- b) Daripada jumlah itu, berapakah jumlah yang gagal melakukan baikpulih ke atas tanah berkenaan?
- c) Berapakah jumlah yang telah didakwa di mahkamah kerana gagal melakukan baikpulih tanah?

### JAWAPAN:

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Dusun Tua, atas soalan yang ditimbulkan. Berdasarkan semakan daripada Pihak Berkuasa Tempatan ataupun pihak PBT Negeri Selangor. Bermula tahun 2020, sehinggalah tarikh Jun 2021, jumlah kerja tanah haram yang berjaya dikesan adalah 215 kes. Dan 169 kes-kes tersebut telah di kompaun. Daripada jumlah tersebut, 34 kes adalah gagal baik pulih tanah dan tiada kes yang telah didakwa. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut, kalau untuk jumlah kerja tanah haram, yang paling banyak kita dapati kesannya di MPK, Majlis Perbandaran Klang, ada 52 kes. Di tempat kedua kes tertinggi adalah MPKj, Kajang, dengan 40 kes. Dan Majlis Perbandaran Kuala Langat ada sebanyak 33 kes. Yang lain, tak begitu. Maafkan saya, Majlis Daerah Hulu Selangor juga besar, ada 36 kes. Yang lain-lain, sekitar satu dua kes dan mungkin, Subang Jaya ada 15 kes.

Untuk jumlah-jumlah kerja yang ada kompaun sekali lagi yang paling tinggi yang telah di kompaun adalah di Kajang, 40. 40 kes yang kita kesan 40 telah di kompaun di Majlis Perbandaran Klang daripada 52 kes yang telah dikenal pasti, 23 adalah jumlah kerja yang telah di kompaun daripada Subang Jaya ada 15 kes yang kita kesan, 15 kes telah di kompaun. Di Majlis Daerah Hulu Selangor 36 kes. 36 kes yang telah kita kompaun. Ada juga beberapa kes-kes yang melibatkan jumlah yang gagal di baik pulih iaitu di MPK ada sebanyak 15 tanah-tanah yang tidak dapat di baik pulih, di Subang Jaya ada 13 tanah-tanah yang tidak di baik pulih, manakala di Majlis Perbandaran Sepang daripada 12 kes, kita lihat ada 6 kes yang tidak dapat di baik pulih.

Untuk maklumat lanjut Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tindakan bersepadu antara pelbagai agensi kanan dan kerja tanah tanpa kebenaran terdapat 2 situasi kerja tanah tanpa kebenaran iaitu tiada dapat dikesan daripada kacau ganggu dan yang ada kesan sampingan. Jika terdapat kesan kacau ganggu, kompaun berulang akan dikenakan kepada pemilik dan pemaju, fail siasatan akan dibuka untuk tindakan lanjut sekiranya didapati tiada tindakan yang diambil oleh pemaju-pemaju. Saya akan cuba menghantar jadual itu di dalam layar e-sidang masing-masing, nanti tuan-tuan boleh tengok ataupun Yang Berhormat sekalian boleh lihat kes-kes di kawasan Majlis-Majlis Perbandaran tersebut . Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar, adakah sedikit kelonggaran yang diberikan dalam tempoh wabak COVID-19 ini kepada mereka-mereka yang mengusahakan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian dan juga mungkin penternakan lembu dan sebagainya yang telah diusahakan selama ini sebagai contoh mungkin penternak lembu ini kalau di Kuala Langat sementara menunggu pusat ternakan ini, dia boleh digunakan sehinggalah tamat tempoh wabak ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : : Terima kasih, buat masa ini peraturan kita tidak berubah. Peraturan kita tidak berubah. Kalau kita mengubah peraturan kita, ia juga akan memberi kesan kepada kedudukan tanah dan isu-isu tanah di negeri Selangor. Sebab yang pastinya tanah di negeri Selangor kita agak terhad dan kita terpaksa memaksimumkan hasil daripada tanah. Namun begitu, kalau setakat penggunaan penternakan dan sebagainya itu, biasanya kita akan memberikan peluang kepada pihak penternak ataupun pengguna untuk memohon secara rasmi daripada kerajaan, sebab pada waktu ini kita sedia mempertimbangkan beberapa perkara-perkara sebagai contoh sebelum ini, pemilikan lesen pendudukan sementara ataupun LPS ataupun dipanggil tanah TOL, kita hanya menetapkan dalam beberapa kategori, kerajaan negeri sedia untuk mempertimbangkan jika ada kepentingan dan juga ada keutamaan mengikut kepada kesesuaian kerana isunya adalah kacau ganggu serta isu-isu yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran dan juga pengurusan dan juga suasana di kawasan persekitaran. Maksudnya, tidak ada spesifik kelonggaran yang saya sebutkan itu, tetapi sudah pasti ketika PKP kita mengambil faktor kemanusiaan tidak diambil tindakan seterusnya kita hanya menasihatkan dan kerajaan negeri juga sedia berfikir untuk membuka ruang untuk LPS ini. Sebelum ini kita ada 5 kategori ya, *parking*, nurseri dan sebagainya. Kita dah tambah sebelum ini untuk jeti dan kalau ada keperluan-keperluan lain kita lihat kepada kepentinganlah, saya rasa EXCO yang berkenaan boleh menilai dan membawakan kepada pihak pentadbiran kerajaan negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR** : Saya, Y.B. Tuan Speaker. Soalan saya nombor 17.

**TUAN SPEAKER** : Pihak kerajaan nombor 17. Silakan. Kesihatan mental.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : KESIHATAN MENTAL**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan penjawat awam dalam Negeri Selangor yang dirujuk untuk mendapatkan rawatan kerana masalah kesihatan mental?
- b) Apakah kemudahan yang bersedia diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu penjawat awam yang menghadapi masalah ini?
- c) Adakah staf PKM layak mendapat kemudahan yang sama?

**JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Maaf Y.B Tuan Speaker, terima kasih Y.B. Sungai Ramal. Y.B. Sungai Ramal bertanya mengenai bilangan penjawat awam dari negeri Selangor yang dirujuk untuk mendapatkan rawatan kerana masalah kesihatan mental dan apakah kemudahan-kemudahan yang tersedia ada dan untuk menjawab soalan ini. Berdasarkan rekod perkhidmatan kaunseling yang telah dilaksanakan oleh Cawangan Pengurusan Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor terdapat 17 kes yang telah diadakan sehingga Julai 2021. Selain daripada itu, terdapat juga perkhidmatan Nasihat/Bimbingan/Pra-Kaunseling melalui kaedah *online Whatsapp, Telegram, FB Mesangger*, dan lain lain yang mencecah sebanyak 420 kes (tidak mengkhusus kepada Isu Kesihatan Mental) sehingga Julai 2021.

Y.B. Speaker, saya mohon izin menjawab soalan b, c, ini bersekali dengan soalan-soalan berikut. Soalan daripada YB Rawang, nombor 98 (c), Teratai, nombor 94 (c), Taman Templer, 137 (a), Kampung Tunku, 144 (b), Kota Anggerik, 151 (a), Kampung Tunku 188 (a), Subang Jaya, 208 (a), Sementa, 274 (b). Antara inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu para penjawat awam yang menghadapi masalah mental adalah dengan mewujudkan laman sesawang aturan temu janji Sistem Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (*e-psy*) dan laman *Facebook* Pusat Kaunseling Selangor, talian Sahabat. Inisiatif ini bagi memudahkan pelanggan membuat atur temu janji bersama kaunselor di Pusat Kaunseling Selangor selain memudahkan akses serta maklumat-maklumat berkaitan perkhidmatan Pusat Kaunseling Selangor.

Selain itu, Kerajaan juga mewujudkan cawangan pusat kaunseling Selangor di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT yang terpilih seperti Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dengan tujuan memudahkan lagi penjawat awam dan masyarakat untuk mendapatkan khidmat kaunseling bersama kaunselor dari pusat kaunseling Selangor. Walau

bagaimanapun, perkhidmatan kaunseling di pihak berkuasa tempatan adalah berdasarkan temu janji yang telah ditetapkan lebih awal.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri juga menyedari akan kepentingan penjagaan kesihatan mental terutamanya di kala pandemik COVID-19 yang semakin mencatat kadar kes harian yang tinggi. Statistik oleh Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan bahawa sejak 1 Januari 2021 hingga 18 Jun 2021 ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan, talian bantuan sokongan psikososial telah menerima sebanyak 122,328 panggilan. 3 kali ganda jumlah panggilan jika dibandingkan jumlah panggilan pada tahun 2020. Menyedari bahawa masalah kesihatan ini bukan sahaja melibatkan penjawat awam tetapi juga petugas barisan hadapan sama ada kakitangan kesihatan, kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat dan juga masyarakat awam. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam telah membangunkan sebuah inisiatif yang lebih holistik iaitu Selangor Mental Sihat ataupun SEHAT dengan peruntukan berjumlah RM500 Ribu. SEHAT ialah program kesihatan mental yang lebih holistik dan mampan mencakupi aspek promosi, kesedaran saringan awal. Program intervensi pembangunan modul dan latihan kaunselor melalui kerjasama pasukan penyelidik daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Universiti Sains Malaysia, Universiti Tunku Abdul Rahman dan NGO MIASA. Terdapat 4 objektif utama yang ingin dicapai melalui inisiatif SEHAT iaitu :

1. Meningkatkan kesedaran dan literasi rakyat negeri Selangor tentang kepentingan penjagaan kesihatan mental.
2. Mengurangkan stigma masyarakat terhadap isu-isu kesihatan mental melalui program-program promosi dan advokasi.
3. Menyediakan platform bagi rakyat negeri Selangor melakukan saringan awal kesihatan mental secara atas talian.
4. Menyediakan intervensi awal kepada rakyat Selangor secara atas talian melalui talian sokongan psiko sosial, forum sokongan PEER dan *Video Psycho Education*.

Sejak Jun 2021, kita telah memulakan program promosi dan kesedaran. Antaranya melalui Siri Bicara Kesihatan Mental secara atas talian bagi membincangkan tajuk-tajuk penting melibatkan panelis daripada pelbagai latar belakang seperti pakar bidang, ahli akademik, NGO, aktivis sosial dan sebagainya. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga buat julung-julung kali akan melancarkan perkhidmatan atas talian Selangor Mental Sihat dengan mengintegrasikan modul dan fungsi SEHAT ini ke dalam Aplikasi SELANGKAH. Melalui fungsi SEHAT, di Aplikasi SELANGKAH, para pengguna boleh melakukan ujian saringan awal secara sendiri untuk mengetahui tahap kesihatan mental mereka secara rasminya fungsi SEHAT di Aplikasi SELANGKAH ini akan dilancarkan secara rasmi oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor pada 30 Ogos 2021 ini. Setelah mendapat keputusan, para pengguna akan diberikan akses intervensi awal SEHAT secara percuma iaitu 30 video pendidikan

psikologi di Aplikasi SELANGKAH yang merangkumi tajuk-tajuk penting berkenaan kesihatan mental. Kedua, forum SEHAT iaitu Forum Sokongan Kumpulan atau PEER *support* yang membolehkan pengguna bertanya pandangan pengendali forum dan berbincang bersama para pengguna lain di Aplikasi *What's Doc* dan ketiga talian SEHAT iaitu talian sokongan psikososial yang disediakan bagi pengguna mendapatkan nasihat kaunseling daripada mana-mana 31 kaunselor bertauliah menerusi Aplikasi *What's Doc*. Saya juga ingin memaklumkan bahawa semua perkhidmatan kaunseling yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini tidak terhad kepada penjawat awam sahaja, pihak perkhidmatan ini terbuka kepada ahli keluarga penjawat awam dan masyarakat umum.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : Terima kasih , soalan tambahan yang pertamanya adakah SEHAT ini akan merangkumi pelbagai Bahasa sebab *crowd* yang lain akan mempunyai kaedah yang lain untuk sampaikan mesej kepada mereka dan kedua bolehkah Y.B. EXCO maklumkan siapa NGO-NGO kesihatan mental yang terlibat dalam projek ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Y.B. Kampung Tunku, soalan yang pertama tadi mengenai Bahasa. Pada peringkat awal kita menyediakan dahulu di dalam Bahasa Malaysia dan kemudian kita akan alih Bahasa program-program yang telah disiapkan dan kita ada kaunselor-kaunselor yang boleh berbahasa dalam Bahasa selain daripada Bahasa Malaysia. Kita ada daripada pelbagai kalangan bangsa untuk kaunseling. Untuk NGO yang terlibat, kita sebenarnya melibatkan 3 Universiti saya sebut tadi UTAR, UIA dan juga USM dan NGO yang terlibat ialah MIASA. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Soalan tambahan Tuan Speaker. Y.B EXCO, saya ingin ucapkan tahniah atas usaha-usaha yang telah diterangkan. Cuma di sini, saya juga ingin bangkitkan isu bahawa untuk isu kesihatan mental ini merupakan isu yang kompleks. Jadi walaupun kami ada kaunselor yang bagus, tetapi kalau seseorang itu memerlukan intervensi yang lebih, contohnya *clinical psychologist* ataupun *psychiatrist*. Adakah program sedia ada merangkumi perkhidmatan ini? Kalau tidak, adakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan contohnya kerjasama dengan *Malaysian Clinical Psychiatrist Association* dan *Malaysian Clinical Psychologist Association* sebab saya difahamkan juga bahawa mereka sudi bekerjasama untuk dalam pihak swasta menurunkan harga untuk membekalkan perkhidmatan yang lebih boleh diakses oleh orang ramai kerana mereka juga faham dalam keadaan pandemik ini mungkin *household income* tak berapa mungkin tak boleh menampungnya perbelanjaan jadi mereka sudi untuk kerjasama. Jadi saya nak tanya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat ringkaskan ya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Ya itu sahaja, terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Y.B. Subang Jaya. Sebenarnya daripada kaunseling dan daripada interaksi mereka dengan para kaunselor kemudiannya memang sesetengah mereka akan memerlukan orang kata rujukan seterusnya. Jadi rujukan-rujukan ini sekarang ini kita terhad kepada apa yang ada di dalam perkhidmatan kerajaan, Kementerian Kesihatan, kalau misalnya mereka memerlukan rujukan kepada memerlukan ubat-ubatan dan sebagainya tentu kita perlu kepada pakar psikiatri dan kalau pada *clinical psychologist* pun ada di dalam perkhidmatan kerajaan. Saya akui buat masa sekarang kita tidak menyediakan peruntukan untuk membayar khidmat nasihat ataupun rawatan lanjutan daripada pihak-pihak Y.B. sebut tadi.

Walau bagaimanapun saya sangat terbuka untuk berjumpa dan mendengar apakah yang mereka ingin cadangkan kepada kita dan ia akhirnya terpulang. Sebenarnya kita boleh bekerja samakan dengan semua orang. Tetapi bila masuk kepala duit (duit, ringgit dan apa itu) saya perlu berbincang dengan pihak PWN lah nanti sama ada kita ada kemampuan untuk meneruskan program-program berbayar seperti itu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Soalan saya nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PAKEJ KITA SELANGOR 2.0**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan program dan inisiatif Kita Selangor 2.0 setakat ini?
- b) Adakah kerajaan akan memberi penambahan peruntukan dan menyediakan komponen-komponan inisiatif baru dalam Paket Kita Selangor 2.0?

**JAWAPAN:**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan terima kasih Sungai Panjang yang bertanyakan soalan berkenaan dengan pencapaian Pakej Kita Selangor.

Untuk soalan pertama Pakej Kita Selangor 2.0 yang telah diumumkan pada 9 Jun 2021 melibatkan lebih daripada 20 inisiatif. Pakej ini merupakan susulan daripada Pakej Kita Selangor 1.0 yang telah pihak kerajaan negeri umumkan pada 20 Januari 2021 dengan implikasi RM75.87 Juta melalui 20 program ataupun 20 inisiatif. Sehingga 16 Ogos 2021, sebanyak RM236.63 Juta bersamaan dengan 42.9% telah dibelanjakan daripada peruntukan keseluruhan sebanyak RM551.56 Juta yang telah memberi manfaat kepada 496,800 orang penerima-penerima di kalangan rakyat dan penduduk Negeri Selangor.

Sejak ia diperkenalkan 9 Jun yang lalu, sebanyak 3 program atau 3 inisiatif telah selesai sepenuhnya iaitu :-

- a) Moratorium Usahawan HIJRAH Selangor selama satu setengah bulan yang memberi implikasi kewangan sebanyak RM11.35 Juta dan ia bermanfaat kepada sekitar 40,000 orang penerima di kalangan peminjam-peminjam HIJRAH;
- b) Penangguhan bayaran sewa PPR dan Smart Sewa selama satu bulan iaitu bulan Julai 2021 yang memberikan implikasi kewangan sebanyak RM900,000 dan seramai 3,109 orang penerima dan penerima manfaat di kalangan penduduk-penduduk di PPR dan Program Smart Sewa;
- c) Penangguhan bayaran pinjaman pelajaran biasiswa Yayasan Selangor yang memberi implikasi sebanyak RM1juta yang memberi manfaat kepada 286 orang bekas-bekas pelajar Yayasan Selangor. Antara yang telah berjalan adalah bantuan Mahasiswa Selangor yang memakan belanja sekitar RM900,000 dengan liputan penyerahan sumbangan kepada 4,592 mahasiswa mahasiswi rakyat negeri Selangor di seluruh semenanjung Malaysia yang dikatakan terkandas ataupun terdesak di kampus masing-masing.

Di bawah Pakej Kita Selangor 2.0, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif melalui ujian saringan COVID-19 komuniti Fasa 3 yang telah menelan belanja sebanyak RM6.34 Juta meliputi sebanyak 70,445 saringan. Kerajaan negeri juga memberikan juga kit penilaian sendiri di rumah kepada individu yang didapati positif daripada hasil saringan komuniti yang dilaksanakan. Kit ini mengandungi antaranya adalah, pelitup muka dan kit ujian air liur bagi pesakit membuat pemantauan sendiri mengenai tahap kesihatan mereka.

Manakala sudah pasti komponen terpenting di bawah Pakej Kita Selangor 2.0 adalah Program Vaksinasi yang sedikit sebanyak telah dijelaskan oleh Y.B. Dr. Mariah sebentar tadi. Bagi bantuan khairat kematian sejumlah 1,946 pemohon telah diterima

oleh kerajaan negeri dalam proses kelulusan serta penyaluran. Namun mengambil kira jumlah permohonan yang agak meningkat berikutan peningkatan kes kematian yang dicatatkan, kerajaan negeri telah bersetuju menambah RM1 Juta lagi bagi menampung perbelanjaan permohonan asal yang awalnya sekitar RM1.5 Juta sahaja.

Baki 22 inisiatif antaranya ialah bantuan khas orang kelainan upaya (OKU), bantuan khas pengusaha tadika dan juga inisiatif lain sedang dalam pelaksanaan bagi tujuan memuktamadkan penyaluran kepada penerima. Perincian bagi inisiatif boleh dikemuka secara bertulis kepada Yang Berhormat dan sebenarnya dalam masa tempoh satu atau dua minggu yang lepas kita melaksanakan selangorkita.my yang sekarang sedang dikemas kini prestasi perbelanjaan dan juga usaha-usaha kita termasuk juga permohonan-permohonan untuk inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan.

Bagi soalan kedua berhubung dengan penambahan peruntukan dan inisiatif-inisiatif baru dalam Pakej Kita Selangor 2.0, kerajaan negeri memahami tekanan kewangan yang dihadapi oleh rakyat semenjak bermulanya Pandemik COVID-19 pada tahun lepas. Ini dapat dilihat semakin tidak menentu khususnya melalui perebakan Varian Delta yang semacam memberi dampak baru kepada masyarakat melalui peningkatan kes dan peningkatan mutakhir ini. Ramai individu yang mengalami pengurangan pendapatan malahan terdapat juga sebahagian rakyat yang kehilangan pendapatan secara total apabila kehilangan pekerjaan dan terpaksa melalui kehidupan dengan serba kekurangan. Tekanan kewangan akibat daripada kehilangan pendapatan ini bukan saja dialami oleh rakyat tapi turut dialami oleh kerajaan negeri apabila pendapatan kerajaan negeri turut terkesan dengan ketara dengan pelbagai kekangan-kekangan dan juga perintah-perintah yang telah digunakan untuk kita memutuskan rantai tersebut.

Oleh itu dalam merencana bantuan yang akan disediakan kepada rakyat, kerajaan negeri mengambil kira kedudukan kewangan semasa dan mempersiapkan strategi dan trend analisis yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui *scenario planning* yang bersesuaian. Antara tambahan-tambahan yang kita dah sebutkan, kita dah buat antara kita umumkan tentang penggunaan *saliva test kit* dan kita agihkan. Itu tak termasuk dalam Pakej 2.0 yang pertama. Kita tambah peruntukan lagi RM1 Juta untuk khairat kematian dan *insyallah* kalau ada keperluan dan juga kepentingan *insyallah* kita boleh merangkakan dan menambah pembelian vaksin atau penyenaian vaksin jika kerajaan dan juga Jabatan Kesihatan dan jabatan tertentu telah meluluskan penggunaan ataupun *jab booster* ataupun cucukan untuk pemangkin bagi memastikan rakyat di negeri kita cukup-cukup terkawal dan memastikan kita dapat meneruskan kehidupan walaupun dibayangi dengan pandemik dan COVID-19. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Terima kasih Y.A.B. Dato' Menteri Besar di atas apa nama ini penjelasan dan juga penerangan berkenaan tambahan-tambahan dalam Pakej Kita Selangor. Cuma ada beberapa perkara yang mungkin kita perlukan penjelasan. Yang pertamanya berkenaan dengan permohonan bantuan khairat kematian ini. Bagaimanakah kaedahnya? Dan adakah ianya terhad melibatkan kuota di setiap DUN ataupun melalui pendaftaran-pendaftaran yang lain.

Yang keduanya berkenaan dengan Selangor Advance. Berapa ramai daripada sektor ini yang telah dibantu melalui *System Factoring* melalui Selangor Advance? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Untuk program khairat kematian *insyAllah* nanti saya akan *share* kan *link* nya. Dia terbuka. Dia tidak ada kuota ikut DUN sebenarnya. Kita melihat kepada angka kematian dan mereka boleh memohon terus dengan sistem yang telah kita siapkan, *websitenya* saya akan kemukakan sebentar lagi ataupun akan diumumkan oleh EXCO yang berkenaan. Dia ada *website* dia. Atau pun di *kitaselangor.my* itu pun sendiri kita boleh membuat permohonan untuk menyertai program khairat kematian yang telah ataupun menyenaraikan mereka-mereka yang layak dalam program khairat kematian.

Semalam saya memaklumkan daripada laporan terkini Selangor Advance, lebih daripada 900 syarikat telah menyertai Program Selangor Advance pada peringkat pertama. Dan yang kedua, kita sedang mempertingkatkan lagi kos dan juga tambahan kepada Program Selangor Advance kerana ia merupakan satu *revolving fund* dan *revolving fund* ini mampu menyelamatkan kerana ia mempercepatkan aliran tunai ataupun memperkemarkan aliran tunai dan kita anggarkan lebih daripada 50,000 pekerja-pekerja di negeri Selangor terselamat daripada dibuang kerana aliran tunai kepada syarikat-syarikat tertentu dapat dipercepatkan dengan kaedah-kaedah *factoring* (dengan izin) sebagaimana yang dimaksudkan oleh Y.B. Sungai Panjang sebentar tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : LANGKAH KERAJAAN UNTUK MEMULIHKAN INDUSTRI  
PELANCONGAN WARISAN NEGERI SELANGOR**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu pemain seni dan Adat Melayu dalam pandemik ini?
- b) Bagaimanakah kerajaan membantu para pemain gasing pangkah tradisional dalam mengembangkan industri pelancongan warisan di Negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah peruntukkan dan peratusan penerima manfaat?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Y.B. Sementa. Saya akan jawab soalan bagi soalan (a) dan (c) sekali. Di kala tempoh Kawalan Pergerakan (PKP), kita semua sudah maklum bahawa semua aktiviti berkumpulan termasuk persembahan seni secara fizikal tidak dibenarkan. Di atas sebab kekangan ini, kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk mengolah kembali kaedah pelaksanaan program. Maka antara usaha yang telah dapat dilaksanakan adalah dengan kaedah digital iaitu persembahan secara talian. Kaedah ini juga dapat memberi selari dengan SOP baru iaitu ketika PKP, malah pencapaian penonton yang lebih meluas. Maka pertama kalinya kerajaan negeri telah mengolah kembali Program Rentak Selangor *Live* secara maya dan telah bersiaran pada 28 Februari 2021 di *platform-platform* digital seperti di TV Selangor, laman *Facebook* Rentak Selangor dan saluran *YouTube* Rentak Selangor dan aspek penganjuran ini bekerjasama dengan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor. Dan turut bekerjasama dengan Warisan Sounds Studio maka program bersiaran lebih kurang sejam ini telah mencatat 64,000 tontonan serta mendapat hebahan dan liputan meluas daripada seluruh media dan di dalam negara dan di luar negara.

Melalui program talian ini pertama kali diadakan seumpama ini telah mempersembahkan pelbagai persembahan kebudayaan iaitu kita telah mendengarkan 12 kumpulan (Kumpulan Cempuling Riadah Kampung Kanchong Darat, Cempuling Tunas Sinar Baru Kampung Sungai Lang Tengah, Gendang Tor Tor Gombak, Tarian Bahbola Muzium Orang Asli Gombak, Kumpulan Muzik Artis Budaya MKNS, Kumpulan Tarian Artis Budaya MKNS, Kumpulan Tarian Singa Loke Petaling Jaya, Kumpulan Tarian Era Dance Klang, Kumpulan Angklong Seni Warisan, Kumpulan Band Recycle Hulu Selangor, Kumpulan Busker Bob Sentuhan dan juga Busker Ape Ape Roger termasuk artis jemputan kita iaitu Wak Mustar).

Program ini telah berjaya melaksanakan promosi kumpulan-kumpulan kesenian budaya yang ramai dengan menonjolkan kemahiran keunikan tersendiri. Dengan cara ini, kita berharap kumpulan ini akan dapat bertahan mengharungi tempoh PKP yang

## 25 OGOS 2021 (RABU)

mencabar ini. Menerusi usaha ni kumpulan-kumpulan kesenian dapat dibela. Malah program ini menjadi platform kepada mereka untuk terus dikenali di kalangan rakyat agar selepas tempoh PKP ini mereka boleh kembali menjalankan persembahan di lapangan. Hasil sokongan kerajaan negeri melalui program seperti ini ia telah memberi manfaat. Seramai 150 orang artis budaya dan lebih daripada 500 pekerja di belakang tabir dari pelbagai kemahiran seperti pengarah persembahan, *makeup artist*, media sosial, pekerja studio rakaman, jurugambar, pemandu, pembekal perkhidmatan khemah, penyelia makanan dan sebagainya.

Secara purata, kerajaan negeri telah memberi manfaat sebanyak RM150,000 kepada 150 penggiat seni di dalam industri termasuk daripada penyelia perkhidmatan seni, hiburan, penari muzik tradisional hinggalah moden kumpulan *busker*. Pada musim Aidilfitri yang lepas, kerajaan negeri menerusi Standco Kebudayaan juga melaksanakan sebuah program yang bertemakan Sambutan Aidilfitri 2021 di mana ia khusus untuk menghimpunkan dan meraikan penggiat seni dan budaya berhari raya bersama pemimpin secara digital. Program ini telah disiarkan menerusi media sosial, *YouTube* yang telah berjaya mencatatkan 138,000 tontonan semasa.

Selain daripada itu, kerajaan negeri juga melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor atau PADAT telah menganjurkan Program Semarak Seni dan Budaya atau SENADA yang bersiaran langsung pada setiap Rabu minggu kedua dan keempat dengan membawa pelbagai isu dan persembahan warisan tradisional terutama berkaitan dengan kebudayaan adat Melayu.

Selain daripada kumpulan seni persembahan, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan juga melaksanakan program bersama dengan Selangor Kini dalam program sastera iaitu Hari Sastera Selangor. Menerusi program ini, kerajaan telah menyalurkan peruntukan dan menjayakan meraikan kumpulan sasterawan, penulis, penyair yang terdiri daripada mereka yang profesional dan bakat-bakat baru. Terkini, kerajaan negeri telah bekerjasama dengan Kelab Penghibur Jalanan Malaysia untuk penganjuran Program Buskers Selangor bertujuan untuk memberi sokongan moral serta kewangan melalui peluang persembahan di lokasi-lokasi Pusat Pemberian Vaksin ataupun PPV di lokasi-lokasi yang sesuai di sekitar Negeri Selangor bermula pada 13 Ogos lalu dan masih diteruskan sehingga sasaran bantuan dicapai. Melalui Program ini seramai 2000 seniman jalanan yang berdaftar di Negeri Selangor di bawah Kelab Persatuan ini. Namun sekitar 500 *buskers* sahaja yang kini masih aktif, dan *buskers* ini berjumlah besar daripada sejumlah besarnya telah bertukar kerjaya dengan sebahagiannya menjadi  *rider Grabfood, Food Panda* dan sebagainya. Maka sekitar 500 orang yang masih aktif mereka akan mendapat manfaat program ini dan seterusnya membantu meringankan bebanan kewangan serta emosi tekanan kesan daripada pandemik 19 ini. Kos peruntukan Program ini, sekitar RM250,000 dan bagi *buskers* melibatkan 500 *buskers* keluarga dan manfaatnya. Untuk jawapan soalan B, Jawatankuasa Luar Bandar dan Kebudayaan melalui agensi PADAT, telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam memajukan, mengembangkan lagi permainan gasing pangkah sebagai

salah satu sukan warisan di Negeri Selangor. Antara yang telah dilaksanakan sebelum ini, pertandingan gasing pangkah terbuka Negeri Selangor dan dipersembahkan permainan gasing setiap daerah melalui turun daerah anjuran EXCO Kerajaan Negeri. Selain dari itu, PADAT juga telah mempromosikan gasing pangkah melalui pengisian program-program pendidikan yang dilakukan di Sekolah-Sekolah, melalui Muzium ke Sekolah. Pihak Standco Adat Melayu dan warisan juga berusaha untuk mengangkat permainan gasing pangkah ini dijadikan sebagai permainan tradisional Negeri Selangor. Selain daripada itu, Agensi PADAT juga, sedang dalam proses mewujudkan sebuah Muzium permainan yang terletak di Kuala Selangor, apabila siap kelak Muzium ini bukan sahaja untuk menjadi pusat tarikan kesenian dan pelancongan, malah ia akan menjadi pusat aktiviti permainan tradisional, seperti gasing, congkak dan juga galah panjang dan berbagai-bagai-bagai lagi permainan tradisional. *InsyAllah*, persiapan menyiapkan muzium ini sudah tahap akhir, kerana prosesnya sedikit kelewatan disebabkan kekangan PKP sehingga kini. Dalam aspek permainan gasing pangkah kita mempunyai cadangan untuk mengembangkan dan juga penguatkuasaan bagi permainan gasing pangkah ini selari sebagai salah satu Pelancongan Warisan iaitu :

- i) Melakukan penyelidikan penerbitan buku mengenai gasing pangkah
- ii) Mengangkat gasing pangkah sebagai salah satu identiti Negeri Selangor
- iii) Mengajukan kejohanan gasing pangkah setiap 2 tahun dan program-program yang terlibat dalam masyarakat awam, seperti bengkel pembuatan dan juga permainan gasing pangkah di Negeri Selangor.

Akhirnya, mengenal pasti lokasi gelanggang gasing pangkah dan membantu dalam untuk penjagaan fasiliti dan baik pulih gelanggang gasing pangkah, yang lokasinya sedia ada di Kampung Bukit Kapar dan lain-lain. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI** : Soalan saya soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : KEBAJIKAN PEMANDU TEKSI, VAN DAN BAS**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi membantu para pemandu teksi, van dan bas di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Kota Anngerik kerana cukup prihatin dengan keadaan para pemandu teksi, van dan bas di Negeri Selangor. Tuan Speaker, sepanjang berlakunya pandemik COVID-19, berbagai usaha dan bantuan telah diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui pakej kita Selangor 1.0 dan 2.0 kepada golongan-golongan yang terjejas. Bagi menyantuni kumpulan sasar yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan seperti para pemandu teksi, van dan bas sekolah. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM553,900.00 bagi membantu bagi memberi bantuan bakul makanan bernilai RM100.00 kepada 553,900 orang yang dikenal pasti daripada kumpulan sasar tersebut. Pengedaran bakul makanan ini dilaksanakan oleh Yayasan *Food Bank* Malaysia dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan diselaraskan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Kerajaan Negeri akan memastikan tiada golongan yang tertinggal dalam sebarang bentuk bantuan yang disediakan pada masa akan datang agar lebih ramai golongan penerima menikmati bantuan ini demi kelangsungan hidup yang kian mencabar. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya yang ke 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : DIGITALISASI JS-SMUE DAN JS-PERAYAAN**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Beberapa program kebajikan Kerajaan Selangor yang dilaksanakan sejak tahun 2008 seperti Jom Shopping SMUE dan Jom Shopping Perayaan selalunya melibatkan perhimpunan orang ramai khususnya warga emas? Apakah rancangan untuk mendigitalisasikan sebahagian atau keseluruhan program-program ini melalui aplikasi mudah alih SELangkah?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Tuan Speaker, Untuk maklumat Y.B. Banting, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak Yayasan Warisan Selangor, YAWAS. Selaku agensi pelaksana Program Skim Mesra Usia Emas, ini sedang dalam proses mengkaji kebolehlaksanaan untuk mendigitalisasikan Program Jom Shopping SMUE dan Jom Shopping Perayaan menggunakan sistem aplikasi e-

*voucher*, *e-wallet* atau kad pintar. Memandangkan keadaan pandemik yang perlukan pengurusan program secara *contactless* dan selamat. Khususnya program Jom Shopping SMUE yang melibatkan golongan warga emas dan orang kurang upaya. Walau bagaimanapun, ianya masih di peringkat perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat. Terima kasih di atas keperihatian Y.B. Banting, saya percaya kedua-dua program Jom Shopping SMUE dan Jom Shopping Perayaan ini, akan digitalisasikan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor ke arah *Smart State* menjelang tahun 2025.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker, saya berpendapat perkara ini perlu dipercepatkan kerana kita melihat modul pelaksanaan Jom Shopping sekarang adalah berlandaskan pelaksanaan secara manual. Orang ramai kena datang ambil *voucher*, ambil *voucher* kena pergi tukar kupon dan sebagainya membeli belah dan sebagainya, jadi banyak persembukaan di situ dan perkara ini juga menimbulkan tanda tanya kerana terdapat pasar raya yang tidak dapat menawarkan *online shopping* ataupun *delivery services*. Jadi saya berharap, apakah kerajaan juga akan membincangkan skop. Skop perbincangan sama ada kita membangunkan aplikasi SELangkah ini, sebab kerana saya lihat dalam aplikasi SELangkah ada vintech *e-wallet* dan sebagainya. *Function* itu ada di situ, tapi adakah kita boleh menggunakan aplikasi SELangkah ataupun aplikasi cepat untuk memasukkan fungsi ini di dalam pendigitalisasikan Jom Shopping dan program-program kebajikan yang lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Itu ialah soalan saya.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Y.B Banting, memang seperti yang dinyatakan tadi, program ini telah sedang dalam perbincangan yang panjang lebar kita menyedari, keadaan yang pandemik COVID, kalau kita memahami sebelum ini kita kumpul ramai-ramai di pusat membeli belah. Tetapi sekarang kita edarkan *voucher*, ini juga salah satu cara inisiatif daripada YAWAS. Untuk mengurangkan kadar perjumpaan *contactless* dengan sebarang orang yang hendak membeli belah. Bagaimanapun adalah program seperti tadi, cadangan tadi Y.B yang menyatakan mendigitalisasikan dan juga penggunaan aplikasi SELangkah itu akan juga dikaji dalam perbincangan dengan YAWAS perkara ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara. Tekan mic.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Soalan saya yang ke 22.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Soalan Kota Damansara yang ke 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : MORATORIUM HIJRAH**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan merancang untuk melanjutkan tempoh moratorium kepada satu masa yang lebih sesuai?

**JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Kota Damansara. Kota Damansara bertanya tentang Moratorium Hijrah yang telah pun dilaksanakan dan soalnya apakah Kerajaan Negeri akan melanjutkan lagi tempoh moratorium ini, jawapannya ringkas sahaja moratorium yang telah tamat dua kali tetapi Kerajaan Negeri belum ada rancangan untuk memanjangkan ataupun melanjutkan. Tetapi izin kan saya, membaca sedikit perkembangan ataupun laporan daripada hasil daripada dua moratorium yang telah dilaksanakan :

i) Dari jumlah peminjam seramai 11,449 yang aktif dan tetap membayar selama ini, kita telah dapati bahawa bilangan peminjam yang terus membayar mengikut jadual apabila moratorium Hijrah telah diperkenalkan adalah sebanyak 3,275 iaitu lebih kurang 44.5% yang kekal membayar. Yang bakinya, orang kata yang tidak mengambil ataupun tidak mahu terlibat adalah sebanyak 7,362, maknanya mereka tidak ambil. Dia tidak ambil moratorium tersebut. Jadi bila moratorium pertama telah dilaksanakan pada tahun lepas 23/3/2020 sehingga 14/6/2020 lebih panjang tiga bulan. Dan moratorium kedua di bawah pakej kita Selangor Kerajaan telah pun melaksanakan pada 15/6/2021 hingga ke 31/7/2021. Jangkanya ataupun masa moratorium diberikan hanyalah enam bulan. Jadi kalau kita lihat moratorium ini adalah automatik. Maknanya tidak perlu dipohon seramai 11,449 itu akan terus ditawarkan tetapi daripada situ kita lihat kita terus 44.48 peratus kekal hendak bayar juga. Maknanya ini adalah satu induksi yang baik kerana tanggungjawab mereka untuk membayar dan kebanyakan mereka juga dikalangan mereka yang hendak membayar ini tidak terkesan dengan perniagaan. Jadi apa yang berlaku selepas itu, selepas tamatnya moratorium kali ke dua iaitu 31/7/2021 peminjam Hijrah yang tidak dapat membuat bayaran juga, jadi kita tawarkan satu lagi skim iaitu skim penjadualan semula. Bagi mereka yang masih ada lagi masalah bayaran, skim penjadualan semula ini telah pun ditawarkan dan seramai 544 orang peserta yang menerima tawaran ini. Jadi walaupun kita tidak meneruskan moratorium Yang Berhormat semua, khususnya Kota Damansara, tetapi langkah-langkah seterusnya kita masih lagi ambil untuk memastikan peminjam-peminjam Hijrah

ini dapat kelangsungan kehidupan dan perniagaan mereka. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Pandamaran.

**Y.B TUAN LEONG TUCK CHEE** : Terima kasih, Tuan Speaker, soalan saya yang ke-23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KES KEMATIAN AKIBAT COVID-19 DI MUKIM KLANG DAN SELANGOR**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah kes kematian akibat COVID-19 di Mukim Klang dan Negeri Selangor dari 1hb Jan 2021 hingga 31hb Jul 2021.
  
- b) Berapakah kes kematian disebabkan varian Delta, Alpha, Gamma dan Beta?

**JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Pandamaran bertanya mengenai jumlah kematian COVID-19 di Mukim Klang dan Negeri Selangor dari 1hb. Januari hingga 31hb Julai. Untuk makluman Yang Berhormat, Mukim Klang mencatatkan jumlah keseluruhan kematian akibat COVID-19 seramai 328 kes. Dan untuk keseluruhan negeri Selangor, kita dapat 3996 kes ini sampai 31hb Julai sahaja Yang Berhormat. Terima kasih. Ada lagi satu bahagian Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Ada lagi, ok teruskan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Soalannya ialah, mengenai sama ada kematian ini disebabkan oleh varian beberapa varian virus COVID ini. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada data diperingkat CPRC, JKNS tentang kematian oleh jenis varian yang berlainan. Tidak semua kes yang dijalankan oleh ujian penjujukan genom, bagi menentukan kes jenis varian. Hanya sebilangan kecil, kes yang dijalankan ujian tersebut. Dan hasil ujian tidak dapat diekstrapolasi kepada penyebab kematian kerana data yang tidak bersifat *presentative*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : *Alhamdulillah*. Soalan saya nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PDPR**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat memberi peruntukkan untuk pelajar yang memerlukan alat peranti bagi kemudahan pembelajaran PDPR?

**JAWAPAN:**

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Tunggu seminit tidak jawab habis la masa itu. Terima kasih, Taman Templer. Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan untuk bantuan alat peranti kepada para pelajar setakat ini. Namun begitu untuk memudahkan pelaksanaan PDPR Kerajaan Negeri telah menyediakan satu program data percuma. Iaitu program data Internet Selangor yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar yang *insyallah* akan mula diagihkan sekitar Oktober tahun ini. Program Data Internet Selangor dimunafatkan kepada pelajar-pelajar yang menyertai Program Tuisyen Rakyat dan juga kita akan memberikan sokongan kepada kelompok-kelompok B40 terutamanya. Data Internet Selangor adalah satu usaha kita untuk mengagihkan kepada mereka yang memerlukan kepada dua kategori iaitu pendidikan dan juga ekonomi. Ekonomi di kalangan pekerja-pekerja ataupun peniaga-peniaga mikro dan juga industri kecil dan juga untuk pendidikan kita menyedari PDPR merupakan salah satu daripada unsur penting yang diperlukan. Ya saya faham tentang peranti merupakan salah satu daripada kekangan. Tetapi bila kita pergi melawat kerumah-rumah paling tidak ada peranti-peranti milik keluarga yang boleh dikongsi. Tetapi bekalan internet juga merupakan salah satu yang kritikal jadi kerajaan Negeri mengambil penderian ingin mahu bantu dari segi peranti sambil kita menunggu 150,000 yang tidak sampai sampai sekarang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya, sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Saya mempersilakan Yang Berhormat Banting sambung perbahasan. Saya bagi masa setengah jam.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya menyambung perbahasan saya semalam. Saya ingin membangkitkan satu frasa iaitu kepersamaan yang sering kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Sebagai satu contoh yang saya rasa kita boleh bangkit di sini adalah apa yang berlaku di kawasan saya. Bersama-sama usaha-usaha dengan Ahli Majlis Perbandaran Kuala Langat untuk Zon 14. Kita telah membantu sebenarnya PKD Kuala Langat untuk menempatkan CAC Kuala Langat di Teluk Datok di sebuah dewan di Teluk Datok selepas berbincang dan mendapat persetujuan daripada tuan tanah punya tanah untuk menggunakan Dewan Aim Point secara percuma dan bil air dan bil elektrik ditanggung bersama oleh Ahli Majlis dan juga saya sendiri. Ini merupakan satu contoh Yang Berhormat, bahawa bagaimana kita boleh bergerak bersama *undirectly* agensi Kerajaan Persekutuan dan agensi Kerajaan Negeri dan sebagainya. Bukan semua PKD, bukan semua kawasan adalah menyelesaikan tetapi di kawasan Kuala Langat saya ingin memberi tahniah dan syabas kepada semua agensi yang terlibat di Daerah Kuala Langat kerana bergerak sangat bersama dalam usaha mengekang pandemik COVID-19 ini.

Tuan Speaker, dalam titah ucapan Tuanku juga disebut tentang rasuah dan juga sistem demokrasi berparlimen. Sebenarnya berkaitan dengan etika orang politik. Rasuah ini saya rasa merupakan satu isu yang cukup lama tetapi belum ada satu penyelesaian. Di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan khususnya Kamar Penasihat Undang-undang kalau boleh kita lihat balik bagaimana kita boleh menggubal satu rang undang-undang mengisahkan aset kerajaan, aset pegawai kerajaan, wakil rakyat dan ahli-ahli keluarga terdekat. Saya rasa sudah sampai masanya untuk kita melakukan usaha daripada segi perundangan untuk mengekang rasuah ini. Sekiranya ada pegawai ataupun wakil rakyat yang mengumpulkan ataupun termasuk ahli-ahli keluarga yang mengumpulkan aset dan kekayaan yang tidak dapat diperjelaskan. Saya rasa itu adalah sesuatu perkara yang menyalahi undang-undang dan sekiranya terdapat kita dapat mengekang penularan wabak rasuah ini daripada permulaan dan tidak perlulah sampai ada kes, ada laporan, ada siasatan dan sebagainya barulah kita ambil tindakan. Saya percaya itu adalah satu usaha pencegahan yang kita perlu lihat dengan lebih teliti pada masa sekarang. Itu adalah yang pertama, kedua Tuanku juga ada bertitah tentang etika dan juga *etiquette* ahli politik. Sebenarnya kita ini merupakan sebuah Kerajaan yang berlandaskan sistem demokrasi berparlimen. Suka atau tidak, rakyat perlu membuat pilihan setiap lima tahun untuk memilih wakil rakyat. Dan kita ada institusi Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Dewan Undangan Negeri. Oleh sebab itu, saya bercadang juga kepada semua pihak termasuk pembangkang, termasuk Kerajaan, termasuk Pakatan Harapan, termasuk Perikatan Nasional dan Barisan Nasional.

Sudah sampai masanya untuk kita lihat juga penggubalan undang-undang anti-lompat parti yang juga perlu menegah tindakan parti lompat. Ia bukan saja lompat parti tapi kalau parti tu lompat dari satu perikatan ataupun satu pakatan ke satu pakatan ataupun perikatan yang lain, itu juga perlu ditegah, dilarang. Saya rasa di sini tiada jawapan bagaimana ia boleh dilakukan tetapi baik atau tidak kita perlu mula bincang

perkara ini kerana kalau kita tak mula dari sekarang, bila lagi. Sekarang ini saya rasa Pakatan Harapan, Perikatan Nasional dan Barisan Nasional pun terasa kesannya. Parti lompat, lompat parti. Jadi saya rasa sudah sampai masanya, kerana kalau kita tidak melakukannya ini, apakah maksudnya undi 18? Undi 18, pemuda pemudi mendapat hak mengundi pada umur 18 tapi dia rasa kesal, dia rasa bosan dengan ahli politik. *Fed-up* dengan politik ini, dia tak pergi undi. Jadi untuk menyelamatkan sistem demokrasi berparlimen, kita perlu memastikan perlu ada integriti dan juga amanah dalam budaya politik Malaysia ini dan saya berpendapat sudah sampai masanya untuk kita melihat. Dan saya rasa penting untuk pindaan Perlembagaan dilakukan, Perlembagaan Persekutuan. Saya berharap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri Ke-9 boleh mengorak langkah dan saya pasti sekiranya usaha ini *genuine*, pastinya Pakatan Harapan akan menyokong.

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyebut sedikit tentang isu yang ada di kawasan. Pertama adalah berkenaan dengan Rumah Mampu Milik, di mana kebelakangan ini kerana pandemik COVID-19, ramai pemaju rumah mampu milik ataupun rumah kos rendah, Rumah Idaman, Rumah Selangorku menghadapi masalah daripada segi kekangan *cash-flow*. Khususnya yang berskala kecil dan sederhana termasuk di kawasan Kuala Langat. Kebanyakan modus operandi pemaju ini adalah menggunakan hasil jualan daripada rumah bukan mampu milik untuk menampung ataupun membiayai sebahagian daripada kos pembinaan rumah mampu milik di kawasan saya, termasuk di kawasan Kuala Langat dan kawasan luar bandar. Tapi kerana sekarang ini masalahnya ialah pandemik ini menyebabkan hasil jualan rumah bukan mampu milik juga terjejas dan menyebabkan mereka tidak dapat memulakan projek pembinaan rumah mampu milik.

Saya khuatir sekiranya ini berlanjutan ia akan menyebabkan sasaran Kerajaan untuk membina sasaran kita akan tersasar, akan menyimpang. Jadi saya memohon, kita kena mengkaji, kalau boleh caj pemajuan terhadap pemaju ini, kalau boleh dilepaskan atau diberi pelepasan. Bagus lah kalau boleh. Kalau tidak boleh, sekurang-kurang diberi sedikit pengurangan. Bukan untuk selama-lamanya, mungkin untuk 2 atau 3 tahun yang akan datang ini sehingga kita melepasi pandemik ini. Ini adalah cadangan daripada saya supaya kita boleh membolehkan, memastikan pemaju ini tiada alasan untuk tidak membina rumah mampu milik pada masa terdekat, masa tahun ini dan masa tahun depan.

Seterusnya, saya juga ingin menyebut dewan orang ramai. Penyelenggaraan dewan orang ramai merupakan sesuatu isu yang cukup sering kali dibangkit. Kita lihat Kerajaan ada dasar bahawa dewan orang ramai perlu diserahkan kepada PBT untuk diselenggara. Alasan yang mudah kerana PBT merupakan satu lapisan Kerajaan, menjana pendapatan mereka sendiri. Tetapi keadaan sekarang di Selangor ialah, banyak lagi dewan orang ramai dan balai raya yang terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Daerah. Pejabat Tanah dan Daerah sebenarnya tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menyelenggara dewan orang ramai dan balai raya

yang usang ataupun aset-aset Kerajaan Negeri yang usang. Seperti mungkin apa yang dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar tempoh hari. Jadi cadangan saya supaya, tetapi PBT juga menghadapi masalah. Mereka tidak mahu mengambil alih sesuatu yang usang, dan kemudian mereka perlu belanjakan wang yang terlalu banyak untuk membaik pulih *facility* ataupun kemudahan tersebut. Ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya ingin bertanya, kalau di tempat Yang Berhormat adakah dewan-dewan orang ramai itu diselenggarakan oleh PBT kalau kos melebihi RM1,000? Kalau perkhidmatan menyelenggara melebihi RM1,000 boleh *apply* kepada PBT.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Sebenarnya di kawasan saya tidak ada satu dewan orang ramai yang boleh dikendalikan oleh PBT dengan kos penyelenggaraan kurang daripada RM1,000 kerana semuanya memerlukan RM1,000 untuk menyelenggara dan kebanyakan dewan orang ramai dan balai raya khususnya di kawasan luar bandar dan separa bandar, separuh luar bandar adalah terletak di bawah bahu Pejabat Tanah dan Daerah.

Tuan Speaker, saya juga menyentuh sedikit tentang KDNK Selangor. Di mana saya memohon maaf sebab masa saya kena jaga. Tapi saya akan bagi kalau saya ada masa. Iaitu KDNK di Selangor ini kita perlu memikirkan cara yang baru untuk memastikan ia terus berkembang, dahulu kita sangat menitikberatkan industri aeroangkasa. Kita perlu membuat *diversification* apakah salahnya kita memberi galakan kepada pelabur-pelabur asing untuk melaburkan untuk menjadikan Selangor ini *manufacturing hub* untuk pembuatan alat-alat perubatan. Kalau kita lihat, apa yang kita kurang pada zaman pandemik ini ialah alat-alat perubatan. Bukan sahaja PPE, bukan sahaja barang-barang pakai buang seperti sarung tangan, *face shield* dan sebagainya. Tetapi *high end medical equipment* seperti *oxygen concentrator*, HFNC *breathing tube*, *ultrasound machine*, PAPR ataupun *Power Air Purifying Respirator*, bahan-bahan yang mahal yang mencecah ratusan ribu satu satu unit. Sekiranya dahulu kita terpaksa *import from* Germany, UK, USA, Japan, China, tetapi apakah mungkin kita boleh menjadikan peralatan ini *Made In* Selangor ataupun sekurang-kurangnya menjadikan Selangor sebahagian daripada rantai bekalan global, dan ini adalah cadangan saya mungkin kita boleh memberi sedikit tumpuan di situ bermula dari sekarang menjadikan Selangor ini hub pembuatan peralatan perubatan.

Seterusnya bantuan bakul makanan. Saya menyarankan kita sediakan satu *database*. Terlalu banyak kali kita buat lawatan rumah, bukan saja orang yang datang itu memerlukan bantuan. Kita pun sebenarnya kita pun tahu agak-agaknya mereka memang memerlukan bantuan lebih-lebih lagi termasuk golongan M40, golongan

bendera putih dan sebagainya. Tapi persoalannya ialah, adakah mereka telah pun mengumpul terlalu banyak bakul makanan? Apa yang kita lihat ialah apabila terdapat sesuatu permohonan, permohonan itu ditujukan kepada murid jiran saya. Dia juga mengemukakan permohonan kepada Banting, Sijangkang, kepada penyelaras, kepada MPKK, kepada Ahli Majlis, kepada NGO, melalui kawan-kawan dia, melalui saudara mara dia, melalui jiran-jiran dia. Bila kita buat siasatan rumah, kita nampak 7 beg beras di situ. Adakah kita nak bagi ataupun tak nak bagi? Jadi ini adalah satu persoalan yang cukup getir. Saya bercadang supaya kita sediakan *database since we have already set up so many portal. Its good to have a database so that* kita boleh ada *dashboard*, ada *real time* punya data. Data yang jitu dan tepat untuk memastikan sumber Kerajaan ini boleh dibekalkan kepada mereka yang memerlukan.

Tuan Timbalan Speaker, banjir kilat tidak lama dahulu kawasan saya menghadapi banjir kilat yang berpunca daripada kekurangan penyelenggaraan sistem ataupun kolam dan tanah air pemaju. Saya ingin memetik contoh, kerana isu ini telah pun lama berlanjutan dan belum ada penyelesaian. Saya difahamkan hari ini ada perbincangan tetapi suka atau tidak saya ingin membangkitkan pemaju Beta Fame Development anak syarikat kepada Y&G Corporation di Taman Seri Jarum Emas, pemaju Value Homes Development Sdn. Bhd., anak syarikat Permodalan Nasional Berhad. Sistem takungan air itu tidak diselenggara dengan baik kalau untuk kes di Taman Seri Jarum Emas kolam takungan itu tidak pernah diselenggara dengan baik. Tahun lepas saya menerima aduan yang sama, kita memberi masa yang mencukupi sehingga sekarang masih belum diserahkan kepada PBT dan juga JPS untuk penyelenggaraan perkara. Kita pergi ke kolam takungan itu, tidak pernah. Macam satu kolam sampah. Tidak pernah diselenggara. Kalau ada aduan, hanya *touch n go* sahaja. Saya rasa sudah sampai masanya kalau masih ada lagi pemaju yang degil kita perlu memastikan permohonan mereka dibekukan sehingga isu-isu yang *outstanding* ini di kawasan lapangan ini diselesaikan. Saya mohon persetujuan daripada rakan-rakan saya dari Kuala Langat, Sijangkang dan Morib untuk menyokong usaha ini. Dan kita mahu PBT mengambil tindakan tegas terhadap pemaju-pemaju ini. Saya tadi ada menyebut pemaju PNB, ini adalah GLC Kerajaan Persekutuan pun menghadapi masalah yang sama. Jadi saya mohon kita melakukan sesuatu yang terbaik untuk penduduk. Seterusnya, tentang Hutan Simpanan Kuala Langat Utara. Saya tahu dan ambil maklum bahawa kerajaan akan menjalankan pendengaran.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Mencelah sikit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya mohon maaf, saya perlu memastikan semua *point* itu disampaikan. Iaitu kita akan ada satu hak peratusan di mana 30%, muka bumi Selangor akan dilitupi oleh hutan simpanan. Saya ingin mencadangkan satu penambahbaikan, daripada kita tetapkan 30% di satu Selangor dan barangkali ia mungkin tertumpu di kawasan Sabak Bernam, Hulu Selangor dan sebagainya. Apakah mungkin kita boleh menetapkan satu hak peratusan hutan simpan kekal di setiap daerah? Maksudnya di Daerah Kuala Langat, 30% adalah bumi hijau dan tak

boleh sentuh. Dan di Sepang pun ada mungkin 20%, kalau Petaling mungkin tak boleh, mungkin ada 10% atau 5% sudah cukup. Bergantung pada situasi di setiap daerah tapi janji ialah setiap daerah akan ada satu peratusan yang tertentu sebab tak ada makna. Kalau 30%, 50% Selangor semuanya di sebelah utara di Sabak Bernam, di Kuala Langat, di Kuala Selangor, di Hulu Selangor tetapi di tempat-tempat lain tak ada. Saya rasa ia *defeat the purpose*. Ini adalah cadangan daripada saya berkenaan dengan ECRL....

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Yang Berhormat Banting boleh minta laluan?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya mohon maaf ya. Mungkin saya perlu hanya boleh mempertimbangkan soalan selepas saya menyampaikan ucapan ini. Terima kasih. Saya mohon maaf ya, terima kasih. Berkenaan dengan ECRL, sekarang kita lihat apa yang berlaku sekarang ialah Kerajaan Persekutuan nampaknya nak *go those*. Saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Infrastruktur, apakah situasi sekarang? Saya dengar khabarlah, saya dengar khabar ada isu bahawa dari segi *size cage* ataupun kelebaran jalur landasan kereta api ECRL dengan KTMB tak sama. Nak melibatkan kos yang lebih tinggi lagi sebenarnya. Dan saya ada baca, kalaulah angka yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan itu begitu baik sekali maka ECRL ini dalam tahun pertama operasinya dia sudah boleh *breakeven*. Sudah boleh untung. Adakah itu situasi yang sebenarnya. Saya rasa kita memohon penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan dan sekiranya kerajaan negeri ada jawapannya, bolehlah memberi sedikit pencerahan di dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Timbalan Speaker, Kuala Langat. Kuala Langat merupakan sebuah daerah yang mencapai kemasukan pelaburan asing yang kedua tertinggi di Selangor di belakang Petaling. Ini adalah satu berita yang cukup memberangsangkan untuk warga Kuala Langat. Untuk itu saya juga memohon mungkin melalui rakan-rakan di sebelah sana dasar *cabotage* yang sekarang ini menyebabkan Malaysia ini ketinggalan dari segi *underwater sea cable*. *Fibre optic cable* ini membolehkan negeri Selangor dan juga Malaysia sebahagian daripada *underwater fiber optic cable* ini. Saya membangkitkan isu ini kerana saya difahamkan akan ada satu sistem kabel MIST yang akan melibatkan kawasan Morib, kawasan Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Yang melakarkan Malaysia dan saya berharap supaya program ini akan dapat dilangsungkan tapi kita tidak mahu kalau terdapatlah mana-mana sistem ataupun dasar *cabotage* di peringkat Persekutuan yang mungkin boleh menyebabkan projek ini dilengahkan ataupun tidak dapat berlangsung. Itu adalah kebimbangan saya dan saya memohon kerajaan negeri juga ambil maklum tentang *under water fiber optic cable* MIST ini iaitu Malaysia, Myanmar, India, *Singapore Transit* yang akan melonjakkan lagi keberlangsungan Industri digitalisasi di Selangor dan Malaysia. *We will be part of the International fibre optic cable* punya pelan. Saya mohon supaya perkara ini diberi perhatian juga suara petani, kegiatan pertanian di Sungai Kelambu, Kuala Langat, saya mohon perhatian daripada Yang Berhormat Kajang selaku EXCO Perhutanan kerana sebelum ini mereka telah pun menghantar memorandum dan

surat peringatan. Isu ini telah pun saya bangkitkan pada dua tiga tahun yang lepas mereka masih lagi menunggu isyarat daripada Jabatan Perhutanan Selangor. Saya ingat perkara ini sangat-sangat penting kerana ia pernah di audit oleh Jabatan Audit Negara. Kita perlu memastikan kelestarian bekalan makanan tanpa pemodenan makanan di Malaysia ini adalah lancar dan saya berharap memorandum yang telah pun dihantar oleh persatuan penanam sayur ini boleh diberi respon yang cepat, dengan izin ya Tuan Speaker. *They not asking for degazette, they just wish to be treated as a partner of* Jabatan Perhutanan untuk memastikan bekalan makanan tidak terputus dan pada masa yang sama Hutan Simpanan Kekal Kuala Langat Selatan boleh diteruskan. Juga saya ingin bertanya tentang pembangunan WCE, West Coast Expressway. Apakah status terkini? Semalam ada dimaklumkan bahawa mereka masih menghadapi masalah pengambilan tanah tapi masalah lain nampaknya masih belum ada apa-apa penyelesaian yang cepat. Apakah punca kelewatan ini? Adakah seksyen satu dan dua akan bermula pada akhir tahun ini atau tidak? Adakah kerana ini disebabkan oleh mahkamah yang lewat dan lambat? Sekiranya saya mohon EXCO Infrastruktur untuk memberi penjelasan tentang perkara ini.

Isu tentang pencemaran udara juga sangat penting selalu dihadapi oleh rakyat di negeri Selangor dan juga di Kuala Langat tidak lama dahulu berlaku satu isu pencemaran udara. Apa yang kita lihat sekarang ialah Tuan Timbalan Speaker ialah orang yang membakar ini ataupun dia beroperasi kilang haram ini mereka membakar secara senyap pada waktu malam. Asap hitam tidak dapat dilihat pada waktu malam. Dan kita tidak ada satu sistem pemantauan yang *real time* yang *continuous* untuk memantau pelepasan asap-asap ini. Apa yang kita mungkin boleh buat adalah mungkin dengan menggunakan teknologi untuk *detect hotspot* sahaja. *Hotspot* itu kadangkala kita dapat kadangkala kita tak dapat. Itu pun bergantung kepada kecanggihan teknologi yang ada pada kita. Jadi *detection is always the problem* dengan izin. Dan saya berharap Kerajaan EXCO Alam Sekitar dan juga Kementerian Alam Sekitar boleh melihat masalah ini kerana kita tidak boleh duduk sahaja diam-diam dan menunggu pencemaran itu berlaku di depan kita dan kita tidak dapat melakukan sesuatu, terima kasih. Seterusnya berkenaan dengan geran digitalisasi yang melibatkan RM1.2 Juta untuk 280 Selangor SME melalui Selangor SME *digitalization matching grand* itu adalah satu program yang sangat bagus tetapi saya juga menerima *feedback* daripada usahawan. Khususnya usahawan kecil. Usahawan digital kecil, *e-commerce* kecil yang *turn over* mereka tak sampai 300 ribu ringgit satu tahun. Adakah mereka akan dibiarkan begitu sahaja ataupun ada lagi alternatif yang lain untuk mereka. Saya mohon penjelasan dan juga jawapan daripada Kerajaan dan seterusnya saya ingin membuka kalau ada apa-apa soalan daripada Yang Berhormat? Ada tak? Ada tak Yang Berhormat? Sebab ada lapan minit lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang tadi apabila Yang Berhormat Banting membangkitkan soal kolam takungan di taman-

taman oleh pemaju yang tidak diselenggarakan, yang tidak diserahkan. Saya ingat apa pandangan daripada Yang Berhormat juga berkaitan dengan Loji Rawatan Air yang tidak diselenggarakan dengan baik dan ada sebahagian di negeri Selangor ini juga tidak diserahkan kepada IWK yang tidak diselenggarakan dan akhirnya memberi impak yang sangat tidak baik kepada masyarakat ataupun penduduk-penduduk taman.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sebenarnya kurang jelas. Kalau loji rawatan air adalah di bawah Air Selangor ya. Loji rawatan air. Ataupun saya tak pasti adakah Yang Berhormat bermaksud Loji Rawatan Air Kumbahan ataupun Loji Rawatan Air. Dan Loji Rawatan Air Kumbahan dan Loji rawatan air sebenarnya bukanlah kolam takungan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Yes. Yang tadi Yang Berhormat sebutkan tadi adalah takungan air yang di bawah pemaju. Itu satu, yang itu saya sokong tapi apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan Loji Rawatan air IWK ini?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Mungkin ada *privatelah*. *Private* punya *company* yang menjalankan. Saya rasa mereka tertakluk kepada undang-undang yang ketat sekiranya mereka tidak serah kepada kerajaan, mereka masih menjalankan *I think there is no differentiation* sama ada loji rawatan air itu saya rasa pemilik dia kena memantaulah dan juga menyelenggara dan memastikan air kumbahan itu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitarlah. Saya rasa itu sahaja. Sekiranya ada yang menjalankan operasi di luar melanggar undang-undang, saya rasa mereka perlu diambil tindakanlah tetapi yang kolam takung air ini adalah khusus untuk menakung air, yang air hujan air semasa musim tengkujuh supaya ianya tidak dilepaskan terlalu cepat ke dalam sungai dan mungkin pada masa yang sama paras air di sungai itu adalah pada aras yang lebih tinggi jadi *detection point have to be build to retain the water for the longer period until* paras air sungai itu susut barulah boleh dilepaskan. Itu adalah apa yang saya maksudkan kolam takungan air, bukan loji rawatan air ya Yang Berhormat tadi...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih ya Timbalan Speaker. Tadi Yang Berhormat Banting telah menyatakan masalah banjir oleh takungan air, pencemaran udara oleh pembakaran dari kilang-kilang haram. Yang saya nak tanya kenapa wujudnya masalah ini? Saya nak tanya dengan Yang Berhormat Banting adakah elemen rasuah di dalam masalah-masalah ini yang telah wujud?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tadi saya ada cuba sebut rasuah Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya rasa bukan senang untuk kita nak mengesan bahan pembuktian perlu ada dan ianya tidak bolehlah terputus. Tetapi saya rasa untuk

menyelesaikan masalah rasuah ini satu enakmen seperti apa yang saya katakan itu setiap kerajaan wajib untuk mengisytiharkan aset masing-masing sekiranya mereka mempunyai kekayaan ataupun aset yang di luar kemampuan mereka, ini bukan mereka sahaja mereka sendiri termasuk pegawai ataupun ahli-ahli keluarga terdekat. Kalau mereka memiliki aset dan kekayaan di luar kemampuan mereka, mereka perlu memberi penjelasan. Sekiranya tidak ada penjelasan yang munasabah ianya akan dianggap sebagai satu tindakan yang menyalahi undang-undang. Pencemaran udara, apa yang berlaku sekarang ini di kawasan saya ialah pencemaran udara dilakukan bukan sahaja oleh kilang tetapi juga oleh orang yang suka bakar sampah sesuka hati di tepi jalan. Dan mereka melakukannya pada waktu malam. Kelemahan kita ialah kita kekurangan anggota, kita kekurangan teknologi. Dan sekiranya kita sudi memikirkan cara, saya rasa ada cara dia. Kita boleh menggunakan teknologi seperti teknologi satelit dan sebagainya teknologi yang saya rasa kita kena fikirkan sesuatu sebab sekarang ini bukan zaman dulu. Sekarang semuanya digitalisasikan. Saya rasa ada caranya dan saya mohon Kerajaan untuk berfikir mencari ikhtiar bagaimana untuk menggunakan teknologi untuk mengatasi masalah ini. *How are we going to detect smoke emission* daripada kilang daripada sampah pada waktu malam. Waktu malam kalau waktu siang hari mereka tahu mereka takkan bakar takkan beroperasi kerana mereka tak nak orang tengok asap tu. *How are we going to detect them?* Jadi saya percaya penguatkuasaan ialah satu penggunaan teknologi adalah satu penjagaan rasuah juga merupakan satu aspek daripada masalah ini. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Panjang. Nak tanya soalan ke atau?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Yang Berhormat nak tanya soalan?

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Tak bukan. Saya ingatkan dah habis dah untuk ni.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Banting dah habiskan ke?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Oh ya lah. Kalau dah habis dah. Okay lah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Okay Banting dah duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, pembahas selepas ini kita peruntukan masa selama 15 minit. Saya persilakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Istiadat Pembukaan Persidangan Pembukaan Yang Keempat Dewan Negeri Selangor pada yang ke Empat Belas tahun 2021. Di sini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dilantik kepada

Pegawai Kewangan Negeri yang dilantik pada kali ini dan juga pada Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua frontliner, sukarelawan dan penyumbang-penyumbang termasuklah kepada semua NGO-NGO yang telah berkhidmat di dalam keadaan kita menghadapi wabak COVID-19 ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada ahli keluarga yang kehilangan ahli keluarganya disebabkan oleh wabak Covid-19. Saya menekuni ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dah saya dapat merasakan bahawa bagaimana cintanya baginda kepada negeri Selangor dan juga jajahan takluknya dan juga rakyat negeri Selangor dengan penuh pengharapan kepada Kerajaan pada hari ini dan termasuklah kita semua wakil rakyat di atas amanah yang diberikan untuk menjaga dan merancang pembangunan fizikal termasuklah ekonomi dan juga rakyat di negeri Selangor dan janganlah di dalam Dewan yang mulia ini kita terlalu berpolitik sehingga kita meninggalkan amanah yang diberikan kepada kita. Saya melihat jauh di sudut hati baginda saya dapat merasakan kekecewaan, kekesalan, sedih, kedukacitaan yang tidak dapat disembunyikan. Dalam ucapan baginda saya melihat tiga para yang dititahkan oleh baginda. Satu dalam muka surat 14. Wabak Covid-19, “Beta merasa amat sedih dan dukacita dalam melihat setiap hari negeri Selangor merekodkan jumlah pesakit dan kematian wabak COVID-19 yang paling tinggi di Malaysia”. Dan ayat seterusnya baginda bertitah “disebabkan oleh kelalaian kita terhadap penguatkuasaan dan pematuhan SOP yang dikeluarkan oleh KKM”. Kemudian dalam muka surat yang ke-18 tuanku bertitah “Beta tidak dapat menyembunyikan rasa kedukacitaan dan kesal apabila melihat pergolakan pertelagahan dan ketidaktentuan politik negara yang begitu ketara sejak kebelakangan ini” dan kemudian dalam ucapan dalam muka surat yang ke 20 berkaitan dengan isu rasuah “Beta kesal kerana masih ada yang tidak jujur di dalam melaksanakan amanah yang diletakkan kepada mereka sebagai penjawat awam dan juga pimpinan politik walaupun telah sering kali Beta ingatkan dan tidak terlibat dalam gejala rasuah yang boleh merosakkan bangsa dan negara”. Saya melihat Selangor kalau kita lihat apa yang data yang dalam ucapan Baginda Tuanku sendiri 35.4% jumlah jangkitan daripada COVID-19 dari negeri Selangor. 34.5% kematian melibatkan rakyat negeri Selangor 4400 sehingga 16 Ogos satu jumlah yang agak besar. Dan pun begitu saya kira beberapa program terutamanya program vaksin yang telah dijalankan yang menghampiri kepada 6 juta dos vaksin 5,874,163 dos vaksin diberikan dan saya kira ini masih jauh lagi. Hatta SelVax juga sehingga 13 Ogos telah memberikan dos 2706... 276,926 dos dan saya kira ini boleh ditingkatkan lagi. Seperti yang saya sebutkan tadi anggaran 1.5 juta dan saya kira tumpukan kepada dos pertama dan kedua bukan masalah *booster* atau kita nak bantu negeri lain pula. Saya ingat ini antara yang mungkin kerjasama yang boleh dilakukan di peringkat persekutuan dan peringkat negeri. Dan saya kira kelemahan kalau kita nak lihat mungkin sesuatu yang tidak akan membawa kita ke mana. Cuma mungkin daripada kelemahan-kelemahan dilakukan itu kita boleh perbaiki. Soal jumlah vaksin dulu itu pun telah berlalu, cuma saya lihat pusat CAC di Shah Alam yang melebihi daripada kapasiti yang sepatutnya saya dimaklumkan 1500 orang boleh ditampung dalam masa

sehari tapi melebihi daripada itu. Saya kira ini juga boleh diperbaiki untuk kita melihat bagaimana usaha untuk mengekang wabak COVID-19 ini dari berjangkit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang, Sungai Pelek ingin mencelah.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tak apa, saya ingat pendekatan tadi selesai ini saya bagi peluang kalau ada masa lagi. Jadi cadangan saya adalah bagaimana kita nak mulakan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan supaya akhir dengan hubungan baik ini kita dapat menangani masalah dan kita dapat menyempurnakan vaksinasi kepada imuniti kelompok yang kita harapkan dan sekarang ini kita masih jauh lagi, kita masih tidak sampai 50% pun yang *complete* imunisasi di Negeri Selangor. Kedua bagaimana saya melihat dan dengan usaha untuk mengadakan saringan ujian saringan termasuklah ujian saringan termasuk ujian air liur ini dapat diusahakan bagaimana kita boleh menumpukan kepada kumpulan-kumpulan yang tertentu contohnya peniaga-peniaga yang mungkin belum dapat imunisasi tetapi mereka nak berniaga kita boleh buat ujian mungkin 2 minggu sekali kalau negatif mereka boleh terus berniaga kalau mereka positif mungkin kita boleh hadkan kepada mereka. Yang ini juga boleh digunakan dalam bentuk perkara-perkara yang lain dalam bidang pekerjaan yang lain. Soal yang disebutkan dalam penguatkuasaan pematuhan SOP, saya melihat bahawa Kerajaan Negeri mempunyai peluang dalam cukup besar ini tetapi seperti mana yang sebutkan sebelum ini, kena ada satu pelan perancangan akhirnya menjurus kepada melibatkan kepada semua lantikan-lantikan politik termasuklah Ketua-ketua Kampung, Ahli Majlis, PBT, Ahli Jawatankuasa Masjid Surau dan sebagainya untuk terlibat dalam program membendung wabak COVID-19 ini. Maksud saya supaya mungkin jawatankuasa COVID-19 khas COVID-19 Negeri Selangor ini akan keluar satu pelan tindakan daripada peringkat daerah, sebab dalam permesyuaratan pihak Pejabat Daerah dalam Mesyuarat dan Majlis Tindakan Pembangunan Daerah dan hubungan dua hala di peringkat PBT saya ada menanyakan sama ada pelan menangani bencana COVID-19 di peringkat daerah dan jawapannya tidak ada. Jadi kalau pelan ini boleh diadakan makna kita boleh merancang mungkin dari sudut penguat kuasa yang disebutkan oleh Tuanku tadi pematuhan SOP soal pendidikan kepada masyarakat, soal pengagihan bantuan-bantuan yang disebutkan oleh Banting tadi. Sumbernya terlalu banyak, tetapi kadang-kadang ia tertumpu hanya beberapa orang sahaja.

Saya mengharapkan pihak Kerajaan Negeri boleh melihat bagaimana mungkin melalui aplikasi-aplikasi tertentu Selangkah sebagai contoh, bila kita beri sumbangan kepada isi rumah isi rumah tertentu mungkin kita boleh melalui menggunakan kad pengenalan mereka kita scan atau kita guna biometrik dan sebagainya makna yang akan datang mereka memerlukan satu jangka masa yang tertentu mereka boleh kemudiannya. Jadi saya ingat ini mungkin satu penyelesaian yang boleh difikirkan. Begitu juga saya merasakan bahawa hari ini kalau disebutkan kluster industri kita tak tahu sejauh mana betul-betul berapa banyak kilang-kilang yang tidak memenuhi SOP

yang menyebabkan pekerja-pekerja ini menjadi kluster kepada jangkitan COVID-19 ini, sama ada jangkitan daripada industri atau jangkitan ada rumah masing-masing atau jangkitan daripada masyarakat. Jadi saya ingat ini harus dilihat saya tak tahu kalau di peringkat dalam pakej Selangor 2.0 ada Program Jawatankuasa Khas Pematuhan Kawalan Kesihatan yang ada peruntukan 500 ribu sejauh mana telah bergerak tapi saya melihat jawatankuasa IPMC sendiri ini harus dibangunkan supaya peranan ini diambil oleh semua kilang-kilang atau industri-industri di kawasan zon tertentu untuk mengambil tanggungjawab tersebut dan saya kira inilah juga masa kita boleh melihat bagaimana pekerja-pekerja asing, tempat tinggal mereka ataupun pematuhan kepada asrama-asrama pekerja ini boleh dilakukan kerana saya ingat kalau di kawasan saya mereka tinggal di kawasan-kawasan yang berselesak-sesak yang akhirnya mereka menjadi juga kluster dan akhirnya yang disebutkan tadi. Saya juga mengambil perhatian kepada Kerajaan Negeri supaya boleh melihat atau membantu akhirnya apabila berlaku wabak ini banyaklah bahan buangan *medical waste* yang harus diselesaikan. Salah satu syarikat yang *medical waste* kawasan adalah Radicare dan saya lihat daripada luar Radicare ini dah berkontena-kontena untuk meletakkan *medical waste* kawasan kilang itu berbukit bahan-bahan buangan *medical waste* ini untuk diselesaikan yang saya kira satu memberikan keadaan yang tidak baik. Mungkin Pihak Berkuasa Tempatan boleh melihat keadaan ini dan mungkin Kerajaan Negeri boleh membantu bagaimana urusan penyelesaian ini. Kemudian saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan isu rasuah yang dibangkitkan oleh Tuanku, cuma kalau kita lihat daripada media yang keluar masa itu bagaimana kontraktor boleh membolot projek-projek dan mengawal belasan syarikat di bawah individu tertentu. Jadi saya kira, saya nak mencadangkan supaya saya satu bentuk tapisan yang melibatkan Ahli-ahli Majlis kita dalam di dalam jawatankuasa perolehan itu sendiri kalau akhirnya mungkin peringkat penyerahan borang itu sendiri, kadang-kadang kita dengar sorang boleh bawa beberapa syarikat untuk diserahkan permohonannya, tetapi bagaimana mungkin kalau terlibat Ahli Majlis dan penyerahan borang itu pun Ahli Majlis berada di dalam rangkaian sistem pembekalan itu mereka terlibat dalam semak dan imbang supaya hanya *owner operator* sahaja yang menyerahkan borang permohonan itu. Begitu juga akhirnya di dalam jawatankuasa tersebut dan jawatankuasa tender juga melibatkan Ahli Majlis yang boleh semak dan imbang dalam proses pemberian...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang, Hulu Kelang dan Sungai Pelek ingin mencelah.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya ingat, masa saya terhad. Nanti saya beri. Saya selesaikan dulu. Jadi harapan supaya saya supaya ini akan dilihat semula oleh Kerajaan Negeri dan jangan kita menyediakan ruang kepada penjawat-penjawat awam atau kepada sesiapa sahaja pun untuk mereka mempunyai kesempatan dalam isu rasuah yang menjadi masalah kepada negara kita. Perkara yang kedua yang saya nak sebutkan adalah berkaitan dengan pelaburan. Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang masih lagi menjadi negeri yang menerima pelaburan

yang tinggi walau tidak menjadi berada di tempat yang pertama. Cuma saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri juga melihat bukan hanya sekadar kita menerima pelabur-pelabur sahaja ataupun pelaburan ke dalam negara kita, tetapi mungkin dalam satu bentuk yang kita boleh bincang juga keputusan juga keputusan MIDA dan sebagainya apa bentuk industri yang akan datang ke pada negara kita. Sebagai contoh mungkin di kawasan saya hari ini berlaku berkaitan dengan pencemaran akibat daripada perindustrian-perindustrian ini termasuk Industri kawasan industri Batu 9 Kampung Medan, Kebun Baru, kawasan Industri Bandar Mahkota yang banyak menggunakan sumber air yang ialah laporan menyebutkan air Sungai Langat itu pun dah tercemar karbon oksigen kurang daripada 3%, udang-udang banyak yang mati, habitat air juga menjadi masalah kepada mereka. Jadi ini harus dilihat supaya akhirnya masalah kelestarian alam sekitar ini dapat kita sama-sama jaga di samping pembangunan industri yang masuk ke dalam negara kita. Jadi sangat ingat setakat ini pun saya tidak dapat jawapan yang tuntas sama ada daripada...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sijangkang, Sungai Pelek...

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Jawapan yang tuntas daripada pihak PBT isu pencemaran daripada kilang-kilang di kawasan saya itu. Kemudian perkara seterusnya berkaitan hutan simpan. Saya sangat berterima kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia sendiri berkaitan dengan negeri Selangor ini adalah satu-satunya di Malaysia yang menguatkuasakan penyiasatan awam sebagai syarat dalam satu prosedur penyahwartaan dalam hutan simpan kekal. Jadi saya ingat ini satu yang kita boleh banggakan tapi apalah maknanya kalau ini menjadi salah satu syarat yang untuk penyahwartaan tetapi saya mengambil isu berkaitan dengan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Yang mana sudah ada pendengaran awam bantahan awam, saya ingat pendengaran awam yang saya boleh katakan 100% menolak penyahwartaan ini kemudian kita bawa ke dalam Sidang DUN Usul no. 26 yang dibawa oleh Kota Anggerik dan dipersetujui oleh semua ADUN-ADUN tetapi saya dengar, masih lagi proses untuk penyahwartaan ini berlaku. Kemudian saya ingin menyentuh berkaitan, biarlah.. ada berapa minit lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Satu minit.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Rintihan daripada pemandu. lalah ADUN-ADUN kita diperuntukkan RM1500 elaun pemandu, dan saya dapat makluman ini hari ini pemandu di peringkat SUK pemandu-pemandu EXCO tidak lagi ataupun tidak lagi menggunakan kontrak Enakmen yang kalau dulu gaji asalnya RM1600 diturunkan sekarang ini RM1200. Saya ingat ini harus dilihat semula sebab saya ingat kita punya para garis negeri Selangor sekarang RM1500, kalau boleh ini juga akan dilihat supaya ada kebaikan pemandu-pemandu kita dalam keadaan yang berlaku sekarang ini. Kemudian akhirnya Tuan Speaker, ada beberapa perkara saya nak sebut tapi tak apalah. Akhirnya saya nak mintalah Yang Amat Berhormat Negeri

Selangor Menteri Besar supaya menerangkan kepada kita kedudukan kewangan kita sebenarnya di negeri Selangor kerana apa, kerana saya mendengar dakwaan daripada Ketua Pembangkang dalam sidang khas baru-baru ini mengatakan bahawa termasuklah Selangor prestasi Menteri Besar Selangor dulu kaut wang habis. Jadi saya tak tahu sejauh mana kebenaran ini, kalau ia benar bagaimana pula mungkin pembangunan boleh berlaku di negeri Selangor ini dan ini sebagai satu dakwaan yang tidak berasas saya kira ini satu yang sangat merugikan kepada negeri Selangor itu sendiri. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dah tamat masa dah habis untuk Sijangkang. Jadi persilakan Dusun Tuan.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Timbalan Speaker. Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor baru-baru ini yang jelas menunjukkan keprihatinan terhadap kebajikan negeri Selangor yang bergelut dengan krisis kesihatan dan ekonomi akibat pandemik COVID-19. Sebagai rakyat Selangor saya juga menyeru kita semua seharusnya merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Mulia Tuanku oleh sebab ketika berdepan dengan cabaran getir COVID-19 tapi pada waktu itu bekalan vaksin pula diagih ke negeri lain terlebih dahulu.

Duli Yang Maha Mulia jugalah yang mula menitahkan agar keutamaan diberikan kepada Selangor bersama dengan peringatan tegas bahawa nyawa rakyat haruslah diberi keutamaan berbanding dengan agenda-agenda yang lain. Dan *Alhamdulillah* berkat titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di Selangor setakat 13 Ogos 2021 sekurang-kurangnya 37.64% dewasa telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin dan 46.05% pula telah lengkap 2 dos vaksin. Kerajaan Negeri Selangor kekandasan data, bidang kuasa dekat pasti telah berusaha keras melakukan apa yang berdaya bagi menguruskan kesan pandemik ini. Seolah-olah memetik kata-kata Pengerusi AFC, Yang Berhormat Zikri Ahmad seolah-olah bertinju dalam keadaan mata tertutup dan tangan terikat, namun sungguh pun begitu masih lagi saya lihat Kerajaan Negeri Selangor berdiri, rakyat berdiri dalam gelanggang itu walaupun dilanyak berkali-kali. Pada saya itu bukan telah gagal namanya tetapi gagah. Apa pun apa yang berlaku telah berlalu dan sektor ekonomi mula dibuka perlahan-lahan. Selangor perlu bersedia untuk melangkah ke fasa yang seterusnya. Bersiap sedia untuk hidup bersama dengan COVID-19. Dan pada masa yang sama berusaha untuk memulihkan negeri ini. Justeru mengharmonikan antara kebajikan, keperluan kesihatan dan juga pemulihan ekonomi.

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa keadaan pengangguran meningkat kepada 4.8% untuk bulan Jun 2021 berbanding 4.5% pada bulan Mei. Tentu sekali antara yang menerima kesan teruk dari pandemik ini dan langkah-langkah Perintah Kawalan Pergerakan adalah perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana. Semenjak pandemik telah melanda Malaysia pada tahun lalu, sekurang-

kurangnya 150 000 perusahaan kecil dan sederhana telah ditutup. Mengakibatkan kehilangan pekerjaan berjumlah lebih kurang 1.2 Juta.

Sudah tentu kita boleh membincangkan kaedah-kaedah untuk wujudkan peluang-peluang baharu pekerjaan sama ada segi pelaburan yang masuk ataupun intervensi kerajaan. Namun dalam situasi sekarang pada khidmat saya, usaha untuk menyelamatkan pekerjaan adalah lebih penting dari mencipta peluang pekerjaan yang baharu. Untuk menyelamatkan pekerjaan yang sedia ada memerlukan usaha, juga untuk menyelamatkan pengusaha-pengusaha kecil sederhana yang terjejas teruk. Tahniah Selangor telah mengorak langkah dengan tepat melalui Selangor Advance. Program pembiayaan yang bertujuan untuk meningkatkan aliran tunai para usahawan. Seterusnya membantu perkembangan ekonomi. Namun apa yang saya maklum, Selangor Advance lebih tertumpu pada syarikat-syarikat yang mengurus niaga dengan pihak Kerajaan Negeri atau syarikat milik Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan. Saya kira Kerajaan mempertimbangkan untuk mengeluarkan bantuan pencapaian yang lebih baik seperti ini kepada lebih banyak perusahaan kecil tidak kiralah dengan kaedah pembiayaan ataupun lebih baik suntikan tunai. Dan lebih baik ia dilakukan dengan lebih bersasar dengan keutamaan diberikan kepada PKS yang ramai pekerjanya disahkan positif COVID-19 ataupun PKS yang terpaksa memberhentikan kerja pada awal PKP dan tidak layak untuk menerima beberapa pusingan awal program subsidi upah. Juga untuk PKS yang baru beroperasi pada 2020 dan 2021, jangan lupa PKS yang terjejas teruk terutama perusahaan runcit, makanan dan minuman, pelancongan dan lain-lain.

Saya berharap usaha menyelamatkan pekerjaan akan menjadi tumpuan sebagai sebahagian langkah-langkah pemulihan ekonomi negeri ini. Dalam soal kebajikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah Baginda menekankan pentingnya untuk mengenal pasti jenis bantuan yang disalurkan kepada rakyat yang terjejas. Baginda Tuanku juga mengingatkan, keperluan kita untuk mengumpulkan data-data melibatkan rakyat Selangor yang memerlukan bantuan. Kerajaan Negeri Selangor cukup dikenali dengan banyak sekali program-program kebajikan. Akan tetapi kita masih sebenarnya kita masih tiada pangkalan data yang bersepadu untuk semua program-program kebajikan kita.

Hari ini kalau kita lihat dengan Peduli Sihat dengan satu pangkalan data, KISS nya dengan dengan satu pangkalan data. SMUE nya dengan satu pangkalan data. Zakat sudah tentu ada *plan* data mereka tersendiri. Begitu juga dengan program-program dan inisiatif-inisiatif lain.

Kita tidak perlu melompat jauh bercerita soal pengguna data untuk mengenal pasti program data yang terbaik untuk Kerajaan Negeri Selangor. Sudah cukup bagus walaupun tidak cukup ke hadapan pada saya. Kita mempunyai pangkalan data kebajikan yang pasti program kebajikan terbaik untuk Kerajaan Negeri Selangor. Sudah cukup bagus walaupun sudah cukup ke hadapan. Pada saya jika kita ada pangkalan data bersepadu bagi memudahkan kita untuk mendapatkan maklumat

jelas. Siapa? penerima apa? dan berapakah yang mereka terima? Bayangkan melalui satu pangkalan data kita boleh menyemak. Katakanlah apakah permohonan data buka intranet Selangor itu juga merupakan seorang penerima KISS. Apakah penerima individu yang menerima KISS turut penerima zakat. Sudah berapa lamakah individu tertentu bergantung pada KISS? Apakah terdapat keluarga yang tinggal di rumah yang sama membolot pelbagai jenis program, skim dan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor? Berapakah yang menerima Blueprint dan juga merupakan penerima bantuan zakat? Adakah terdapat pertindihan bantuan dan lain-lain lagi.

Dengan bersepadunya data-data penerima, semua program kebajikan negeri boleh dikatakan *endless possibilities* dengan izin apa yang boleh kita analisa. Malah ini juga pada saya akan dapat membantu tidak kira dapat membantu wakil kerajaan, wakil rakyat, pusat khidmat untuk yang pertama, menganalisa sama ada insentif-insentif yang disalurkan adakah secara adil, dan merangkumi lebih ramai warga Selangor. Juga boleh digunakan untuk mengenal pasti kumpulan sasar yang layak namun ketinggalan daripada sebarang program. Juga kita boleh mengenal pasti apakah program-program kebajikan telah berjaya mengeluarkan penerimanya daripada kebergantungan atau sebenarnya sebaliknya apa yang terjadi. Dan sebenarnya banyak lagi yang perlu kita lakukan dengan satu pangkalan data yang bersepadu. Dan ini sudah tentu terhad kepada program-program inisiatif Kerajaan Negeri, kalau boleh melibat juga Lembaga Zakat dan sebagainya. Kerana ini semua tertakluk dalam isu kebajikan. Jadi pangkalan data bersepadu untuk program-program Kerajaan Negeri juga dapat membantu sebenarnya untuk membuat keputusan terhadap permohonan-permohonan, program-program yang baharu atau bagi merangka program-program yang akan datang.

Dewan yang mulia, kalau para pemodal menggunakan data untuk menggerakkan keuntungan mereka. Kita sebagai kerajaan harus menggunakan data untuk meningkatkan kejayaan usaha kebajikan kita. Dalam kita memikirkan perihal kebajikan rakyat Selangor seharusnya kita semua turut meletakkan kesedaran kita pada golongan yang di panggil *the lost generation*, dengan izin atau generasi yang tercicir. Generasi tercicir terma yang digunakan sebelum ini untuk generasi muda yang hidup pada perang dunia pertama sehingga pasca perang dunia pertama. Pada masa itu permasalahan yang tercicir ini terjadi kerana terdapat peperangan dan juga dikerah untuk menjadi tentera pada usia muda. Dan kesannya adalah lebih kurang antara kesannya terbantutnya pembangunan modul sosial atau *sosial capital* dengan izin yang sepatutnya menggantikan generasi tua. Mereka yang membesar pada waktu itu juga sering dikaitkan dengan kurangnya dengan ilmu kehidupan. Tiada kemahiran hidup yang lengkap seperti generasi tua. Berlakunya hilang budaya, ilmu yang sangat besar. Sementara pada hari ini yang keadaannya seolah-olah perang dunia. Dilihat besarnya skala pandemik ini. Generasi tercicir ini bukan sahaja terdiri daripada kanak-kanak seperti yang sering kita bincangkan tapi juga melibatkan keseluruhan generasi muda yang berumur 18 tahun ke bawah.

## 25 OGOS 2021 (RABU)

Pada pun, mula puncanya daripada perubahan mengejut pendidikan yang terpaksa diadakan di atas talian satu tindakan yang tentu sekali terpaksa diambil kerana mahu mengekang penularan COVID-19. Namun, terdapat juga faktor-faktor yang mendorong permasalahan ini tidak terhad kepada masalah pendidikan atas talian semata-mata. Tapi juga terkait dengan ekonomi, persekitaran tempat tinggal, sokongan kekeluargaan, psikologi dan lain-lain lagi. Kerajaan untuk Malaysia dari Januari hingga Februari 2021 menunjukkan daripada 1,176 pelajar sekolah rendah yang dilaporkan tidak mampu menulis, membaca dan mengira, 35.3% adalah dari Selangor. Menurut data juga, 8 daripada 10 generasi tercicir itu adalah terdiri daripada keluarga B40.

Masalah generasi tercicir ini jika kita tidak tangani akan menyebabkan masalah kemiskinan bergenerasi atau (dengan izin) *multi generational poverty*. Sudah tentu bidang kuasa dan kemampuan fiskal Kerajaan Negeri terbatas untuk menyelesaikan masalah ini. Akan tetapi itu tidak bermakna kita tidak boleh menyumbang penyelesaian. Izinkan saya untuk menyebutkan beberapa peruntukan untuk tahun 2021:

- i. RM29.2 Juta untuk melestarikan Pendidikan Tinggi Selangor
- ii. RM13 Juta untuk Pusat Tuisyen rakyat
- iii. RM34.9 Juta untuk Pembangunan Muda dan Generasi Sukan
- iv. RM24.9 Juta untuk Pembangunan Model Insan dan Pembangunan Sosial

Peruntukan-peruntukan ini menjurus ke arah pendidikan dan pembangunan sosial. Dan pelbagai peruntukan yang sesuai sebaiknya untuk tahun hadapan diharap dapat dirangka dengan mengambil kira permasalahan generasi tercicir ini. Meskipun tidak dapat menyelesaikan masalah ini secara tuntas sekurang-kurangnya dapat menyerap impak negatif daripada menjadikan keadaan ini bertambah buruk.

Saya mengambil contoh Pusat Tuisyen Rakyat, jika sebelum ini fokus tuisyen ini sudah tentulah untuk membantu para pelajar yang tertinggal agar dapat untuk lulus atau mendapat markah yang baik dalam peperiksaan. Tapi dalam keadaan situasi sekarang dalam keadaan golongan tercicir ini, generasi yang tercicir ini peperiksaan bukan lagi benda yang perlu kita risaukan. Sebaliknya kita ada masalah yang lebih besar kerana kalau mengikut kajian-kajian lain, masalah-masalah lain timbullah lagi ramai golongan generasi yang tercicir tidak boleh membaca, tidak boleh mengira. Jadi mungkin hala tuju pusat tuisyen rakyat boleh difokuskan ke arah membantu untuk agar mereka-mereka yang tertinggal ini dapat menguasai ilmu membaca, menulis dan mengira. Walaupun nampak terlalu asas tapi sebenarnya berdepan dengan krisis pada masa ini.

Berkenaan mengenai peruntukan. Ini saya hendak sentuh sedikit pada sidang yang lalu saya telah pun menyebutkan bagaimana pandemik ini menuntut kita bertindak pantas dalam beradaptasi. Dalam banyak hal pernah kita cuba beradaptasi, Sidang Dewan

hari ini adalah satu contoh bagaimana kita cuba untuk menjalankan sidang dengan sedikit pengubahsuaian untuk mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Namun kadangkala ketiadaan kehendak untuk beradaptasi itu tersembunyi dalam terma-terma birokrasi. Ia menurut sosiologis Jerman Max Weber, birokrasi diperlukan untuk memastikan keteraturan, mengelakkan pilih kasih, memaksimumkan kecekapan. Tapi saya melihat bila demokrasi tidak disesuaikan dengan cabaran yang kita lalui ia nya akhirnya menjadi lawan daripada apa yang kita harapkan pada mulanya. Misalnya saya bagi contoh penggunaan setiap peruntukkan bagi setiap DUN masih lagi kekalkan peruntukkan perbelanjaan dalam bentuk acara-acara dan majlis-majlis. Sedangkan pada waktu ini kita sepatutnya mencegah daripada berkumpul sekiranya tidak perlu. Bayangkan ketika pada pandemik ini, usaha-usaha seperti membawa warga emas ke pusat vaksin atau membawa mereka yang positif COVID-19 ke pusat pemulihan COVID-19, kosnya tidak boleh ditanggung menggunakan peruntukan DUN. Alasannya usaha sedemikian bukanlah bentuk majlis, acara ataupun program. Bayangkan disaat kita tidak dibenarkan menjalankan acara-acara sosial apa pun, kaedah peruntukan kita masih tetap tidak berubah. Yang terkini lebih pada saya agak melucukan kita cuba untuk mewujudkan rasa patriotik apabila sudah hampir Hari Kemerdekaan/Hari Malaysia kita hendak gantung bendera. Jadi kita beli bendera, kita minta sukarelawan-sukarelawan kita pergi gantung bendera di kawasan kita. Lucunya prosedur demokrasi ini bukan sahaja kita perlu ambil gambar bendera yang dibeli, bukan saja perlu kemukakan resit, juga perlu kemukakan gambar orang gantung tapi dia minta gambar perlu ada gambar penyerahan bendera. Apa penyerahan bendera perlu ambil gambar. Bayangkan kita terpaksa buat majlis olok-olok untuk ambil gambar untuk serah bendera. Sedangkan benda itu tidak perlu pun kan! Apa masalah liabiliti nya di situ? Malah serah bendera itu kena olok-olok lah. Akhirnya jadi lucu. Seolah-olah perlukan satu majlis untuk buat, barulah dikira sebagai program. Walhal sekarang ini sepatutnya kita menggalakkan untuk kurangkan majlis sosial bukan menggalakkan lagi orang berkumpul, buat acara kibar bendera ramai-ramai dan sebagainya. Supaya hendak nampaklah sebagai program. Jadi saya minta kerajaan untuk melihat kembali peraturan-peraturan, pekeliling-pekeling sedia ada dan beradaptasilah kita berdepan dengan cabaran ini dan kita banyak program-program sebenarnya sudah di luar kebiasaan sebelum ini. Maka sepatutnya kita beradaptasi. Meskipun kita dilanda bencana berskala global pandemik COVID-19. Kita tidak boleh lupa kepada bencana-bencana kecil yang berlaku akibat dengan pemanasan global. Dan juga mengakibatkan perubahan cuaca yang melampau. Malah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, turut menuntut hal ini turut menyentuh hal ini dalam titah ucapan baginda. Di DUN Dusun Tua, sudah tentulah bencana banjir sudah menjadi kebimbangan warganya. Memandangkan kedudukan kami meliputi bahagian hulu Sungai Langat kami juga maklum yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO pada sidang yang lalu Kerajaan Persekutuan telah menurunkan keutamaan bagi Rancangan Tebatan Banjir Fasa 2 Sungai Langat. Dengan erti kata lain nampak gayanya, projek ini tidak akan berjalanlah. Tanah ditinggalkan begitu sahaja. *Last*, sungai itu, maka kita sudah tiada pilihan dan kami tiada pilihan melainkan kami perlu sentiasa dalam keadaan siap siaga terutamanya pada ketika musim panas. Kami

berterima kasih pada usaha Kerajaan dan negeri yang memastikan kerja-kerja mendalamkan Sungai Langat di Hulu Langat melalui pengorekan pasir di sungai oleh Kumpulan Semesta. Seperti yang disarankan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Kerja-kerja sebegini walaupun tidak menyelesaikan masalah secara tuntas namun penting untuk mengurangkan risiko banjir. Tapi baru-baru ini saya dapati ada satu situasi yang saya lihat yang menyebabkan sedikit gangguan kepada usaha ini. Hasil perbincangan saya dengan kontraktor Kumpulan Semesta, saya dapat tahu bahawa pasir yang dikorek daripada plot di bahagian nanding ke atas boleh dibawa keluar hanya selang sehari. Bermakna dalam seminggu 3 kali sahaja. Kerja pengorekan ini perlu dilaksanakan setiap hari tapi jika pasir hanya boleh dibawa keluar seminggu 3 kali sahaja. Ini akan mengakibatkan pasir yang dikorek terpaksa disimpan dahulu dan akhirnya membukit .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Dusun Tua, habiskan ayat yang terakhir.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF** : Baik, jadi saya berharap Kerajaan Negeri melihat perkara ini kalau boleh dibenarkan dibawa keluar pasir-pasir ini supaya ia tidak nanti mengakibatkan masalah yang lain yang lebih besar akibat kita menyimpan pasir dengan jumlah yang banyak. Dan seterusnya, sekadar penutup saya ingin mengingatkan bahawa bank juga meramalkan pertumbuhan di kalangan pasaran baru yang muncul walaupun dijangka pesat tapi untuk negara yang ekonominya di sifatkan sebagai *low income* agak perlahan, jadi saya harap kita mengambil kira perkara ini dalam merangka perbelanjaan kita untuk tahun depan. Dan dengan harapan ini dapat membantu kita untuk mengeluarkan Selangor daripada kemelut ini dan akhir tentu sekali pada Allah kita berserah dan saya dengan ini menyokong usul titah ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, saya persilakan Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN:** *Bismillahirrahmannirahim, Assalamualaikum W.B.T.,* Salam sejahtera, salam keluarga Malaysia dan salam Kita Selangor. *Alhamdulillah* kita semua Ahli-ahli Dewan telah pun mendengar dengan teliti dan juga dengan cermat. Titah ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada Istiadat Pembukaan Persidangan pada hari Isnin yang lepas. Sudah pasti di dalam rangka dan juga titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor telah pun menyampaikan banyak perkara dan perkara-perkara ini haruslah kita ambil perhatian dan juga kita laksanakan sebaik mungkin tanggungjawab kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor dalam merealisasikan dan juga melihat apakah kehendak dan juga keinginan yang kita dapat ambil daripada titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Yang pertamanya adalah berkenaan dengan usaha dan kerjasama semua pihak tidak mengira latar belakang, politik, peranan, tanggungjawab di dalam Negeri Selangor baik di peringkat eksekutif, kerajaan, baik di peringkat pentadbir, di bawah seliaan Yang Berhormat Dato' SUK dan juga kita semua Ahli-ahli Dewan, penyokong kerajaan dan juga bukan kerajaan. Dalam kita sama-sama memberi kerjasama yang baik untuk kita menangani COVID-19 dan juga membawa Negeri Selangor ini segera keluar daripada wabak dan juga belunggu COVID-19. Yang keduanya berkenaan dengan cabaran ekonomi. Ketiga berkenaan dengan kebajikan rakyat. Keempat berkenaan dengan kelestarian ekosistem alam. Kelima berkenaan dengan khidmat kita kepada rakyat. Dan yang keenam yang paling penting dan juga yang perlu menjadi tumpuan kita semua baik Ahli-ahli Dewan dan juga pihak pentadbir iaitu berkenaan dengan teguran dan juga peringatan tentang pentingnya kestabilan politik dan juga integriti dalam melaksanakan tugas seharian kita. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker suka untuk saya nyatakan bahawa usaha sama dan juga kerjasama rentas parti khususnya dalam keadaan kita menghadapi wabak COVID-19 ini adalah sangat penting. Yang pertamanya adalah kebersamaan kita dengan pihak pentadbir, dengan pihak Kerajaan khususnya kita dalam peringkat daerah penglibatan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor di peringkat daerah-daerah.

Saya ucapkan ribuan terima kasih dan juga tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana kita hari ini Ahli-ahli Dewan bukan Kerajaan telah pun dijemput menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Tindakan Pembangunan Daerah untuk bersama-sama terlibat secara langsung bersama dengan Pegawai Daerah dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi ini adalah satu pembaharuan yang sangat baik. Yang keduanya kita juga memohon dalam menerokai kerjasama yang lebih baik dan juga menyeluruh. Kita juga meminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Kerajaan dan juga bukan Kerajaan menjadi Ahli Mesyuarat kepada Majlis Daerah bukan menjadi Ahli Majlis tetapi menjadi Ahli Mesyuarat. Apa yang dilaksanakan pada hari ini adalah kita sebagai jemputan dan juga sebagai Ahli Pemerhati yang mana kita tidak boleh bersuara atau pun menyatakan pandangan secara terus pada Majlis Mesyuarat tersebut. Di masa akan datang ada baiknya sekiranya Ahli-ahli Dewan Negeri ini dilibatkan secara langsung supaya mereka boleh memberikan sumbang saran dan apa juga yang mereka sampaikan di dalam mesyuarat Majlis Daerah, mesyuarat penuh Majlis Daerah adalah bersifat *persuasive and not binding* dengan izin. Hanyalah menjadi satu nasihat dan juga pandangan yang tidak mengikat pihak Majlis Daerah yang mempunyai bidang kuasanya tersendiri. Dalam kita sama-sama menghargai *suppression of power* atau pun dengan izin, di antara Dewan Negeri dan juga PBT. Jadi ini adalah suatu perkara yang kita boleh tambah baik dan saya mungkin tidak bersetujulah kalau hendak melibatkan Ahli-ahli Dewan Negeri baik Pembangkang atau pun Kerajaan terlibat dalam jawatankuasa-jawatankuasa di dalam Majlis Daerah, yang ini saya rasa tidak perlu kerana ini akan melihat kita mencampuri urusan mereka. Tetapi dalam mesyuarat penuh Majlis Daerah perlulah dilibatkan peranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dan seterusnya berkenaan dengan Penguatkuasaan khususnya dalam kita menangani COVID-19. Saya lihat peranan PBT adalah sangat penting, ia kita tahu ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang, Sungai Panjang tadi sebut Mesyuarat Tindakan Daerah atau Mesyuarat Daerah apa tu?

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah. Berkenaan dengan langkah-langkah untuk kita mengawal selia dan juga memperketat kes-kes jangkitan COVID-19 yang melibatkan industri. Kita tahu SOP dan juga kawal selia ini yang ditentukan adalah di peringkat Pusat. Namun di peringkat Negeri, khususnya PBT mempunyai bidang kuasa bidang kuasa khusus dan kita di Negeri Selangor ini, kita telah pun ada program *Selangor Vaccination* yang melibatkan industri-industri. Kenapa tidak kita wajibkan industri-industri yang beroperasi khususnya industri-industri yang perlu tapi bukan keperluan utama. Yang untuk beroperasi kilang-kilang yang bukan keperluan utama untuk beroperasi diwajibkan. Pekerja-pekerja mereka ini mendapatkan vaksin walaupun kena bayar, mereka kena ambil tanggungjawab. Kita tidak hendak khususnya pekerja-pekerja mereka ini yang melibatkan pekerja-pekerja warga asing terpaksa mengambil kuota atau pun peruntukan vaksinasi yang telah diperuntukan untuk rakyat khususnya untuk warga kita di Negeri Selangor.

Tapi mereka sebenarnya ada pilihan untuk atau pun memilih Program Selangor Vaksinasi jadi kenapa tidak mereka ini diwajibkan vaksinasi sebelum mereka boleh beroperasi. Termasuk juga premis-premis perniagaan sebagai contoh restoran. Kita tahu telah pun dibenarkan *dine-in* untuk mereka yang telah pun mendapat suntikan vaksin 2 kali. Dan ini juga terpakai kepada pekerja-pekerja restoran dan kenapa tidak kita ambil satu mungkin pihak PBT boleh mewajibkan pekerja-pekerja ini seperti mana mewajibkan *injection* atau pun *vaccination thypoid*. Dan mereka juga perlu membuat apa nama ini, tampalan atau pun memperlihatkan bahawa mereka ini telah pun di vaksinasi. Dan apabila penguatkuasaan dilakukan, maka ini lebih mudah berbanding kalau penguat kuasa pun nak jumpa pekerja-pekerja di restoran ini, kena tengok juga MySejahtera dia. Mereka ini kena keluarkan pula kad mereka, ada baiknya kalau kita buat satu *rule* yang *standard* dan juga berbentuk formal. Dan berkenaan dengan vaksinasi ini, kita sedia maklum telah pun difahamkan juga semalam banyak pusat-pusat vaksinasi PPV telah pun ditutup dan mungkin setiap daerah ini telah pun dihadkan. Saya difahamkan di Daerah Sabak Bernam hanya tinggal satu sahaja iaitu di Dewan Seri Bernam. Walaupun begitu, pencapaian vaksinasi masih lagi belum mencapai 100%. Mungkin telah capai lebih 80% dan ada lagi baki rakyat dan juga penduduk yang belum di vaksinasi ini, saya pohon supaya Kerajaan memikirkan cara bagaimana untuk kita *reach out* sampai kepada mereka yang masih lagi belum di vaksinasi. Ada beberapa sebab mungkin mereka ini belum sampai ke tahap kesedarannya atau pun mereka ini belum yakin. Tetapi kita mesti kena sampai kepada mereka dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang ketika beliau menyatakan perbahasannya. Setiap daripada kita ini mempunyai latar

belakang yang berbeza, mempunyai kemahiran dan kepakaran berbeza. Di peringkat pentadbir mungkin pentadbir ini cekap dalam pengurusan pentadbiran tetapi kita di peringkat masyarakat kita telah bergelumang di peringkat masyarakat mempunyai pengalaman yang tinggi bersama dengan masyarakat.

Kita memahami bagaimana untuk mengurus masyarakat setempat. Dan kita di peringkat Ahli-ahli Dewan Negeri Barisan Nasional juga kita menggembelng tenaga, usaha di kalangan kita yang mempunyai pelbagai latar belakang, mungkin saya latar belakang saya undang-undang berbanding dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Beliau mempunyai pengalaman terus bersama dengan masyarakat, beliau pernah menjadi Ketua Kampung. Yang Berhormat Sungai Burong, mempunyai pengalaman sebagai pentadbir, sebagai DO dan sebagainya. Jadi kita rangkumkan dan juga rangkumkan ini untuk kita tidaklah bukan menyampai khidmat yang terbaik kepada masyarakat dan kita kena ambil *approach* yang sama. Ke seluruh Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang ada di Dewan ini juga mempunyai latar belakang kepakaran dan juga kemahiran masing-masing. Maka mereka ini libatkanlah mereka baik di peringkat Daerah, baik di peringkat Negeri dalam kita sama-sama mengambil tanggungjawab menangani bersama isu masalah COVID-19 ini.

Dan dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga memberikan peringatan bahawa kedudukan politik ini, kedudukan politik semasa ini sangat penting dalam kita menjaga kestabilan. Alhamdulillah, kita di peringkat Dewan Negeri Selangor sebelum ini telah pun meluluskan satu usul dan kita sepakat bahawa menyatakan lompat Parti atau pun bertukar sokongan Parti ini adalah suatu yang tidak beretika. Diambil oleh mana-mana Ahli Politik yang menang dalam pilihan raya yang diberikan mandat oleh rakyat. Dan kita di Dewan Negeri Selangor ini juga telah mengusulkan supaya di peringkat Persekutuan, satu akta Anti Lompat Parti mesti di perkenalkan. Dan saya lihat *insyaAllah*, kalau ini diteruskan dengan kerjasama di peringkat Negeri dan juga Kerajaan yang ada pada hari ini di peringkat Pusat mungkin selepas ini kita akan mengorak langkah yang lebih ke hadapan yang boleh memastikan khususnya di kalangan anak-anak muda dan juga generasi yang akan datang melihat politik ini suatu yang matang. Bukan lagi politik yang hanya tertumpu pada politik dan ke arah itu juga kita perlu melaksanakan transformasi, reformasi atau pun seperti mana Yang Berhormat Hulu Kelang beritahu, Islah, Islah ini perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Jadi kita kena tunjukkan kesungguhan tersebut di peringkat Kerajaan dan juga di peringkat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor supaya berlakunya perubahan yang lebih baik untuk semua warga rakyat khususnya kita di peringkat Ahli-ahli Dewan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sungai Panjang, Meru ingin mencelah.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker saya cuma ada 15 minit kalau bolehlah selesaikan dulu. Selesaikan saya

akan beri ruang kepada Yang Berhormat Meru. Yang seterusnya berkenaan dengan *cross party partnership*, mungkin sudah tiba masanya untuk pihak Kerajaan memikirkan bahawa melaksanakan peruntukan sama rata untuk semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor tidak mengira mereka ini daripada Parti Penyokong Kerajaan atau pun bukan Kerajaan. Kalau selama ini peruntukan ini dikawal selia oleh Pegawai Kewangan ....

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : *Federal* buat dulu, *federal* buat dulu.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Ya, ya, ya itu kita sama-sama akan cadangkan. Peringkat *Federal* sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sebelum ini dia dah cuba tawarkan, tapi kita harap yang baru ini laksanakan tapi di peringkat Negeri Selangor, di peringkat ...

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN** : Cuma hendak tahu, cuma hendak tahu Kerajaan hari ini Kerajaan Perikatan Nasional ke atau pun Barisan Nasional atau pun tidak ada nama lagi.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN** : Ok, saya jawab itu tapi saya minta supaya jawapan saya ini tidak dimasukkan tidak dikira sebagai masa. Berkenaan dengan isu Kerajaan itu, belum lagi diumumkan Kerajaan ini Perikatan Nasional atau pun tidak. Ucapan sulung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia hanya menyatakan Kerajaan ini. Jadi kita tungguhlah Kerajaan apa yang akan diumumkan nanti. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Speaker, berbalik kepada pengagihan peruntukan sama rata. Sebelum ini peruntukan ini dikawal selia oleh Pegawai Kewangan dan juga dikawal selia oleh peringkat daerah. Andai kata kita ingin menitik beratkan integriti dan juga ketelusan yang mana kita tahu sebagai Ahli-ahli Dewan bagaimana untuk kita mengurus dan juga keperluan peruntukan-peruntukan pembangunan di peringkat Dewan Negeri kita ataupun kawasan yang kita wakili. Saya cadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas diwujudkan di bawah Dewan Undangan Negeri Selangor untuk menyemak, memantau dan juga melihat kepada *utilisation*, dengan izin, ataupun penggunaan peruntukan Ahli-ahli Dewan yang diberikan kepada semua. Maka Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai dan juga membuat pemantauan secara khusus kepada Ahli-ahli Dewan supaya perbelanjaan ini lebih berintegriti dan juga telus dan ia dilaporkan terus kepada Dewan yang mulia ini. Dan ini akan memberikan satu tanggungjawab kepada kita bersama-sama untuk kita sama-sama menggunakan dan juga melaksanakan peruntukan tersebut, terbaik terus kepada rakyat. Dan sekiranya berlaku sebarang kesalahan, kesilapan daripada segi cara dan juga kaedah, ia boleh dibahaskan dan juga boleh di *scrutinized*, dengan izin, di dalam Dewan ini melalui Jawatankuasa dan jika perlu, mungkin kita boleh juga kalau berlaku penyalahgunaan dan juga sebagainya, mungkin ia boleh dibawa ke dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana untuk kita menyiasat dan juga menentu sahkan kesalahan-kesalahan di dalam Akta SPRM ini adalah sangat mudah untuk kita mendakwa dan juga mengenal pasti sekiranya

kesalahan itu dilakukan oleh pihak penjawat-penjawat awam dan penjawat-penjawat awam juga tertakluk, termasuklah Eksekutif dengan tatacara dan juga tatatertib tetapi kita Ahli-ahli Dewan belum lagi. Ada satu undang-undang khusus walaupun di dalam Akta SPRM daripada Seksyen 16 hingga Seksyen 20 lebih itu ada, kesalahan-kesalahan yang boleh di *invoke* sekiranya berlaku tetapi pemantauan dan juga penyeliaan secara khusus daripada Dewan Negeri Selangor ini akan memperlihatkan keterbukaan dan juga ketelusan dan juga *public* di luar sana juga boleh sama-sama *scrutinized* kerana siasatan SPRM ini terlalu teknikal, saya sebagai seorang Peguam, saya tahu ia akan mengambil masa yang lama dan sekiranya dipertuduhkan di mahkamah beban pembuktiannya adalah sangat berat, *beyond reasonable doubt*. Tetapi sekiranya satu Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan di bawah Dewan Negeri Selangor untuk kita sama-sama memantau pelaksanaan peruntukan kawasan masing-masing ia hanya di kalangan kita yang boleh membuat keputusan, di kalangan *legislator* dan kita tahu, kita faham bagaimana cara kaedah dan juga keperluan penggunaan tersebut dan sekiranya berlaku kesalahan beban pembuktiannya hanyalah *beyond reasonable doubt*, dengan izin. Jadi, ini ialah beberapa perkara yang perlu diambil maklum, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya hendak ambil sedikit sahaja lagi masa untuk saya menggulung dan juga menutup.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** 10 minit. 1 minit.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Okay baik. Yang keduanya berkenaan dengan ekosistem alam. Kita telah sedia maklum Dewan yang mulia ini juga telah meluluskan usul untuk kita mesti mengekalkan ekosistem alam khususnya mengekalkan status-status hutan simpan dan penyahwartaan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat ini, kita sama-sama menolak di dalam Dewan ini dan saya difahamkan di dalam daerah Sabak Bernam telah pun diwartakan kawasan hutan ataupun kawasan tanah Kerajaan sebagai gantian pada Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Jadi, saya ingin mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan, adakah Hutan Kuala Langat, Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara ini telah pun dinyahwartakan dan akan dibangunkan dengan maklumat yang saya difahamkan bahawa telah pun ada diwartakan tempat-tempat sebagai gantian dan yang akhir sekali, kehadiran Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam menyampaikan Titah sebagai Sultan yang menaungi Kerajaan dan juga rakyat di dalam Negeri Selangor ini mempunyai maksud dan juga peranan yang tersirat dan juga yang tersurat. Jadi, saya mohon adalah baik kiranya, kepada Yang Berhormat Speaker dan juga Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker supaya menyemak semula keputusan yang telah dibuat oleh Speaker sebelum ini secara baik dan juga secara tuntas.

Berkenaan dengan pemakaian Baju Melayu, bukan polemik tetapi untuk kita betulkan apa yang kita rasa tidak betul, kita tidak boleh

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Baju Kebangsaan.

## 25 OGOS 2021 (RABU)

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Kita tidak boleh

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Baju Kebangsaan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Kita tidak boleh

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Baju Kebangsaan. Bukan Baju Melayu, Baju Kebangsaan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Baju Kebangsaan, terima kasih Yang Berhormat Templer. Kita tidak boleh sekat, maksudnya kita kena beri kebebasan. Kalau ada di kalangan kita yang hendak memakai Baju Kebangsaan sebagai baju rasmi yang dikira formal, kita berikan. Mungkin Yang Berhormat Templer, dia mempunyai .. apabila dia memakai Baju Kebangsaan, dia boleh berucap dan juga boleh menyampaikan fakta dan juga isi perbincangan yang sangat berkesan. Jadi, dia boleh menggunakan, mungkin boleh menggunakan Baju Kebangsaan. Mungkin di kalangan kita, saya sebagai contoh, selesai memakai *Lounge Suit* kerana latar belakang saya sebagai seorang Peguam yang biasa memakai *Lounge Suit* di dalam mahkamah apabila kita berbincang dan juga

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, Sungai Panjang. Masa ..

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Jadi, sekurang-kurangnya beri lah kebebasan, bukannya beri satu peraturan yang terlampau *rigid* iaitu Baju Kebangsaan hanya boleh dipakai hari Jumaat. Jadi beri kebebasan boleh pakai hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis beri pilihan pada Ahli-ahli Dewan ini dan memandangkan ia belum lagi dibawa

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Tuan Speaker

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Di dalam Mesyuarat Peraturan Tetap jadi saya harap apabila ia dimasukkan ke dalam Peraturan Tetap nanti ia diberikan kebebasan

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sungai Panjang. Sikit, sedikit. Sungai Panjang. Sikit, boleh?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Ya, sedikit sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Masa dah tamat, masa dah tamat dah. Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih tadi sebab bawa isu soal berkaitan dengan Baju Kebangsaan. Saya nak tanya sedikit berkaitan tentang rasuah

tadi. Ada di kalangan pimpinan-pimpinan politik ini, dia duduk dulu dalam Pakatan Harapan kemudian ada kes disiasat oleh SPRM kemudian dia melompat, dia pergi masuk Perikatan Nasional. Tetapi lepas tu, kes dia hilang, senyap, ghaib. Nak minta pandangan-pandangan Yang Berhormat, itu yang pertama. Kemudian, yang keduanya, persoalan berkaitan dengan rasuah jawatan ini. *Kalau kau sokong aku, apa kau nak? Menteri? Timbalan Menteri? GLC? Enta sebut sahaja enta nak jawatan apa, ana akan bagi enta. GLC? Mana-mana Felda? MARA? Kita akan bagi.* Jadi, nak tanya dengan Yang Berhormat Sungai Panjang ini, yang merupakan seorang pengamal Undang-undang, *Lawyer* kan, maksudnya betul. Macam semalam pun kita dah sebut, kalau salah kata salah. Kalau betul kita kata betul. Sebab kita di Dewan Undangan Negeri Selangor ini, kita nak bawa satu pembaharuan, Selangor Baru, Malaysia Baru. Dan saya sangat setuju tadi, daripada Sungai Panjang bila menyebutkan soal berkaitan dengan peruntukan ini. Peruntukan ini adalah hak Wakil Rakyat dan yang ini saya hendak sokong juga dengan Sungai Panjang ini. Kan? Sebab kita Wakil Rakyat ini, kita menang dalam pilihan raya, kita menang dalam pilihan raya macam saya sebut semalam kan? Kalau kita Pakatan Harapan ini, kita perintah, bagi kita habis memerintah dulu. Habis mandat. Kalau tidak puas hati, kalau tidak suka dengan kita, mari pilihan raya tukar balik. Sebab itu saya nak sebutkan soal berkaitan dengan bajet ini, saya setuju. Dan saya rasa, contoh yang terbaik, Kerajaan Negeri Selangor kita dah mulakan. Walaupun kita tidak bagi penuh, walaupun kita tidak bagi *full*, dengan izin Timbalan Speaker, tetapi kita hendak minta juga Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat ini, kita punya Ahli-ahli Parlimen ini. Baru-baru ini dapatlah RM300,000.00. Memanglah RM300,000.00 kalau belanja seorang pun tidak cukup. Ini kan kita hendak agihkan, contohnya macam saya di Selayang itu, pengundi

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ringkaskan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Ada lebih kurang dalam 132,000 orang

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Taman Templer, masa pun dah

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Taman Templer, boleh masuk sikit? Boleh tanya sikit, boleh?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ringkaskan, dah.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Eh, nak celah juga Templer? (Ahli Dewan ketawa)

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Kalau Sungai Panjang ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Anggerik, sila ..

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Ini celah dalam celahan namanya, ha yang itu.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Celah dalam celahan boleh?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Cuma nak minta macam tadi itu lah. Nak minta pandangan, komentar dari Sungai Panjang, soal berkaitan dengan rasuah jawatan dan juga tokoh politik, bila seberang ke sebelah sana kesnya ditutup. Kesnya ghaib. Terima kasih Sungai Panjang. Terima kasih Timbalan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Okay, terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Berkenaan dengan tawaran-tawaran tersebut, sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa negara kita ini belum ada lagi spesifik undang-undang. Ia adalah terlalu spekulatif dan kita serahkan sepenuhnya kepada siasatan pihak SPRM berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Tetapi apa pun yang berlaku sekiranya ia ternyata berlaku dan juga ada bukti-bukti yang jelas berlaku saya ingin menyatakan bahawa apa yang berlaku tersebut adalah suatu yang tidak bertanggungjawab dan juga tidak beretika. Mungkin ia tergolong dalam satu perkara yang dikategorikan sebagai *immoral* tetapi kita tidak boleh hendak mengatakan ia *illegal* kerana tidak ada spesifik Undang-undang. Jadi, untuk memastikan perkara itu tidak berlaku beberapa perkara dan juga pembaharuan mestilah dibuat kerana sistem yang kita ada sekarang ini adalah Sistem *Westminster*, bukan sahaja bergantung pada peraturan ia juga bergantung pada amalan-amalan biasa. Dan ini yang kita perlu amalkan. Di peringkat kepimpinan, kita mesti mengamalkan suatu yang betul dan suatu yang bermoral dan juga yang beretika agar pihak di luar sana tidak mengecam kita ini sebagai Ahli-ahli politik sebagai satu profesion yang *low moral* ataupun profesion yang tidak berintegriti. Jadi kita mesti menyampaikan kepada rakyat dan juga masyarakat di luar sana bahawa kebertanggungjawaban kita sebagai ahli-ahli politik khususnya kita di kalangan ahli-ahli politik yang generasi muda ini untuk mengembalikan semula keyakinan rakyat di luar sana bahawa kita Malaysia dan khususnya kita di Negeri Selangor ini, kita bersedia untuk ke arah politik yang lebih matang. Saya percaya Ahli-ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional bersama dengan PAS, kita istiqamah bersama-sama dengan kepimpinan ..

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Bersatu? (Ahli Dewan ketawa)

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Bersama dengan kepimpinan. Dan saya ingin menyatakan di dalam Dewan Negeri Selangor ini...

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Padanlah Bersatu tidak masuk Dewan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** *living example*, ataupun contoh yang jelas, bagaimana kita ambil tanggungjawab walaupun kita tidak diberikan mandat

**25 OGOS 2021 (RABU)**

sebagai Kerajaan tetapi kita bergerak sebagai satu *force* untuk *check and balance* kepada Kerajaan di dalam UMNO Barisan Nasional, akhirnya kita berjaya memenangi Pilihan raya DUN Semenyih yang kita rampas daripada Pakatan Harapan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Saya ingin hendak mencelah sedikit. Saya ingin bertanya sedikit Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Ini adalah bukti kalau kita terus mengekalkan politik yang matang. Maksudnya kalau kita jadi pembangkang kita buat tugas dan juga tanggungjawab kita sebagai pembangkang. Tidak salah menjadi pembangkang. Bukan kita jadi pembangkang ini kita jadi penjenayah tetapi kita ini akan menjadi

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Sungai Panjang kata nak bagi tadi.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Satu *force* kepada pihak Kerajaan untuk *check and balance*. Dan kepada Kerajaan, Eksekutif dan juga Adun-adun penyokong Kerajaan jalankan tugas dan juga tanggungjawab kita bersama-sama dengan penuh amanah dan juga penuh integriti.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Sungai Panjang saya nak tanya satu sahaja. Setuju tidak kalau saya katakan, kalau Kerajaan Perikatan Nasional, UMNO sendiri tahu menghormati suara rakyat dulu untuk selesaikan mandat PH untuk memerintah, masalah politik tidak akan berlaku di dalam negara kita ini.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Ok, terima kasih kepada Yang Berhormat Meru. Saya, sekali lagi menegaskan seperti mana yang telah diujahkan ataupun yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang semalam, perubahan di peringkat Federal ataupun di peringkat Persekutuan daripada Kerajaan Pakatan Harapan kepada Kerajaan yang dikenali sebagai Kerajaan Pakatan Nasional itu bermula titik tolaknya adalah apabila berlaku pergolakan dalaman dalam Pakatan Harapan dan akhirnya pada ketika itu Perdana Menteri meletak jawatan. Tidak ada

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Saya ingin memberi pembedaan, bukan pergolakan ya, pengkhianatan. Perbetulkan ayat itu. Tidak ada pergolakan semasa pentadbiran PH, tidak ada pergolakan. Berlaku pengkhianatan yang datangnya daripada PKR dan juga Bersatu.

Ada orang tak nak peralihan kuasa, ada orang tak nak peralihan.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Ok, terima kasih Yang Berhormat Jeram yang itu mungkin takrifan dari Jeram. Tetapi saya mengambil pendekatan untuk mengatakan pergolakan dan akhirnya berlaku perubahan sehingga menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu, Ahli Parlimen Langkawi meletakkan jawatan dan Kerajaan itu runtuh secara automatik. Dan pada ketika itu tugas dan juga tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen

**Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN :** Beri laluan Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** perlu menubuhkan satu Kerajaan

**Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN :** Yang Berhormat beri laluan sikit.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Untuk meneruskan dan juga

**Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN :** Saya nak minta penjelasan sikit Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** meneruskan kelangsungan pentadbiran negara pada ketika itu.

**Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN :** Saya nak tanya Yang Berhormat Sungai Panjang, jika Perdana Menteri waktu itu tidak meletakkan jawatan, apabila Bersatu keluar, adakah dia layak lagi duduk sebagai Perdana Menteri? Adakah dia layak lagi? Duduk sebagai Perdana Menteri? Jika dia tidak meletakkan jawatan tetapi oleh sebab ada pengkhianatan berlaku, Langkawi tetap menjadi Perdana Menteri, dia tidak akan letak jawatan. Adakah itu wajar ataupun tidak? Sama ada, apa saya nak sebut tadi? (Ahli Dewan ketawa)

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Masa nak habis dah, saya pun

**Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN :** Itu sahaja saya hendak penjelasan itu.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Saya tak nak sambung selepas *lunch* cuma saya nak *respond* sedikit berkenaan dengan perkara tersebut macam saya cakap tadi yang penting adalah kestabilan politik. Apabila Parti-parti ataupun gabungan politik ini

**Y.B. TUAN SALLEHUDDIN BIN AMIRUDDIN :** Yang Berhormat tidak jawab soalan saya tadi.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Belum sampai lagi.

**25 OGOS 2021 (RABU)**

**Y.B TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Tidak apa kita sambung lagi selepas *break...*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Sungai Panjang sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 1.00 tengah hari. Dengan itu, saya menangguhkan Dewan ini ke jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan Ditangguhkan)**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan)**

**TUAN SPEAKER :** Ya Dewan, saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Panjang, saya bagi minit yang terakhir

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** OK. Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Untuk minit yang terakhir ni saya ingat memandangkan Yang Berhormat Kuang pun tak ada yang membangkitkan isu tadi saya tamatkan terus. Apa yang penting kita tanggungjawab kita sebagai ahli-ahli politik dan juga sebagai pemimpin bukan sahaja berkhidmat kepada rakyat tetapi kita mesti sama-sama menjaga kestabilan dan ambil tanggungjawab bersama tentang peranan kita sebagai ahli politik dan juga kerjasama politik yang kita jalinkan khususnya dalam gabungan-gabungan dan pastikan kerjasama tersebut adalah ikhlas, tidak ada syarat, jangan sampai ada telunjuk. Jangan sampai ada telunjuk lurus kelingking berkait.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sungai Panjang, Yang Berhormat Speaker, Sungai Panjang, sikit Sungai Panjang

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Hah!

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sikit Sungai Panjang. Soal peletakan jawatan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir. Dia berlaku selepas langkah syaitan, syaitan ke Sheraton. Hah! (ketawa) dia berlaku selepas langkah Sheraton. Jadi tak betul yang menyatakan bahawa Pakatan Harapan jatuh, Kerajaan Pakatan Harapan jatuh disebabkan peletakan jawatan Tun Dr. Mahathir. Dia disebabkan langkah Sheraton ataupun langkah syaitan yang telah digerakkan oleh

beberapa orang pimpinan daripada Pakatan Harapan itu sendiri. Pengkhianatan yang dilakukan oleh mereka.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Ya, ya. Baik, baik, baik. Jadi dan akhirnya berbalik pada soal tadi lah apabila berlaku pergolakan dalam satu-satu gabungan seolah-olah umpamanya ada telunjuk lurus kelingking berkait itu lah antara sebab ketidakstabilan

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** UMNO yang bergolak sekarang ni.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Sehingga menyebabkan hilangnya sokongan, jatuhnya Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Tun pada ketika itu Perdana Menteri daripada Pakatan Harapan meletakkan jawatan dan bermula lah titik hitam pergolakan politik dalam Malaysia dan kita harap dengan adanya kepimpinan yang ada pada hari ini khususnya di dalam Negeri Selangor kita akan terus bergerak terus maju ke hadapan dengan tema yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan "Kita Selangor, kita sama-sama jayakan" dan in syaa Allah di peringkat Persekutuan kita pun dah dengar ucapan sulung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Keluarga Malaysia. Wabillahitaufiq Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Baik Yang Berhormat Sungai Panjang. Terima kasih. Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Bismillahhirahmanirahim. (ayat Quran). Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. (Ayat Quran). Tuan Speaker serta Ahli Dewan-dewan sekalian. Kota Damansara ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas keizinan memberi ruang kepada Kota Damansara untuk terlibat di dalam perbahasan pada kali ini. Di kesempatan ini saya sebagai wakil rakyat mewakili warga N39, Kota Damansara antara lain penduduk-penduduk yang terdiri daripada penduduk Kota Damansara, Seksyen 4, Seksyen 5, Seksyen 6, Seksyen 7, Seksyen 8, 9, 10, PJU3 dan sekitarnya. Tidak ketinggalan juga penduduk Kampung Selamat, Kampung Baru Sungai Buloh, Kampung Baru Subang, Kampung Melayu Subang, Subang Bestari, Subang Perdana, Kampung Melayu Subang Tambahan dan sekitar. Juga tidak ketinggalan penduduk-penduduk di warga Kota Damansara termasuk penduduk Desa Subang Permai, Mutiara Subang, Subang Suria, Subang Murni dan sekitarnya.

Kota Damansara ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang diketui oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Shari serta barisan kepimpinan beliau dalam tempoh PKP ini telah membantu penduduk Kota Damansara mengurangkan atau menyelesaikan masalah yang dihadapi ketika pandemik COVID-19. Terima kasih juga Kota Damansara ingin ucapkan kepada Pejabat Tanah yang diketui oleh Dato' Johari serta team. Lebih-lebih

lagi ketika berlakunya PKPD Semarak baru-baru ini yang melibatkan hampir 5,000 penduduk. Di mana penduduk telah di kawal dan di ikat. Bukan di ikat, di kongkong pergerakan mereka. Termasuk juga agensi-agensi kerajaan yang lain, termasuk MPPJ, MBSA, PDRM Sungai Buloh yang diketuai oleh Puan Sya'afaton dan Petaling Jaya yang diketuai oleh Encik Fakruddin.

Juga tidak ketinggalan pada JKM Petaling yang diketuai oleh Puan Norhayati. RELA Petaling, Bomba Sungai Buloh yang tidak letih dan selalu datang untuk mensanitasi bangunan-bangunan di kawasan Kota Damansara. Bomba Sungai Buloh dan Bomba Shah Alam yang diketuai oleh Encik Hanif dan Encik Harun.

Tuan Speaker, sebagaimana Titah Tuanku baru-baru ini, Tuanku telah mengambil berat berkenaan dengan masalah COVID. Saya cuma ingin petik Titah Tuanku yang sangat-sangat kritikal. Yang mana Kota Damansara merasakan bahawa kalau perkara ini tidak dapat diselesaikan dengan secepat mungkin atau tidak ditangani dengan sebaik mungkin maka kes COVID terutamanya di Selangor kita tidak dapat kurangnya. Kita semua maklum baru-baru ini bagaimana orang pendatang asing telah pergi untuk mendapatkan vaksin. Ada yang mereka kata vaksin dah habis dan sebagainya.

Saya ingin petik Titah Tuanku, muka surat 16 ini bagaimana Tuanku menitahkan "bahawa operasi kilang-kilang yang mana pihak majikan telah gagal menyediakan satu SOP yang ketat untuk pekerja-pekerja mereka yang datang bekerja. Kelalaian ini telah mencetuskan gelombang ketiga wabak COVID-19 ini sehingga kadar kes dan kematian akibat COVID -19 melonjak dengan begitu ketara."

Tuan Speaker, tidak boleh tidak kita berdepan dengan pendatang, pekerja-pekerja asing. Kita pun telah dengar dalam ucapan beberapa Ahli Dewan kita ada jutaan pekerja asing yang tidak berdaftar. Kita telah dengar kedudukan Kerajaan Negeri bahawa ramai penduduk menyalahkan Kerajaan Negeri kerana tidak menutup kilang. Dalam masa yang sama, pihak MITI atau Kerajaan Pusat menyatakan bahawa penutupan kilang ini adalah Kerajaan Negeri kemudian Kerajaan Negeri kata pula pihak MITI. Kalau lah ada Menteri MITI di sini mungkin kita boleh bertanya bersemuka kerana rakyat di sana masih tertanya-tanya siapa yang ada kuasa?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Mantan, mantan.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Hah! Mantan. (Ketawa). Siapa yang ada kuasa untuk menutup kilang? *At the end of the day*, dengan izin. Rakyat berdepan dengan pekerja ini. Pekerja-pekerja yang kita pun tak tahu mereka ni satu masalah dokumen. Satu lagi mereka telah divaksin atau tidak? Jadi Kerajaan Negeri pada pandangan Kota Damansara ingin, mesti, buat ketetapan yang tegas sebab Titah Tuanku kata, "Gagal menyediakan satu SOP yang ketat." Jadi itu kita tanya, tanya persoalan apakah yang dimaksudkan tidak apa ni tidak menyediakan SOP pada hal

SOP ini disediakan oleh MMKN. Dan kalau syarikat ini tidak patuh MMKN siapa yang berhak, sila.....

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih Yang Berhormat. Apakah pandangan Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat katakan SOP katakan, pekerja asing dan sebagainya, saya amat bersetuju lah kerana kalau kita tidak mengadakan cara yang baik termasuk vaksinasi untuk pekerja asing dia akan menyebabkan orang yang lain yang bergaul dengan pekerja asing pun jadi bahaya. Tidak selamat. Tetapi saya nampaknya untuk *walk in* kalau tidak salah hanya PPV di Bukit Jalil sahaja di buka untuk pekerja asing setakat ini, hari ini dan saya tengok video yang orang hantar kepada saya dia orang macam pergi konsert. Rapat sangat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih. Saya lebih menjurus kepada tindakan penguatkuasaan. Mereka ini, macam Kota Damansara baru ni buat *walk in* PPV ramai orang datang ada di antara mereka datang tak ada dokumen dan sebagainya. Jadi saya mencadangkan kerana Kerajaan Pusat beliau, mereka ada program yang dipanggil kalibrasi . rekalibrasi. Program rekalibrasi ini ialah untuk menentukan sama ada pekerja-pekerja ini mahu bekerja lagi di sini atau tidak. Sayangnya program ini saya tak tahu sejauh mana Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam menjayakan program rekalibrasi ini. Program rekalibrasi ini akan memberi data yang tepat untuk pekerja-pekerja yang sebenarnya berapa ramai pekerja di Selangor. Jadi kalau kita kesaksamaan Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada menceritakan kesaksamaan tu. Saya fikir data tentang pekerja asing ni perlu diselaraskan bersama dengan Kerajaan Negeri.

Saya mencadangkan Program rekalibrasi ini hendaklah dibuat bersama dengan Kerajaan Pusat. Dengan ini kita dapat mengenal pasti kesempatan berlakunya COVID ini kita dapat pastikan bahawa siapa kah pekerja-pekerja ni yang berdaftar, yang ada dokumen atau tidak ataupun yang betul-betul nak bekerja atau tidak. Dalam Program rekalibrasi ini kita beri pilihan kepada mereka. Mereka yang tidak ada dokumen diberi peluang untuk diputihkan. Mereka yang tidak mahu diuruskan untuk dihantar balik ke tempat negara asal mereka. Jadi saya mencadangkan, alhamdulillah kita sudah adapun Jawatankuasa Pembedayaan Pekerja, saya menyarankan agar kita wujudkan satu Jawatankuasa untuk memastikan bahawa Program rikalibrasi ini dibuat bersama dengan Kerajaan Negeri seterusnya kita dapat memantau pekerja-pekerja ini. Terutama pekerja-pekerja yang tidak ada dokumen. Tuan Pengerusi, kita sekarang ada

**TUAN SPEAKER :** Tuan Speaker, bukan Tuan Pengerusi.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Tuan Speaker, maaf. Tuan Speaker. Kita berdepan dengan pekerja-pekerja yang dibuang kerja, yang kurang pendapatan dan sebagainya. Saya terima surat email. Banyak email daripada kaum pekerja yang

menyatakan mereka tidak dibayar gaji ataupun dipotong gaji dan sebagainya. Kebetulan, ini saya nak bagi contoh lah ada satu email yang saya terima suratnya kepada CEO syarikat menyatakan bahawa kami ni kenapa tidak dibayar gaji sedangkan dah janji nak bayar.

Tuan Speaker, saya rasa Kerajaan Selangor yang Kerajaan Prihatin kita mengambil berat. Kebetulan syarikat ini berada di DUN Kota Damansara. Saya yang, yang amat menyedihkan syarikat ini, Ahli Lembaga Pengarahnya adalah dalam salah satu Jawatankuasa Aeroangkasa Selangor. Kalau lah mereka ini dalam ahli Jawatankuasa Aeroangkasa Selangor dan mereka ada mempunyai ciri-ciri menganiaya kaum pekerja, saya rasa kita kena fikir patutkah mereka berada dalam Jawatankuasa Selangor sedangkan mereka mempunyai ciri-ciri yang menganiaya kaum pekerja. Contoh email yang dihantar kepada CEO syarikat tersebut, "Kami belum dapat gaji, belum dapat pampasan seperti mana yang dijanjikan oleh majikan."

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Sekalian. Berlakunya pandemik ini ada syarikat-syarikat, syarikat-syarikat yang menganiaya kaum pekerja. Mereka menggunakan alasan COVID untuk potong gaji pekerja, tak bayar gaji pekerja. Yang ini dah janji pun tak bayar juga. Saya harap terutama Kerajaan Negeri memikir betul-betul kalau lah mereka berada dalam salah satu jawatankuasa kita tak sepatutnya berada kalau mereka bertindak menganiaya kaum pekerja.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Sekalian. Saya berharap berharap kalau kita dapat menunaikan hasrat pekerja-pekerja ini, Insyaallah kita akan dilihat sebagai kerajaan yang sangat prihatin.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang program Skim Mesra Usia Emas. Skim Mesra Usia Emas ini, program ini memang kita disediakan bakul makanan. Tapi rata-rata bila menghubungi mereka, ada di antara mereka yang kata, kami tak mahu duit RM100 tu, ataupun orang itu dah mati. Boleh dikatakan daripada senarai 1000 itu, 30% je yang betul-betul. Saya memikirkan bahawa senarai Skim Mesra Usia Emas ini terlalu panjang, besar, menjangkau ribuan. Jadi untuk menguruskan ini, data ini, makan masa sebab kita setiap bulan kita akan telefon diorang, panggil diorang suruh dating dan ambil sebagainya. Jadi mengurus data Skim Mesra Usia Emas ini sangat menyulitkan, sebab ada dikalangan mereka tak mahu duit itu. Diorang hendak yang RM500 itu, jadi kita kena menguruskan. Saya mencadangkan oleh kerana boleh katakana 30% sahaja data di situ dikemaskini, saya mencadangkan supaya peserta-peserta Skim Mesra Usia Emas ini dapat di selaraskan dan dapat dikemaskini oleh pihak ADUN untuk dengan cara itu, kita akan dapat mengeratkan lagi hubungan antara ADUN dan peserta-peserta ataupun waris-waris mereka.

Begitu juga kebelakangan ini, berkaitan dengan Skim Peduli Sihat. Kita selalu dengar juga peserta-peserta Skim Insurans Peduli Sihat ini tiba-tiba nama mereka dikeluarkan. Dalam keadaan sekarang, mereka mengharap duit, walaupun sikit,

RM50, RM, mereka perlukan. Begitu juga apabila mereka datang ke pusat khidmat, mereka mengatakan bahawa, macam mana kami dah tak boleh guna kad dan sebagainya, ini kerap berlaku. Malahan di pusat khidmat Kota Damansara pun begitu juga. Saya mengharapkan supaya ada di antara mereka ini dikeluarkan nama mereka daripada senarai, tapi tidak dimaklumkan. Jadi kami daripada pusat khidmat tidak tahu pun siapa dikeluarkan, kenapa dikeluarkan dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri memaklumkan kalau boleh memaklumkan kepada pusat khidmat siapakah mereka yang telah dikeluarkan dan kenapa mereka dikeluarkan.

Juga, Kota Damansara ingin mencadangkan supaya keperluan untuk program KISS. Sekarang masalah pandemik, masalah ekonomi, masalah sosial, Kota Damansara mencadangkan agar ditambah kuota untuk DUN setiap DUN.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Yang terakhir.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Satu minit lagi. Tuan Pengerusi di antara benda berkaitan infrastruktur juga, saya sentuh sikit. Persiaran Camar Guana, ini lama dah disebut ni, Camar Guana untuk menyelesaikan masalah persiaran Cakerawala, ini isu dah lama saya beratur, lepas itu masalah masjid Subang Bestari dan juga Tuan Speaker, saya mencadangkan juga supaya program tebatan banjir Kampung Melayu Subang fasa 2, tak tahu apa cerita, kita banjir masih ada di situ, jadi saya harap fasa 2 dapat diteruskan sampai ke kawasan Lapangan Terbang Subang. Tuan Speaker, saya ...

**TUAN SPEAKER :** Baik, duduk.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Sikit lagi.

**TUAN SPEAKER :** Yang terakhir.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Banjir, ini masalah banjir 4D dan 5D ini lama dah bincang, JPS, MBSA, Pejabat Tanah, saya Nampak macam ada yang ber *push here and there*, jadi benda tak selesai, kilang atas sungai. Masalahnya kilang atas sungai, tak selesai, banjir berlaku di 4D dan 5D. Tuan Speaker, seterusnya saya ucapkan terima kasih ...

**TUAN SPEAKER :** Dah dah, cukup dah, lampu merah, lampu merah, tengok lampu merah, lama dah merah, berhenti.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Dengan itu Kota Damansara menyokong penuh Usul Menjujung Kasih Titah Ucapan Tuanku. Sekian ...

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Damansara kerana berhenti di waktu lampu merah. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat tengok lampu, kalau lampu dah kuning itu, bersedialah untuk ending, bersedialah. Saya minta Yang Berhormat, mempersilakan Yang Berhormat Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Subang Jaya membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Subang Jaya ingin membangkitkan lima isu, pertama berkenaan COVID-19. Tuan Speaker, seperti di titah Tuanku, setakat 16 Ogos 2021, Negeri Selangor telah mencatat 504,307 kes jangkitan COVID-19 dan seramai 4427 orang telah meninggal dunia. Sebab mengapa pencacatan kes yang mendadak di Negeri Selangor, boleh dikaitkan dengan kadar vaksinasi. Pada peringkat awal program vaksinasi, ianya jelas bahawa tiada tumpuan vaksinasi di Negeri Selangor. Malangnya hanya apabila kes-kes meningkat, sehingga ke tahap yang begitu serius dan susah dikawal baru lah Kerajaan Persekutuan melaksanakan operasi lonjakan kapasiti.

Subang Jaya percaya bahawa, jika berlakunya perancangan dari awal, pengorbanan nyawa yang begitu ramai boleh dielakkan. Semua pentadbir tahu bahawa Selangor merupakan tumpuan ekonomi negara. Oleh itu, dengan kepadatan penduduk dan pergerakan manusia, ia tanpa keraguan bahawa vaksinasi perlu ditumpukan di sini. Apa yang boleh dilakukan sekarang adalah untuk kami belajar daripada kesilapan dahulu. Kelebihannya sekarang adalah bahawa Kerajaan Negeri Selangor kini mempunyai bekalan vaksin sendiri, yang pada awal program vaksinasi kebangsaan kami tiada lagi. Dalam perkara ini saya ingin mengucapkan Syabas kepada Kerajaan Negeri kerana walaupun di lambatkan proses kelulusan bekalan vaksin untuk Selangor, kami masih menunjukkan semangat setia kawan dengan meminjam sebanyak 500,000 dos vaksin kepada Kerajaan Persekutuan untuk program vaksin kebangsaan. Sedangkan kami mempunyai bekalan, baik kami juga merancang. Walaupun dikatakan 98% dewasa Selangor telah menerima dos pertama vaksin, pada masa yang sama kami tidak boleh melupakan golongan warga asing berdokumen dan tidak berdokumen. Yang juga duduk dan kerja dengan warganegara masing-masing.

Kalau kami merangkumi mereka, di mana *department of statistic* pun tiada data yang tepat seperti dimaklumkan oleh Yang Berhormat Kesihatan, adakah betul kami masih boleh menyatakan bahawa 98% dewasa di Negeri Selangor telah divaksin. Oleh itu, ianya peting untuk Kerajaan Negeri cara bagaimana menguruskan vaksinasi untuk golongan tersebut. Subang Jaya kurang risau bagi warga asing berdokumen, mereka yang tidak berdokumen yang kami bimbang. Ramai di kalangan mereka mengatakan, bahawa mereka risau ditangkap polis. Saya di fahamkan terdapat persefahaman di kalangan polis, bahawa tiada tangkapan yang akan dibuat jika perjalanan dibuat untuk

## 25 OGOS 2021 (RABU)

tujuan vaksinasi. Walau pun terdapat persefahaman tersebut, perlu juga kami faham bahawa kami tidak boleh paksa mereka keluar daripada zon selesa, sebagai contoh, program SelVAX DUN Subang Jaya berlangsung di Hotel De Palma Shah Alam. Ianya hanya terletak 10 minit daripada Subang Jaya. Walaupun jaraknya tidak jauh, tetapi atas sebab ketakutan, golongan ini enggan keluar.

Subang Jaya juga ingin menekankan bahawa pada masa yang sama, tiada juga moratorium atas undang-undang berkenaan, memandangkan undang-undang masih beroperasi, kami juga tiada jaminan bahawa tiada tindakan akan diambil atas mereka sehingga mereka selamat, kami juga tidak selamat. Jadi ianya penting untuk Kerajaan Negeri menggunakan semua sumber yang ada untuk mencarikan mereka di mana dan membawa vaksin kepada mereka. Pada Mei 2021, Pharmaniaga melalui satu pengumuman, melalui Malaysia kini, mengatakan bahawa mereka sedang tunggu kelulusan penggunaan vaksin Sinovac untuk kanak-kanak, sementara kami masih menunggu negara China, Kemboja dan Indonesia sudah memulakan vaksin mereka antara umur 12 sehingga 17 tahun. Subang Jaya tidak pasti mengapa Kerajaan Persekutuan masih belum mengumumkan rancangan perinci tentang cara bagaimana kami akan memvaksin mereka dalam golongan tersebut. Sedangkan negara lain sedang mendahului kita, tetapi dalam pendapat Subang Jaya, akan tiba masanya di mana bekalan vaksin Kerajaan Negeri mampu memainkan peranan untuk memvaksin kanak-kanak antara 12 sehingga 17 tahun.

Dengan kemungkinan perkara ini berlaku, baik Kerajaan Negeri membuat perancangan sekarang juga. Berkenaan isu COVID-19, juga terdapat isu Kit ujian sendiri di rumah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah mengumumkan pengedaran sebanyak 60,000 kit ujian sendiri kepada rakyat Selangor. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan juga untuk kami memastikan isu jangka masa, isu jangka masa panjang, iaitu kit-kit ini mampu dibeli. Harga kini yang berada antara RM35 sehingga RM40 terlalu mahal dan mengalahkan objektif untuk memastikan kebolehan diuji dapat di akses oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, Subang Jaya berharap agar Kerajaan Negeri dapat memberi tekanan kepada MDA ataupun Pihak Berkuasa Peranti Perubatan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia untuk dua perkara. Satu menentukan harga yang lebih patut dan munasabah bagi kit ujian sendiri dan juga dua, meluluskan lebih kit ujian sendiri daripada pembekal jenama lain dengan kadar yang lebih cepat untuk mewujudkan persaingan yang juga akan menyumbang kepada penurunan harga.

Tajuk kedua yang ingin dibangkitkan oleh Subang Jaya adalah berkenaan kesihatan mental semasa pandemik. Menurut Kementerian Kesihatan, terdapat 275 ribu orang yang telah meminta pertolongan berkaitan dengan kesihatan mental pada kira-kira pertengahan tahun ini iaitu 2021. Ini berbanding dengan 65 ribu sahaja pada tahun 2020 sebelumnya. Rakyat dianggap telah membiasakan diri dengan kehidupan bawah situasi pandemik, namun hakikatnya adalah bahawa ramai yang masih

bergelut dengan kebimbangan kelangsungan hidup. Dalam tempoh 01 Januari sehingga 18 Jun 2021, menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, terdapat 122,328 panggilan meminta bantuan sokongan emosi dan kaunseling yang di rekodkan melalui talian bantuan sokongan psycho sosial Kementerian Kesihatan. Sebanyak 109,808 panggilan berkait rapat dengan isu-isu psychology, kesan daripada pelbagai masalah akibat pandemik COVID-19.

Keseluruhan kes membunuh diri melibatkan golongan belia pada tahun 2019 dianggarkan memberi kos kepada ekonomi sebanyak RM346 juta. Jumlah ini dikirakan berdasarkan individu dan hasil cukai kerajaan yang hilang akibat kematian. Pada tahun 2018, pakar-pakar menjangka bahawa pada tahun 2020 isu kesihatan mental akan menjadi penyakit kedua besar selepas penyakit jantung. Yang kami tidak jangka adalah akan berlakunya satu pandemik yang melanda sedunia, di mana langkah-langkah pencegahan memerlukan mengamalkan isolasi dan penjarakan fizikal yang sekali gus membawa impak kepada kesihatan mental. Ini telah melonjakkan jangkaan awal berkenaan tahap keseriusan isu kesihatan mental. Dalam perkara ini, Subang Jaya berpendapat bahawa apps yang sedang dibangunkan amat penting dalam keadaan sekarang dan perlu dipercepatkan. Pada pendapat Subang Jaya, apps ini bagus juga tambah features nya dengan izin untuk menghubungkan pengguna kepada pakar-pakar kesihatan mental seperti *clinical psychologist* dan juga *psychiatric*.

Selain daripada itu, Subang Jaya juga ingin mencadangkan agar belanjawan yang akan datang diperuntukkan bajet mensubsidi perkhidmatan kesihatan mental swasta. Justifikasinya adalah begini, pandemik ini telah membawa penambahan beban kepada sistem kesihatan kerajaan. Oleh itu, kami perlu meningkatkan accessibility golongan tengah yang memerlukan sedikit bantuan kewangan ataupun booster dengan izin untuk membenarkan mereka menggunakan perkhidmatan kesihatan mental swasta. Dalam perbincangan awal dengan *Malaysia Society of Clinical Psychology*, *Malaysia Psychiatric Association* dan PERKAMA, iaitu kaunselor Malaysia, mereka sanggup memudahcarakan proses dengan ahli-ahlinya disamping membentangkan penurunan harga bagi kos perkhidmatan untuk ahli-ahli yang sudi mengambil bahagian dalam program sebegini secara sukarela. Saya amat berharap cadangan subsidi ini diberikan pertimbangan sewajarnya. Tajuk ketiga yang ingin dibangkitkan.. Ya, boleh...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tuan Speaker, boleh tanya sedikit.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Harga yang dikatakan boleh dikurangkan harga untuk terapi swasta, apakah harga yang mereka cadangkan. Saya amat *curious*.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Jadi ini tertakluk kepada perbincangan dalaman mereka. Sebab setiap pakar mempunyai harga yang berbeza. Jadi pada perbincangan awal kami, ia dalam satu pakej. Di mana, kalau mereka subscribe kepada, contohnya 3 atau 10 pakej, maka harganya akan diturunkan sewajarnya. Jadi tertakluklah kepada pakar-pakar sebanyak berapa mereka sanggup turunkan harganya. Dan kalau Kerajaan Negeri sanggup subsidi sedikit daripada itu, maka ia menjadi kos yang munasabah kepada pengguna biasa. Saya harap ia dapat menjawab soalan YB Rajiv.

Baik, tajuk ketiga, yang ingin dibangkitkan Subang Jaya ialah berkenaan ekonomi. Titah Tuanku merujuk kepada isu pengangguran. Di mana selepas sedikit pertumbuhan pada awal tahun ini, baru-baru ini kadar pengangguran telah meningkat semula kepada 4.8%, selepas 40,600 pekerja hilang pekerjaan pada tahun, pada bulan Jun 2021. Di akar umbi, kami juga nampak ramai muncul dalam golongan miskin. Di mana mungkin dulu, mereka berada dalam golongan M40, tetapi akibat kesan pandemik, mereka dipaksa menggunakan simpanan masing-masing. Dalam perkara ini, Subang Jaya lihat bahawa terdapat dua cara Kerajaan Negeri Selangor boleh memainkan peranan.

Satu, program Selangor Kerjaya, perlu menjadi front and center. Kami berharap agar seperti mana SelCare telah kerjasama dengan ADUN untuk melaksanakan program saringan, ianya juga boleh dilaksanakan pada peringkat DUN-DUN.

Yang kedua, program Hijrah..dan peranan Majlis-majlis Kerajaan Tempatan. Pada pendapat Subang Jaya, program Hijrah dan.., boleh ditawarkan peringkat permohonan pelesenan. Di mana mungkin terdapat ramai di sana yang memerlukan perkhidmatan ini, tetapi tidak tahu berkenaannya. Selain daripada itu, Subang Jaya berpendapat bahawa usaha untuk memutihkan gerai-gerai haram, juga perlu digiatkan. Majlis wajar lihat kepada kelonggaran kesesuaian tapak untuk menempatkan mereka. Dengan meningkatkan usaha sedia ada, Subang Jaya percaya bahawa lebih ramai orang dapat keluar daripada kemelut kemiskinan.

Topik keempat adalah berkenaan air. Subang Jaya ingin mengucapkan kepada Kerajaan Negeri Selangor, kerana dalam 8 bulan, bukan sahaja berjaya mengelakkan henti tugas loji rawatan air, tetapi telah mengenal pasti banyak kes dari awal. Walau bagaimanapun, Subang Jaya ingin bertanyakan dua perkara. Satu, berkenaan sistem air kecemasan. Semasa pembentangan belanjawan 2021, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, telah mengumumkan bahawa terdapat rancangan untuk menghubungi HORAS dan ... kepada Loji Rawatan Air Semenyih dan Loji Rawatan Air SSP 1, 2 dan 3. Walaupun pada masa tersebut, rancangannya adalah untuk siap membina perhubungan tersebut dalam 18 bulan, tetapi Subang Jaya faham bahawa akibat PKP, terdapat impak terhadap rancangan tersebut, non direct. Persiapan kini dikaji semula kepada akhir tahun 2020. Apa pun yang penting adalah projek ini akan berterusan. Oleh itu Subang Jaya ingin tanya, apakah langkah-langkah yang akan

diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan ini adalah kali terakhir, projek-projek ini dilewatkan.

Perkara kedua adalah berkenaan Loji Rawatan Air Sungai Rasau. Seperti mana diumumkan projek ini adalah amat penting bagi bekalan kawasan Klang. Sering kali berlakunya henti tugas, Klang akan menjadi kawasan terakhir untuk menerima bekalan. Sebagai sekuriti pun, memandangkan kesinambungan air, penjaminan sekuriti di Klang akan menambahkan bekalan air di kawasan lain. Yang secara tidak langsung akan menjamin sekuriti air di sana juga. Oleh itu, Subang Jaya amat berbesar hati jika Kerajaan Negeri Selangor boleh memberi sedikit, update, dengan izin, berkenaan tahap pelaksanaan Loji Rawatan Air Sungai Rasau.

Tajuk kelima dan terakhir yang ingin dibangkit Subang Jaya, adalah berkenaan demokrasi. Syukur kepada Tuhan bahawa Kerajaan Negeri Selangor setakat ini, dilindungi daripada kemelut politik. Yang menyedihkan adalah bahawa pergolakan tersebut berlaku semasa pandemik. Pandemik tersebut pula digunakan dalam pelbagai cara untuk memanjangkan hayat ahli-ahli politik tersebut dengan mengelak menghadiri Sidang Dewan. Jelas daripada kisah-kisah tersebut, berkenaan betapa pentingnya pemeliharaan demokrasi. Salah satu cara adalah untuk meningkatkan accessibility sidang-sidang Dewan. Beberapa negara telah bergerak ke arah persidangan *online*, ataupun *online* bercampur fizikal, sejak awal dengan negara-negara berikut, Maldives, Mongolia, Namibia, Filipina dan Poland. Mereka telah melaksanakan sidang *online*, atau *hybrid online*. Jika negara-negara yang dinyatakan mampu melaksanakan perkara tersebut, Subang Jaya percaya bahawa Kerajaan Negeri Selangor juga mampu. Ini memandangkan kejayaan kerajaan menganjurkan sesi libat urus belanjawan bulan lepas. Di mana setiap Ahli Dewan Negeri diberikan ruang untuk membangkitkan isu-isu dan mendapat jawapan.

Sebagai mengakhiri ucapan, Subang Jaya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua *frontliners*. Kami di sini amat menghargai jasa anda, dan akan cuba sedaya upaya, untuk memastikan anda disokong sewajarnya untuk melaksanakan tugas anda dengan sempurna. Itu sahaja perbincangan Subang Jaya. Dengan itu Subang Jaya menyokong dan menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik terima kasih, Subang Jaya. Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya rasa begitu bersyukur sebagai seorang warga Selangor kerana Tuanku sangat berjiwa rakyat. Di dalam titah ucapan tuanku, program-program dan polisi-polisi yang mengutamakan rakyat, adalah perkara yang pertama di peduli oleh baginda. Justeru itu, kita sebagai sebahagian daripada kerajaan Selangor, perlulah mengutamakan segala urusan yang berkaitan dengan kebajikan rakyat dan cuba sedaya upaya untuk memulih ekonomi dan kehidupan biasa rakyat seluruh negeri. Pada pandangan saya,

ini adalah perkara terpenting bagi kita dan semua....maaf.. ialah, dia tiba-tiba hilang. Tak benar saya bercakap.

Ini adalah perkara yang terpenting bagi kita semua dan semua yang lain daripada ini, sepatutnya memberi, semua perkara yang selain daripada ini, sepatutnya memberi laluan dahulu. Walau bagaimanapun, apa yang menyakitkan hati adalah bukan sahaja segelintir ahli politik yang gila kuasa, cuba berkali-kali untuk berpolitik sepanjang masa pandemik COVID-19 dan mengakibatkan negara tercinta kita tukar kerajaan sebanyak 3 kali, dalam masa tak sampai 2 tahun. Dan ini telah menjadi punca utama pandemik COVID-19, tidak boleh dikawal sehingga berpuluh ribu nyawa dikorbankan. Malah di kalangan akar umbi juga nak berpolitik dengan menganggapkan balai raya yang sepatutnya dimiliki oleh kerajaan, dan digunakan untuk mengadakan program-program bermanfaat rakyat sebagai harta peribadi atau hak milik parti-parti tertentu. Pada minggu yang lalu saya ingin menggunakan satu balai raya, berada di Desa Baiduri untuk menjadikan ia tempat bank makanan supaya senang untuk meletakkan bakul makanan yang ingin diagihkan kepada penduduk-penduduk tempatan. Perkara ini sebenarnya tidak rumit. Saya mengemukakan permohonan kepada pejabat daerah. Dapatkan kelulusan, dan program boleh terus jalan. Apa yang dialami oleh saya adalah, selepas semakan Pejabat Daerah, balai raya tersebut di bina tanpa kebenaran Pejabat Daerah. Berpuluh-puluh tahun yang lalu. Dan di atas tanah kerajaan. Dan kunci balai raya tersebut dipegang oleh pihak tidak dikenali dan tanpa rekod pejabat daerah. Jadi, sekali lagi.... susah betul..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta mencelah.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Ya, dipersilakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya teringatlah, zaman kegelapan masa zaman Khir Toyo tahun 2008, begitu banyak sekali balai raya, dewan orang ramai dibina tanpa pengetahuan pejabat tanah pun. Pegawai itu tak tahu di situ ada, di atas tanah kerajaan dijadikan sebagai aktiviti bilik gerakan parti dan sebagainya. Dia anggap itu dia sendiri punya. Jadi saya rasa, saya ingin bertanya Yang Berhormat Balakong, apakah cara penyelesaian untuk kita mengatasi masalah ini, kerana sudah lebih 12 tahun kita menjadi kerajaan. Adakah kita perlu tegas dan kita perlu tegas dan juga minta orang-orang yang tidak ada hak atas tanah ini, supaya keluar begitu sahaja. Adakah kita perlu tegas dalam isu ini.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Saya sangat-sangat setuju dengan Yang Berhormat Banting. Dari apa yang saya dapati adalah.. ya... Boleh saya habiskan. Sekejap. Maaf ya, Ketua Pembangkang. Sekejap. Jadi apa yang saya dapati adalah kunci sebenarnya dipegang oleh seorang penduduk yang sebenarnya ahli politik tempatan. Orang tersebut bukan sahaja tidak menyerahkan kunci kepada pihak Pejabat Daerah, malah minta saya menulis surat kepada dia bagi tujuan memohon kebenaran menggunakan balai raya tersebut daripada dia.

**Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL :** Balakong, boleh saya celah sikit.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Saya, percaya, saya percaya, banyak lagi balai raya yang berstatus tidak jelas seperti Balai raya Desa Baiduri in. Di sini saya ingin menyeru bahawa semua pejabat daerah dan PBT, perlu menjalankan siasatan dengan segera supaya dapat menyenaraikan semua balai raya yang ada dalam kawasan masing-masing. Hal ini kerana hanya dengan menyenaraikan semua balai raya-balai raya ini, barulah kita dapat tahu apakah status balai raya-balai raya ini. Setiap satu balai raya adalah di bawah jagaan pihak yang mana. Bagaimanakah situasi balai raya-balai raya ini? Dan jikalau sebahagian daripada balai raya-balai raya ini perlu diubahsuai, berapa peruntukan yang perlu, yang diperlukan, dan pihak mana sepatutnya bertanggungjawab untuk menjalankan pengubahsuaian tersebut. Balai raya-balai raya ini adalah aset kerajaan. Ia tidak boleh di salah gunakan oleh pihak tertentu terutamanya tidak boleh dianggapkan sebagai harta parti-parti politik. Kita sepatutnya menyediakan balai raya-balai raya ini untuk kegunaan program yang bermanfaat dengan penduduk-penduduk setempat. Terutamanya pada masa pandemik COVID-19 ini. Adalah sangat penting kita bekerjasama dengan persatuan-persatuan penduduk untuk mewujudkan pasukan sukarelawan, seperti pasukan sanitasi atau pasukan kebajikan. Semua pasukan sukarelawan ini perlu tempat untuk menyimpan barang atau bakul makanan. Dan tiada tempat lain yang lagi sesuai daripada balai raya yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka.

Saya ingin menyentuh tentang SUKA dan SERVE, iaitu pasukan sukarelawan yang sedang dan bakal ditubuhkan oleh kerajaan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan atas idea dan inisiatif untuk mewujudkan pasukan sukarelawan yang memberi peluang kepada rakyat yang berjiwa besar untuk berkhidmat kepada rakyat, kepada masyarakat. Dan pada masa yang sama membantu kerajaan menjaga komuniti untuk memastikan tiada yang tercicir. Warga Selangor merupakan rakyat yang mulia dan berjiwa besar. Oleh sebab itu, saya jangka, SUKA dan SERVE akan mendapatkan sambutan hangat seperti Team Selangor, yang merupakan pasukan sukarelawan juga dan kerap membantu program-program kerajaan Selangor. Bukan sahaja pasukan-pasukan sukarelawan yang ditubuhkan oleh kerajaan. Malah di kalangan masyarakat juga mempunyai perbagai pasukan atau persatuan sukarelawan, seperti pasukan bomba sukarela, Unit Tindak, RELA, Bulan Sabit Merah, Komuniti Policing, dan lain-lain. Mereka telah menyumbang banyak dalam tempoh pandemik COVID-19 ini, untuk menjalankan operasi sanitasi, bertugas di PKD, mahupun CAC, mengagihkan bakul makanan dan sebagainya. Saya cadangkan selain daripada pasukan sukarelawan yang ditubuhkan dan disokong oleh kerajaan, kita juga perlu memberi sokongan kepada pasukan-pasukan sukarelawan seperti mana yang saya sebut tadi untuk mendorong lebih ramai rakyat, terutamanya anak muda, untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan, dengan ini, kerajaan juga dapat menjalinkan hubungan erat dengan persatuan-persatuan dan pasukan-pasukan ini. Dan hal ini akan membantu kerajaan, supaya usaha-usaha menjaga komuniti dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan

mendalam. Selain daripada kerja-kerja amal, secara fizikal seperti operasi sanitasi, bertugas di PPV, PKD, CAC dan program atau di tempat lain. Saya juga ingin menarik perhatian kerajaan berkenaan dengan sejenis sukarelawan lagi, iaitu pekerja-pekerja sosial yang sering membantu rakyat susah, seperti golongan miskin tegar, OKU, warga emas hidup sendiri dan lain-lain. Dalam tempoh pandemik COVID-19 ini, rakyat menghadapi cabaran dari dua aspek iaitu cabaran kesihatan dan cabaran ekonomi. Untuk cabaran kesihatan, kita boleh lihat, hampir seluruh barisan hadapan Malaysia bekerja siang dan malam demi menurunkan bilangan jangkitan harian dan menyelamatkan nyawa rakyat. Tetapi untuk cabaran ekonomi dan masalah kesihatan mental yang disebabkan masalah ekonomi serta Perintah Kawalan Pergerakan yang terlalu panjang. Prestasi Jabatan yang sepatutnya berfungsi untuk menjaga rakyat iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia boleh dikatakan prestasi mereka sangat mengecewakan dalam tempoh pelbagai PKP ini. Kita asyik menerima aduan bahawa pejabat Jabatan Kebajikan tutup. Proses permohonan di tangguh lama, sikap pegawai-pegawai yang pasif, bakul makanan yang sepatutnya diagihkan kepada penduduk yang tersenarai di JKM tidak diagihkan dan sebagainya. Kegagalan JKM telah menunjukkan kepentingan pekerja-pekerja sosial dan sukarelawan-sukarelawan untuk mengisi tempat kosong dan terus membantu golongan miskin tegar, OKU, warga emas, hidup sendiri dan mereka yang mengalami masalah kesihatan mental, dengan itu adalah sangat penting juga untuk kerajaan Selangor menyokong pekerja-pekerja sosial dan sukarelawan-sukarelawan ini demi mendorong lagi ramai rakyat yang ingin menceburi diri mereka dalam bidang pekerjaan sosial.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Balakong boleh saya tanya?.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** 2 minit, boleh. Dipersilakan.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tadi Balakong kata JKM tidak membantu tetapi saya nak tanya Balakong adakah setuju JKM ini tidak ada barang langsung dan tidak datang atau turun daripada Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Setuju juga. Jadi kita yang sebagai Kerajaan Negeri perlu mengisikan tempat kosong, tanggungjawab yang tidak ditanggung oleh JKM ini dengan menyokong sukarelawan-sukarelawan ataupun pekerja-pekerja sosial kita. Jadi satu sistem sokongan ataupun *support system* dengan izin, perlu diwujudkan supaya pekerja sosial dianggap sebagai satu pekerjaan yang mulia seperti JEKU dan BOMBA bukannya satu kerja sukarelawan yang dijalankan semasa masa lapang atau sebagai hobi sahaja. Saya juga ingin menyentuh dengan isu Pusat Wanita Berdaya (PWB). Saya difahamkan bahawa PWB telah diuruskan di bawah WBS dan MBI. Mungkin disebabkan pengurusan yang baru, Jabatan yang baru dan prosedur yang baru. Beberapa isu telah timbul dan isu-isu ini perlu diberi perhatian supaya prestasi PWB tidak dijejaskan. Isu pertama adalah prosedur yang sentiasa bertukar. Sebagai contohnya, oleh kerana pihak pembayaran telah bertukar daripada PWB DUN masing-masing ke WBS, penyelia-penyelia perlu meminta vendor-vendor

meng *issue* kan invoice baru walaupun program telah diselesaikan 2 atau 3 bulan sebelum itu. Sebelum ini, penyelia-penyelia mempunyai wang pendahuluan untuk menjalankan program dulu dan menghantar laporan lengkap selepas program. Wang pendahuluan tersebut membolehkan penyelia-penyelia menjalankan pembelian bahan-bahan program, membayar *allowance* penjaga sebelum atau selepas program tersebut diselesaikan. Apa yang berlaku sekarang adalah wang pendahuluan telah ditarik balik dan pihak WBS akan membayar terus kepada vendor-vendor. Prosedur ini berniat bagus demi mengurangkan masalah keluar masuk wang tunai penyelia-penyelia PWB. Tetapi ia juga menimbulkan masalah yang lain seperti bayaran lewat kepada vendor. Seseengah vendor yang hanya melibatkan jumlah wang yang bernilai RM200-RM300 terpaksa menunggu selama 2-3 bulan dan berkali-kali minta invoice barulah mereka terima bayaran. Isu yang kedua adalah kebebasan penyelia-penyelia PWB untuk merancang dan menggunakan peruntukan PWB telah disekat. Walaupun katanya setiap PWN mempunyai RM50 ribu peruntukan setahun. Tetapi peruntukan ini perlu ditolak sekurang-kurangnya RM15 ribu untuk menjalankan program-program yang ditentukan oleh WBS. Saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini bahawa PWB ditubuhkan demi memberi latihan dan peluang kepada pemimpin-pemimpin wanita setempat. Kita seharusnya memberikan kebebasan yang secukupnya kepada mereka untuk merancang program yang sesuai dengan masyarakat setempat, bukannya mengecilkan ruang mereka untuk merancang dan berfikir. Isu yang ketiga, penyelia-penyelia PWB diminta mematuhi SOP kertas kerja mereka seperti menghantar kertas kerja sebulan sebelum program dijalankan supaya mendapatkan kelulusan sebelum program. Walau bagaimanapun, apa yang sering berlaku adalah selepas kertas kerja dihantar tiada balasan daripada pihak WBS sehingga tempoh masa yang dijanjikan akan memberikan balasan setelah tamat. Penyelia menghubungi pihak WBS barulah diberitahu bahawa salah satu dokumen tidak dilengkapi ataupun alasan-alasan lain. Ada yang menunggu sampai tarikh program, sepatutnya dijalankan masih tidak dapat balasan ataupun kelulusan daripada WBS dan program terpaksa di tangguh atau dijalankan dengan risiko permohonan mungkin ditolak selepas itu. Semua isu ini adalah isu sangat kecil dan semua isu ini adalah isu teknikal juga. Tetapi isu-isu ini telah lama di bincang dan tidak dapat diselesaikan dan ini telah menjejaskan prestasi PWB. Saya mencadangkan bahawa kerajaan boleh menubuhkan satu jawatankuasa ataupun *taskforce* khas yang membenarkan penglibatan ADUN-ADUN yang berminat untuk membantu dari segi pengurusan ataupun perkongsian idea. Berkenaan dengan persoalan ekonomi, saya ingin mendapatkan perhatian kerajaan terhadap penjaja-penjaja tanpa izin dalam pandemik COVID-19 ini ramai rakyat yang telah dikesan teruk terutamanya dari segi ekonomi. Ramai daripada mereka terutamanya daripada sektor pelancongan dan perkhidmatan mengalami kehilangan pekerjaan, ada yang dipotong gaji dan ada juga terpaksa ambil cuti tanpa gaji disebabkan pejabat ataupun tempat pekerja mereka tidak dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penuh. Sebahagian besar daripada mereka ini cuba mencari pekerjaan baru ataupun dengan izin *side income* demi menyara hidup keluarga mereka. Sebahagian daripada mereka telah menjadi penjaja tanpa izin di tepi jalan. Sebagai satu kerajaan yang prihatin,

saya mengucapkan syabas kepada kerajaan Selangor kerana telah meluluskan lesen perniagaan sebanyak yang boleh kepada mereka yang ikhlas memohon untuk berniaga. Walau bagaimanapun, isu penjaja tanpa izin masih banyak lagi terutamanya di tapak-tapak yang berhampiran dengan kawasan kediaman.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Balakong, lampu merah.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Ya ok *last*. Jadi saya harap kerajaan mempunyai satu kedudukan satu pendirian yang tegas terhadap penjaja-penjaja tanpa izin ini dan *last* satu *point*. Selepas kita bincang tentang tanggungjawab kerajaan saya rasa ada satu masalah lagi yang dihadapi oleh rakyat adalah kekurangan krematorium yang dihadapi oleh rakyat sekarang. Saya ingin tahu apakah rancangan daripada kerajaan untuk menyelesaikan ataupun membantu rakyat melalui saat-saat kesedihan ini, dengan ini saya amat berharap cadangan-cadangan saya dapat dipertimbangkan oleh dewan yang mulia ini dan dengan ini saya menyokong sepenuhnya tentang usul titah ucapan Tuanku. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih YB Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada Sementa untuk turut mengambil bahagian berbahas dalam usul menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bersempena pembukaan Dewan Undangan Negeri Tahun ini. Inti pati titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor haruslah diangkat dan disemat ke dalam setiap sanubari ahli dewan yang mulia ini dan nasihat, petunjuk dan pesanan Tuanku yang membina terbuka dan mengambil berat pelbagai aspek kehidupan rakyat. Ia sudah tentu menjadi bekalan berharga buat kita semua. Sesungguhnya rakyat Selangor sangat bertuah kerana mempunyai seorang Sultan yang prihatin, berjiwa rakyat dan penuh tanggungjawab dalam memberi pandangan serta nasihat yang membina kepada kerajaan negeri dan juga rakyat jelata. Dalam ucapan Baginda juga turut bertitah menghargai dan berterima kasih atas segala pengorbanan dan komitmen yang telah diberikan oleh semua petugas barisan hadapan negara yang bertungkus lumus, semangat yang tidak luntur dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Para petugas barisan hadapan ini yang terdiri daripada doktor, para doktor, jururawat, kakitangan hospital, pasukan keselamatan, Angkatan Tentera, Polis, RELA dan lain-lain kita semua mengucapkan jutaan terima kasih di atas pengorbanan mereka demi negara. Tidak ketinggalan juga, kita juga perlu mengingatkan iaitu anak-anak muda kita sebagai *rider* p-hailing yang berkhidmat sebagai penunggang motosikal dalam perkhidmatan penghantaran barangan dan makanan. Mereka juga adalah sebahagian daripada barisan hadapan negara yang besar pengorbanan mereka menghantar pesanan ke destinasi dalam keadaan baik, walaupun mereka sendiri berisiko di jalan raya dan juga berisiko dijangkiti wabak COVID-19. Dalam situasi ekonomi yang merudum, tidak banyak peluang pekerjaan

dan apa pilihan anak-anak muda kita ini, mereka terpaksa menceburi bidang p-hailing ini dan ia bukanlah menjanjikan hasil yang lumayan tetapi mereka tiada pilihan yang lain. Anak-anak muda ini, kita boleh bayangkan bagaimana anak-anak muda ini yang rata-rata berusia 18 tahun ke atas ada antaranya yang baru habis Sekolah Menengah ingin membantu para ibu bapanya, ada pelajar-pelajar IPTA, pelajar-pelajar IPTS malah ramai juga daripada lepasan Universiti serta orang-orang yang hilang pekerjaan. Mereka ini terpaksa mengambil risiko menjadi *rider* p-hailing demi mencari rezeki. *Rider-rider* anak muda p-hailing ini terpaksa menempuh cabaran di dalam terik panas matahari, basah kuyup bila hujan, mengejar waktu untuk menghantar barang dari satu lokasi ke satu lokasi dan merisiko keselamatan diri di jalan raya. Di Selangor dan Kuala Lumpur sahaja melalui data daripada Persatuan Penghantar Malaysia iaitu PENGHANTAR. Seramai lebih 30,000 penunggang ataupun *rider* p-hailing yang berdaftar dengan syarikat aplikasi penghantaran menggunakan jalan raya saban hari dan ia merupakan angka tertinggi p-hailing di dalam negara. Walau bagaimanapun, aspek kebajikan komuniti ini tidak diberi penekanan yang jelas. Maka saya mohon Kerajaan Negeri perlu memikirkan bagaimana mereka ini perlu dibantu. Mereka ini masih muda, perjalanan hidup mereka masih jauh, ramai di kalangan mereka tiada tempat untuk mengadu kerana tiada BADAN yang jelas bagi mewakili mereka jika sesuatu perkara yang buruk berlaku kepada mereka. Dalam menggalakkan gig ekonomi penunggang p-hailing ini tidak dikategorikan sebagai pekerja, manakala syarikat aplikasi penghantaran makanan, barangan, tidak dikategorikan sebagai majikan di dalam undang-undang yang sedia ada. Jadi pihak pengendali perkhidmatan tersebut tidak dianggap sebagai majikan dan tidak diwajibkan mencarum PERKESO ataupun KWSP untuk pekerja-pekerja ini untuk anak-anak muda, *rider-rider* ini. Walau bagaimanapun, dalam belanjawan 2021 oleh Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan pada 6 November yang lalu jelas tidak meminggirkan komuniti p-hailing menerusi Skim Bencana Pekerjaan PERKESO p-hailing adalah antara kumpulan pekerja yang bakal melindungi ataupun mendapat manfaat daripada peruntukan RM24 juta yang diluluskan sebagai menghargai sumbangan golongan berkenaan yang diiktiraf sebagai barisan sokongan semasa tempoh PKP. Pastiya mewujudkan perlindungan dan kebajikan lebih baik buat komuniti ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor yang juga mengambil prihatin yang memperkenalkan inisiatif Roda Darul Ehsan ataupun RIDE bagi merencanakan lagi gig ekonomi yang membantu golongan rakyat ini yang berusia 17 hingga 30 tahun. Untuk memperoleh subsidi lesen motosikal. Untuk makluman sehingga Julai lalu sejumlah 64,773 pencarum aktif yang terdiri daripada *rider* p-hailing mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang merangkumi 39% daripada jumlah orang bekerja sendiri atau OBS aktif yang mencarum di dalam PERKESO. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri memainkan peranan dengan menyuntik kesedaran kepada *rider* p-hailing ini untuk mencarum

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Bagi menjamin kebajikan mereka dengan memastikan semua platform penyedia. Sekejap sedikit sahaja lagi.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing. Sementa, Bukit Gasing minta mencelah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Sedikit lagi, bagi menjamin kebajikan mereka dengan memastikan semua platform penyedia perkhidmatan p-hailing untuk turut mengikut jejak langkah seperti Grab Malaysia dan Foodpanda dalam menzahirkan keprihatinan mereka terhadap rakan penghantar seterusnya menyokong usaha kerajaan dalam memastikan rakan penghantar ini didaftar, di carum dan dilindungi. Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Y.B. Sementa minta kerajaan negeri *create awareness* (dengan izin). Kenapa Y.B. Sementa tidak menyarankan kerajaan persekutuan mewajibkan syarikat-syarikat *e-hailing* ini untuk carum terus bagi setiap *rider* di bawah perkhidmatan mereka? Itulah yang lebih efisien untuk *cover* semua *rider* yang ada daripada nak minta kerajaan negeri yang bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri untuk menyerukan *rider-rider* ini, lebih baiklah Y.B. Sementa saya cadangkanlah cakaplah pada rakan-rakan di peringkat kerajaan persekutuan di mana Yang Berhormat sama parti dengan mereka supaya mewajibkan terus. Senanglah. Biar semua *rider* itu di *cover* sekali gus dengan satu arahan sahaja.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Bukit Gasing. Satu pandangan yang baik. Namun *rider-rider* ini kebanyakan mereka (30,000 daripada 70,000 *rider*) di seluruh Malaysia adalah berada di Selangor. Jadi adalah lebih baik kerajaan negeri mengambil inisiatif ini untuk memastikan anak-anak muda ini (*rider-rider* yang ada di seluruh Selangor ini) mendapat manfaat tersebut melalui saranan daripada pihak kerajaan negeri sendiri. Kita juga ada EXCO Belia dan kita boleh

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Ya lah. Kerajaan negeri boleh bagi saranan kepada *public* tetapi *isn't the faster way to solve the problem* kalau kerajaan persekutuan mewajibkan syarikat *Grab, Food Panda, Lala Move* terus carumkan. Selagi mereka di bawah perkhidmatan itu, bayarlah caruman itu. Caruman pun tak mahal kan? Jadi kenapa tak berani minta *Food panda, Lala Move* dengan *Grab* ni mencarumkan terus? Daripada nak minta *rider* yang *earning* dia sedikit saja untuk carumkan. Mintalah syarikat tu terus carumkan. Syarikat ini pun *all these billion-billion company*. *Grab* yang bernilai *berbillion-billion* ringgit tak nak carumkan satu ke *rider* pun.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih saranan Bukit Gasing. Jadi saya harap ya *insyallah* kita boleh, kita tuntutan di peringkat kerajaan persekutuan untuk melaksanakan perkara tersebut. Namun kita di peringkat kerajaan

negeri juga perlu bersama-sama untuk memastikan ataupun menyegerakan perkara ini dapat diberikan kebajikan kepada anak-anak *rider p-hailing* ini.

Selain daripada itu, saban hari kita juga dilaporkan dengan berita-berita kemalangan yang melibatkan *rider p-hailing* sehingga melibatkan kehilangan nyawa. Statistik sehingga April lalu daripada Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik merekodkan sebanyak 91 kes kemalangan melibatkan *rider p-hailing* di negara ini. Jumlah ini melibatkan 17 kes membabitkan kematian, 10 kes cedera parah dan 64 kes cedera ringan. So dari demi memperjuangkan masa depan anak-anak muda (*rider p-hailing*) ini yang mana mereka ini adalah aset kepada negara dan juga negeri, saya juga mengharapkan (yang pertama tadi) saya telah menyebut bahawa kita menggalakkan mereka mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyeru juga kerajaan negeri untuk menyediakan insentif bantuan khas kemalangan. Dan yang ketiganya menyediakan insurans berkelompok kepada yang kurang berkemampuan. Sebagai sebuah negeri yang berkeadilan, kita perlu memberi peluang yang baik kepada mereka-mereka ini.

Seterusnya saya pergi kepada perkara kedua iaitu Pandemik COVID-19. Kita masih belum menang. Sehingga 23 Ogos 2021 iaitu pada hari Isnin lepas, negara mencatatkan sejumlah 1,572,765 kes COVID-19 dengan jumlah kes baharu sepanjang minggu lepas melepasi 20,000 setiap hari dan angka kematian melebihi 200 orang setiap hari. Ini amat membimbangkan apatah lagi Selangor sentiasa mencatatkan kes tertinggi di Malaysia. Sementara kes aktif COVID positif adalah sebanyak 260,700 orang iaitu melebihi suku juta pesakit COVID yang positif. Manakala kematian adalah sebanyak 14,342 orang. Angka-angka ini amat menyedihkan hati kita kerana ia berlaku kepada sahabat kita, saudara kita, jiran tetangga kita, malah ada daripada kalangan keluarga kita.

Namun kita bersyukur kini dengan adanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan atau PICK yang telah bermula sejak Februari 2021, negara telah berjaya melaksanakan imunisasi kepada 18.2 juta rakyat dos pertama iaitu 78% populasi dewasa lengkap satu dos vaksin dan 13 juta rakyat telah lengkap dua dos vaksin bersamaan 55.6% populasi dewasa. Manakala Selangor pula telah hampir mencapai imuniti kelompok iaitu sebanyak 77.6% populasi dewasa dan 46% telah lengkap dua dos vaksin. Dengan bertambahnya kadar vaksinasi harian yang mencecah 500,000 sehari, kita bakal menghampiri imuniti kelompok. Ini adalah khabar yang menggembirakan kerana dengan ini dapat mengurangkan kes-kes di kategori 3, 4 dan 5.

Sebagai contoh pada 23 Ogos iaitu Isnin yang lepas dengan kes sebanyak 17,672 kes baharu, 97.6% adalah kategori 1 dan 2 iaitu 17,274. Kategori 1 adalah tiada gejala, kategori 2 gejala ringan. Sementara 1% adalah kategori 3 iaitu 190 kes dan 0.6% kategori 4 iaitu 108 kes. Kategori 3 adalah jangkitan paru-paru yang mana mereka perlu di bawa ke hospital, kategori 4 adalah jangkitan paru-paru dan perlukan

oksigen. Mereka juga perlu di bawa ke hospital. Manakala 0.8% kategori 5 sebanyak 138 kes adalah kategori kritikal, organ rosak dan perlu ventilator. Jadi inilah maknanya 2.4% daripada 17,672 adalah di bawah kategori 3, 4 dan 5 yang mana ianya dapat mengurangkan rawatan kepada para pesakit COVID ini di hospital. Dan setiap hari Selangor mencatatkan kes tertinggi terutamanya di Lembah Klang.

Cabaran besar pihak KKM adalah untuk memastikan mereka dalam kategori 1 dan 2 yang dibenarkan berkuarantin di rumah mendapat nasihat kesihatan dan pemantauan berkala daripada petugas-petugas KKM secara *online*. Kita sedia maklum KKM menghadapi kekangan kakitangan untuk memantau dan membuat panggilan secara *online* kepada para pesakit COVID-19 yang berkuarantin duduk di rumah yang jumlahnya beratus ribu setiap hari.

Di sini saya ingin mencadangkan agar kerajaan negeri melalui Syarikat SelCare dan klinik di bawah SelCare yang ada di seluruh Selangor dibenarkan untuk membantu KKM membuat panggilan *online*, memantau dan memberikan khidmat nasihat kesihatan kepada para pesakit COVID-19 dan keluarga pesakit ini yang berkuarantin di rumah agar mereka tahu apa yang perlu mereka buat dalam menghadapi situasi sekiranya gejala lebih teruk berlaku kepada mereka. Dan mereka mendapat nasihat yang betul apa yang perlu dilakukan kerana dalam kes-kes BID ataupun *Brought in Dead* pesakit ke hospital adalah disebabkan mereka yang kuarantin di rumah tidak tahu dan tidak tahu apa yang perlu dibuat bila gejala semakin teruk. Klinik-klinik SelCare ini juga boleh berperanan memberi nasihat pada mereka yang berkuarantin duduk di rumah selain menyediakan ubat-ubatan yang diperlukan mengikut keperluan kesihatan pesakit secara dalam talian.

Selain itu, pihak kerajaan juga (kerajaan negeri juga) boleh melaksanakan khidmat kaunseling kepada para terutamanya mereka yang kehilangan orang tersayang disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini. Ada anak-anak yang kehilangan ayah, ada anak-anak yang kehilangan ibu, malah kedua-duanya dan menjadi anak yatim piatu sekelip mata. Dan ada yang kehilangan suami, ada yang kehilangan isteri dalam sekelip mata. Dan inilah cerita sedih yang sentiasa berlaku disebabkan oleh COVID-19 ini. Saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri agar kebajikan pesakit COVID-19 ini dan keluarga yang berkuarantin di rumah diambil peduli oleh pemimpin masyarakat, pemimpin kawasan sama ada ADUN, Ahli Majlis, Ketua Kampung, pihak masjid, pihak surau, rumah-rumah ibadat yang ada di sekitar tidak ketinggalan jabatan dan agensi kerajaan, persatuan penduduk dan komuniti setempat agar kita sama-sama membantu mereka yang dalam keadaan memerlukan sama ada dalam bentuk barangan keperluan asas mahupun kewangan. Dan alhamdulillah saya kira ADUN-ADUN Selangor juga dengan peruntukan yang disediakan telah pun memanfaatkan peruntukan tersebut untuk membantu para pesakit-pesakit COVID-19 yang berkuarantin di rumah ini.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, yang terakhir.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Ok. Saya satu lagi tentang satu lagi Tuan Speaker. Penutupan Pusat Pemberian Vaksin di Negeri Selangor. Sebanyak 29 Pusat Pemberian Vaksin bagi Program Imunisasi COVID-19 di seluruh Selangor telah diarah tutup berakhir 22 Ogos 2021 iaitu pada Ahad lepas termasuk Dewan Kilat TNB Pangsapuri TNB Kapar yang ada di DUN Sementa. Walau bagaimanapun hasil pendapatan saya melihat kepada permintaan yang masih tinggi di PPV Kapar apabila rakyat dilihat masih lagi sanggup beratur panjang di awal pagi, di hujan renyai bila PPV membuka kaunter *walk-in* pada hari-hari terakhir pengoperasian. Jadi saya mengharapkan agar PPV-PPV ini yang dilihat masih lagi boleh diberikan untuk dibuka untuk orang-orang yang berdekatan. Kita mengharapkan agar PPV ini boleh dibuka semula untuk memberikan vaksin kepada penduduk setempat.

Dengan itu, saya kira dengan itu saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih dan Sementa menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi peluang bagi saya untuk membahar junjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sejak penularan wabak COVID-19 berlaku, Selangor telah menjadi tumpuan negara atas sebab angka COVID yang antara yang tertinggi di Malaysia. Sehingga kini mempunyai lebih kurang 500,000 orang yang pernah dijangkiti COVID di Negeri Selangor. Dengan populasi penduduk yang seramai 6.7juta orang bermaksudnya setiap 100 orang mempunyai 7.5 orang yang menjangkiti COVID. Penularan COVID yang serius percaya adalah disebabkan kegagalan pelaksanaan SOP yang kerap berubah yang mementingkan pembukaan kilang sehingga *cluster* kilang menjadi punca penularan di Selangor. Kami wakil rakyat mengetahui bahawa kuasa pengubahan SOP adalah terletak di bawah kuasa kerajaan persekutuan.

Sejak mula PKP, pembukaan kilang dan penutup kilang telah menjadi salah satu isu yang kerap di bincang oleh masyarakat atas sebab percaya kes yang mendadak adalah disebabkan SOP sektor perkilangan yang tidak tentu dan longgar. Sepanjang masa ini, mempunyai tuduhan-tuduhan daripada *cybertrooper* yang tidak benar sampai penduduk bertanya berkali-kali kenapa kerajaan Negeri Selangor masih memberi kelonggaran bagi kilang beroperasi. Bagi mempertahankan pengoperasian kilang, mereka sanggup bagi info yang palsu. Salah satu contoh bekas Menteri Kanan Perikatan Nasional (Y.B. Azmin Ali) dalam sesi parlimen yang lepas telah memberitahu bahawa majoriti penularan COVID adalah punca bukanlah punca daripada kluster kilang. Ia telah bercanggah dengan informasi dan juga maklumat

yang di nyata oleh KKM dan juga Menteri Besar Selangor bahawa kluster kilang merupakan kluster utama penyumbang kes COVID. Izinkan saya baca satu berita yang dipaparkan oleh KKM Malaysia sektor yang berkata sedemikian, sektor merupakan sektor penyumbang terbesar di Selangor. Tiada satu kluster di Selangor berpunca daripada sambutan perayaan. Itu adalah daripada perkataan JKR Selangor. Dengan cara inilah Perikatan Nasional ingin cuba mengelirukan Dewan yang Mulia dan juga rakyat, supaya rakyat mempersalahkan Kerajaan Negeri Selangor. Amat syukur dalam titah Sultan Selangor telah memuji beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi tumpuan kawalan penularan COVID-19 seperti ujian saringan percuma. Memberi fasiliti Kerajaan Negeri dan juga tenaga sukarelawan sebagai kuarantin centre dan juga vaksin Selangor yang mempercepatkan proses vaksinasi Selangor. Saya percaya tanpa bantuan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor kes penularan COVID-19 akan jauh lebih teruk daripada apa yang kita nampak pada hari ini. Fakta-fakta ini cukuplah bagi menjawab serangan politik yang tidak berasas. Maka saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengusahakan lebih dalam segi penerangan dan juga komunikasi dengan rakyat. Untuk memantapkan jentera penerangan. Berkenaan program-program Kerajaan Negeri Selangor supaya rakyat menerima informasi dan berita yang betul dan dikelirukan oleh berita-berita atau informasi yang palsu, supaya Selangor tidak menanggung kegagalan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan sekalian, dalam beberapa hari ini menurut dengan beberapa laporan berita disebabkan populasi vaksinasi di Selangor semakin meningkat telah menunjukkan kadar kemasukkan pesakit COVID-19 semakin menurun. Dengan perkembangan trend ini saya percaya tidak lama lagi kemungkinan mencapai tahap kawalan yang baik. Oleh yang sedemikian, tidak lama lagi rakyat akan menumpu dalam tawaran pelan tawaran pemulihan ekonomi yang ditawarkan oleh Kerajaan, terutamanya di Negeri Selangor. Menurut data kadar pengangguran siswazah pada tahun 2020 naik sebanyak 0.5 mata peratus kepada 4.4 peratus berbanding dengan 3.9 peratus pada tahun yang sebelum ini. Jumlah meningkat sebanyak 37,200 orang kepada 200,000 orang berbanding dengan 165,00 orang pada tahun 2019. Selain daripada kadar pengangguran yang semakin meningkat gaji upah siswazah pada tahun 2020 bagi pekerja utama sepenuh masa atau setaraf terus 10.6 peratus kepada RM4,489.00 berbanding dengan RM5,020.00 pada tahun 2019. Negeri yang merupakan, Negeri Selangor merupakan negeri yang menerajui pembangunan ekonomi dan merupakan negeri yang menjana KDNK paling tinggi di Malaysia. Mestila di antara paling terjejas dalam Pandemik COVID-19. Kita sedia tahu Negara China merupakan negara yang paling terjejas pada peringkat awal Pandemik COVID 19. Baru-baru ini disebabkan mereka berjaya mengawal penularan dengan baik pada tahun ini. Negara China dijangka akan mencecah kenaikan GDP sebanyak 3.7 sehingga 3.3 peratus.

Rancangan Pelan Pemulihan Negeri Selangor akan menjadi satu booster bagi memulih ekonomi negara. Sebab saya percaya Malaysia merupakan salah satu

negara yang boleh mencapai had imuniti pada peringkat yang awal ini. Malaysia ataupun Selangor perlu merampas peluang emas ini bagi menarik pelaburan dan juga pemulihan ekonomi. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang berjaya menjalani Program Vaksinasi Selangor. Tujuan dan objektif adalah untuk mempercepatkan proses vaksinasi di Selangor dan inisiatif kerajaan telah membuktikan kita mampu melakukan yang terbaik dengan bantuan Kerajaan Negeri Selangor hari ini vaksinasi pernah mencecah 150 dos dalam sehari di Negeri Selangor. Sehingga kini Kerajaan telah berjaya menyuntik 378,000 dos vaksinasi bawah Program SelVAX. Manakala baki 500,000 vaksin akan dipinjam kepada Kerajaan Persekutuan. Menurut data yang dipapar di Facebook, Y.A.B Menteri Besar bahawa sehingga 18 Ogos 2021 masih mempunyai lagi 20% dewasa di Selangor tidak mengambil vaksin lagi. Ia mungkin akan sebab mereka tidak yakin dengan vaksin ataupun mereka rasa tidak mudah untuk mengambil vaksin sebab tiada mempunyai kenderaan ataupun jarak yang jauh daripada PPV yang sedia ada. Ia bermaksud mempunyai hampir 1 Juta dewasa di Selangor tidak mengambil vaksin lagi. Saya percaya angka ini tidak lagi merangkumi warga-warga asing yang menyumbang tenaga bagi sektor kilang dan juga makanan.

Oleh yang sedemikian, saya menarik ingin menarik perhatian bahawa Selangor perlu menyelesaikan vaksinasi bagi warga asing dengan secepat mungkin. Menurut jawapan soalan dewan yang sebelum ini, yang dijawab oleh Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan. Di Selangor mempunyai setengah juta warga asing, kerisauan saya warga asing yang tidak menerima vaksin dan dia akan mempunyai risiko yang amat tinggi akan menjadi punca penularan yang amat besar. Disebabkan mereka juga merupakan tenaga kerja penting di Negeri Selangor. Keduanya saya ingin harap Kerajaan Negeri Selangor boleh memberi fokus golongan yang anti vaksin dan golongan yang tidak mampu pergi jauh untuk mengambil vaksin supaya kadar vaksinasi dapat dipertingkatkan. Bagi mengawal varian-varian COVID yang baharu seperti Delta. Beberapa negara seperti Amerika, Perancis Germany, Singapore dan Indonesia telah mengambil langkah awal untuk mengawal bermula vaksinasi dos yang ketiga. Disebabkan Kerajaan Negeri Selangor, telah mempunyai jumlah vaksin yang banyak, sebanyak 2.5 juta dos yang telah ditempahkan saya percaya Kerajaan Selangor mampu untuk bermula untuk menjalani vaksinasi dos yang ketiga pada masa yang dekat.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan sekalian, perkara yang terakhir saya ingin bangkitkan adalah berkenaan dengan Hospital SelCare. Dalam keadaan kita menghadapi Pandemik COVID-19, kami mengetahui betapa pentingnya untuk ada kelengkapan dan juga fasiliti kesihatan atau perubatan yang cukup bagi menyelamatkan nyawa-nyawa rakyat. Saya amat menyambut pembinaan hospital bawah usaha GLC Negeri Selangor bawah SelCare. Pembinaan hospital bawah GLC Kerajaan Negeri Selangor patutlah sesuatu yang membanggakan. Kalau menurut berita yang dipaparkan pada Mac tahun 2019, Yang Berhormat EXCO, Y.B Dr Siti Mariam yang mengatakan Hospital SelCare Rawang dijangka akan beroperasi pada Disember 2020. Pada

Dewan Sidang Sesi Yang ke-3, tahun 2020 soalan saya bangkitkan lagi berkenaan dengan persiapan pembinaan hospital. Jawapannya dijangka selesai pada suku pertama tahun 2021 ditangguhkan. Pada bulan Mei 2021, saya telah mengadakan satu lawatan tapak ke site pembinaan tersebut. Saya turut bertanya persiapan pembinaan. Jawapannya dijangka bulan Ogos 2021. Dan boleh beroperasi pada suku pertama 2022. Yang mengecewakan adalah sehingga kini pembinaan tidak lagi disiapkan sepenuhnya dan penangguhan akan dilakukan beberapa kali dan saya percaya penangguhan kali ini akan dilakukan sekali lagi. Cuba bayangkan kalau hospital ini dapat beroperasi sepenuhnya dan seperti yang dirancang pada Disember 2020 ini mesti banyak membantu bagi mengatasi masalah fasiliti perubatan yang tidak mencukupi. So akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih frontliner yang banyak menyumbang dan mengorban untuk membantu segalanya pada waktu pandemik dan Rawang menyokong penuh menjunjung kasih titah. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Jeram

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi ruang dalam Titah Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dalam ucapan Tuanku, dalam titah ucapan nya telah menyentuh beberapa perkara, beberapa perkara di antaranya ialah berkenaan dengan rasuah. Jadi saya ingin berkongsi beberapa isu yang mana melibatkan rasuah dan akhirnya saya akan bagi beberapa bukti untuk ditambah oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor. Yang pertamanya berkenaan dengan anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor, iaitu Worldwide. Jadi kawasan saya ini, boleh dikatakan pesat kerjasama dan juga developer nya iaitu Worldwide sendiri boleh dikatakan gagal. Jadi di sini saya hendak bertanya kepada pihak Kerajaan apabila memberikan jawapan tolong bagitahu saya, berapa lama CEO Worldwide ini bertugas di Syarikat tersebut dan berapakah pendapatnya. Kerana apa, kegagalan Syarikat itu menyebabkan namanya teruk kepada Adun kawasan itu. Kerajaan Negeri ataupun rakyat apabila kita katakan Kerajaan gagal kita kena tukar. Jadi apabila kita mendapati individu yang menguruskan anak syarikat itu gagal maka kita belum mencari pengganti. Ini kerana Pengerusi ataupun Ketua untuk semua GLC kita sedia maklum adalah Y.A.B Dato Menteri Besar, kelewatan pembangunan ataupun penyerahan kepada PBT juga tidak ada kesudahannya. Saya sudah beberapa kali bertanyakan kepada PBT yang terlibat mengenai projek-projek dan bilakah akan membuat penyerahan dan sebagainya. Mereka kata developer tidak lagi menyerahkannya. Tetapi sudah menghantar beberapa kali, apabila Y.A.B sebagai selaku Pengerusi untuk GLC itu, maka Pegawai Kerajaan sukar untuk menegur ataupun sukar untuk mendapatkan jawapan daripada Y.A.B Dato' Menteri Besar. CEO-CEO jugak mengambil kesempatan di atas Pengerusinya yang mana Dato' Menteri Besar mereka juga rasakan kebal kerana anak syarikat. Ini perlu diberi perhatian. Saya pernah cadangkan sewaktu dalam Kerajaan mungkin ketika itu, Pihak

EXCO Kerajaan Negeri memikirkan kita mahu sesuatu jawatan di dalam GLC tetapi kini saya di blok bebas, yang menyokong Kerajaan Negeri Selangor memberi cadangan. Sebab dalam titah Tuanku juga mengatakan Dewan ini ialah tempat yang untuk berkongsi idea-idea yang bernas. Jeram jarang sekali tidak bagi idea yang bernas. Jadi apa salahnya mengambil individu-individu, Adun-Adun yang dipilih oleh rakyat, letaklah sebagai Timbalan Pengerusi di anak syarikat itu. Kadang-kadang kita tidak tahu pegawai-pegawai ini dengan Menteri Besar sukar untuk berurusan. Tetapi jikalau Timbalannya Adun mungkin mereka selesa dan Timbalan Pengerusi itu boleh membawa dalam mesyuarat untuk menyelesaikan isu. Itu satu benda yang saya nampak positif untuk kebaikan Kerajaan Negeri Selangor. Saya rasa, Yang Berhormat Sungai Tawar juga bersetuju tetapi tidak ada dalam ini. Kita pernah berbincang beberapa kali dalam Mesyuarat PAC, demi kebaikan benda yang baik sama ada pembangkang ataupun bebas kita menyokong. Tetapi pihak Kerajaan perlu mengambil pandangan-pandangan yang boleh tambah baik untuk demi kebaikan Kerajaan Negeri Selangor. Jangan ingat pandangan ini yang diberikan oleh pembangkang mahupun bebas sebagai satu kritikan tidak sama sekali. Worldwide salah satu projek yang saya nampak beberapa projek di kawasan saya, salah satunya ialah telah siap tetapi penduduknya datang jumpa saya, maklumkan kepada saya pembeli perlu pergi berurusan sendiri dengan TNB pemasangan meter, pemasangan air juga kena urus sendiri. Jadi benda-benda ini nampak tidak kena dengan title dengan CEO yang menguruskan itu. Gaji lebih banyak tetapi gaji yang Adun kawasan terima RM11,250.00 dengan CEO yang terima gaji mungkin RM30,000.00 ke RM50,000.00 tetapi yang kena marah ialah ADUN kawasan. Adakah ia suatu benda yang patut diambil kira?

Dan saya pernah juga memohon untuk berjumpa dengan CEO melalui pegawainya sampai sekarang tak dapat jumpa. Saya teks tak pernah dijawab, *call* pun tak pernah jumpa. Jadi, saya nak tahu lah, saya nak minta sangat Kerajaan Negeri tolong bagi tahu saya, berapa gaji dan berapa lama CEO itu telah bekerja di Worldwide itu. Dan kalau kita dapati kalau gagal. Maka carilah orang lain. *Sorry* ya, minta maaf. Saya tak pasti adakah CEO itu di kalangan kawan-kawan kepada Menteri Besar ataupun penyokong kuat kepada parti.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Kejap-kejap. Banyak lagi ni nak kena cakap ini.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Sikit jer.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Jadi, tolong benda-benda ini perlu diperbetulkan demi nama baik Kerajaan Negeri Selangor. Sebab itu saya nampak benda ini kalau tak betul mungkin berlaku ketirisan dalam pengurusannya. Saya ambil satu contoh, di JKR Kuala Selangor. Dua tahun lepas, JKR Kuala Selangor ada

seorang ini, datang jumpa saya berbangsa cina, bertitle Datuk umurnya bawah 30 tahun. Dia jumpa saya. Bawah 30 tahun, tetapi title Datuk. Dia kata, "Y.B., saya nak minta tolong untuk dapatkan projek di PBT. Di JKR, saya tiada masalah, projek itu saya buat, projek ini saya buat, semua saya *kawtim*".

Saya terkejut, dia ini, orang suruh jumpa saya. Dia ingat saya ini memang kaki projek. Dan cara dia bercakap begitu *confident*, dia rasa macam tak ada apa. Apabila saya semak balik, memang betul projek-projek itu memang dibuat oleh Datuk itu. Saya pernah bagi surat, dua tahun lepas mungkin. Dato' SS boleh tengok balik surat saya yang lama pernah maklumkan untuk pertukaran pegawai ataupun individu yang saya namakan. Tetapi tidak ada tindakan. Saya *follow-up* balik, jawapannya ialah telah dihantar kepada Biro Integriti dan sebagainya. Tetapi, sekiranya kita tidak ambil tindakan yang tegas, itulah yang berlaku sejak kebelakangan ini kita mendengar pegawai-pegawai di jabatan-jabatan tertentu terlibat dalam rasuah.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat Jeram, ada sikit.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Sila.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat Jeram, saya nak tanya pendapat Yang Berhormat Jeram berkenaan sistem *rotation* yang sewajarnya diamalkan pihak pentadbir supaya mengelakkan dominasi ataupun kedudukan yang terlalu lama yang mungkin mempengaruhi, khususnya projek-projek dan juga perolehan-perolehan Kerajaan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Apakah pandangan Yang Berhormat Jeram?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih. Sebenarnya, saya pernah bawa satu cadangan ini kepada EXCO, PBT. Di mana pegawai kita sedia maklum bahawa pegawai yang terlibat tidak boleh tukar kepada PBT-PBT lain. Maknanya dia bekerja di situ, pencennya di situ. Apa salahnya, pihak EXCO ataupun pihak Kerajaan bawa usul untuk menukar. Kalau dia pejabat majlis daerah, tukar kepada majlis daerah lain. Kalau JKR, mungkin JKR lain. Tiada masalah. Bermakna perlu berlaku pertukaran. Jangan kita bagi alasan, sebab yang buat dasarnya ialah kita. Yang bayar gajinya ialah Kerajaan Negeri. Jadi apa yang susah sangat. Ubiarkan orang itu duduk kalau dia sebagai Jurutera ataupun Pembantu Jurutera, sampai ke sudah kat situ. Jadi dialah yang *control*, sebab Kerajaan Pakatan Harapan telah tidak beri ruang kepada ADUN-ADUN terlibat secara langsung.

Jadi ini benda yang dah pernah saya cadang pun, tetapi tidak ada sebarang tindakan. Kita ini kadang-kadang tiga bulan sekali berkumpul di sini tetapi ideanya masuk kanan keluar kiri.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Jeram. Kita kawan. Saya nak tanya satu jer.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Boleh, boleh.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tadi saya setuju apa yang mana Yang Berhormat nyatakan tentang Worldwide. Saya nak tanya Jeram, adakah saranan Jeram supaya ADUN yang berdekatan dengan Worldwide tersebut dilantik menjadi CEO? Iaitu Jeram sendiri.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Dia tak perlu jawatan CEO sebagai CEO. Sebab CEO ini perlu beri full time komitmen. Saya minta kepada Kerajaan Negeri melantik ADUN-ADUN yang berkelayakan, yang ada integriti tinggi. Contohnya, Yang Berhormat Ijok, Subang Jaya (Michelle), Ronnie Liu (Sungai Pelek). Tetapi walaupun saya idealoginya berbeza dengan Ronnie Liu, tetapi daripada segi pemahaman ataupun kita punya matlamat yang sama. Nak membanteras rasuah dan mengelakkan benda-benda ketirisan itu. Jadi saya perlu sokong. Dan individu-individu ini bekebolehan. Ada di kalangan mereka-mereka ini latar belakangnya berpendidikan bidang-bidang tertentu yang boleh diguna pakai secara tidak langsung membantu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa anak-anak syarikat ini lebih maju. Sebab, Dato' Seri Menteri Besar dan juga ahli jawatankuasanya bila dalam PAC kita nampak kadang-kadang jarang bermesyuarat. Kadang setahun sekali bermesyuarat. Jadi macam mana syarikat itu nak maju? Jadi, saya juga ingin mencadangkan satu cadangan yang saya rasa bagus. Biasanya Jeram bagi yang bagus-bagus. Jadi, iaitu jawatankuasa khas memantau anak-anak syarikat.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Jeram. Tadi Jeram cakap bahawa kalau macam Worldwide yang berdekatan dengan kawasan tersebut. Itu yang saya tanya Jeram, adakah saranan Jeram itu supaya ADUN berdekatan dengan Worldwide itu.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Dia begini. ADUN berkenaan mungkin ada satu projek saja, tetapi Worldwide ini ada projek satu Selangor. Apa yang saya nampak, Kerajaan Negeri memberikan tanah dengan mungkin harga yang agak rendah kepada anak syarikatnya sama ada MBI atau PKNS. Tetapi mereka cari rakan *partner*, rakan *developer* untuk memajukan perumahan ataupun apa saja projek. Tetapi yang saya nampak kalaulah setakat kongsi JV sahaja projek itu tak perlu ada CEO, Pengurus pun sudah memadai. Sebab bukan you yang buat, kalau you buat sendiri, you perlu ada satu jawatan yang besar, CEO ke COO untuk mentadbir dan memberi satu jumlah keuntungan yang besar. Tapi kita tak nampak mana keuntungannya. Gaji yang dibayar kepada individu-individu ini kita nampak, hasil untuk dibawa kepada Kerajaan Negeri Selangor saya tak nampak. Jadi sebab itu saya cadangkan satu jawatankuasa khas yang mana terdiri daripada Ketua Pembangkang dan juga Pembangkang dan juga Bebas, Ahli-ahli Bebas untuk monitor anak-anak syarikat ini sekiranya ia rugi secara berterusan tiga tahun, maka kita perlu tutup. Dan

kita perlu letakkan satu *benchmark*, di mana setiap tahun syarikat-syarikat itu perlu mendapat keuntungan paling kurang 10%, jadi kadar kenaikan keuntungan. Itu nama *bisnes*. Jadi kalau kita mentadbir rugi, kita *top-up* kemudian untung datang tak tahu pergi mana, itu bukan cara menguruskan anak syarikat. Sebab kita ada pakar-pakarnya dalam Dewan ini. Iaitu ADUN-ADUN yang berkebolehan, perlu diketengahkan mereka ini. Beri ruang kepada mereka, kita boleh nilai juga prestasi mereka. Kalau GLC itu bagus, naik.

Selain daripada itu, mereka juga boleh belajar serba sedikit mengenai pengurusan, syarikatnya dan juga boleh dibawa ke peringkat Negeri. Jadi benda-benda ini perlulah dipandang serius oleh Kerajaan Negeri untuk kebaikan Kerajaan Negeri Selangor pada masa akan datang. Okay.

Saya nampak sesuatu yang tidak kena. Apabila Dato' Seri Menteri Besar sahaja duduk sebagai Pengerusi dan tidak membenarkan ADUN-ADUN lain terlibat sama. Ini kenapa saya berkata demikian, benda ini telah diamalkan oleh Mantan Menteri Besar. Sepatutnya keuntungan yang perolehi kepada Kerajaan, anak syarikat kepada Kerajaan Negeri Selangor telah beralih kepada komisen. Ada yang nak kata suruh saya tarik balik? Tak ada.

Bukti saya ada dari Bank Zurich, Dubai.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya mencelah sedikit.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih sahabat saya. Isu ini adalah berkenaan dengan peraturan dan undang-undang syarikat itu. Jadi memang dinyatakan situ, adalah Pengerusi bagi Lembaga PKNS sekian, sekian. Yang perlu kita bawa adalah di sini adalah inisiatif untuk Kerajaan, Penasihat Undang-undang untuk membuat perubahan. Saya telah kemukakan usul dan disokong oleh Ketua Pembangkang, usul itu akan dibincangkan tapi tidak dibincangkan. Itu masalahnya. Saya pun di sini nak *protect* Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Betullah tu. Saya setuju. Sebab Yang Berhormat pun bersama dalam PAC. Cadang-cadang kita hanya omong-omong kosong, apabila kita berhujah di sini hanya cukupkan syarat kita buat sidang lepas itu habis.

Ya, kita tahu wakil Kerajaan lebih ramai. Tetapi pandangan-pandangan itu perlu diambil kira demi kebaikan. Kalau cadangan dari Yang Berhormat sebelah wakil Kerajaan pun tidak pandang apatah lagi di Pembangkang dan juga Bebas. Demi kebaikan kita perlu bersama. Ini yang saya katakan ini Bank Zurich,

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, minit yang terakhir ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Dubai, Jakarta, Singapore ini. Anak-anak yang ini. Pemaju ini, IJM Corporation, UEM Group, IOI Group. Ini semuanya masukkan dalam akaun bekas Menteri Besar, Mantan Menteri Besar, akaun ini, jumlah-jumlahnya. Ini dia punya transaksi akaun. Semua ada. Jadi bermakna, duit yang sepatutnya dapat kepada anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, masuk kepada individu !

Ini satu ketirisan yang jelas. Bagaimana kita nak memajukan Negeri Selangor kalau berlaku ketirisan macam ini. Sepatutnya anak syarikat membuat keuntungan dan bawa ke Selangor ! Jangan kita asyik nak habiskan duit yang sedia ada, duit yang kita ada, kita habiskan kemudian tiada penambahan. Sebab itu perlu ada pemantauan daripada ADUN-ADUN Kerajaan sendiri dalam anak syarikat GLC. Demi kebaikan. Sampai bila asyik nak angguk-angguk, duduk sebagai Kerajaan kerana tidak mahu melawan dengan Kerajaan. Ini bukan untuk melawan, untuk memberikan kata yang benar itu benar, yang salah itu salah.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, *landing* habis masa. Lampu merah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Jadi saya minta, saya merayu kepada pihak Kerajaan terutamanya Dato' Menteri Besar untuk menilai semula. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Dato' Menteri Besar lebih telus untuk beri ruang dan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama membangunkan Kerajaan Negeri Selangor ini. Dan kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih.

Sabar-sabar.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Jeram. Jeram, minta penjelasan sikit.

**TUAN SPEAKER :** Masa dah habis. Masa dah habis.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Tuan Speaker, tadi disebutkan soal berkaitan dengan duit masuk ke akaun bekas Menteri Besar. Yang ini isu besar. Yang ini isu besar. Kalau dia merupakan satu tuduhan, saya nak minta supaya Jeram, kita tak boleh berkompromi soal berkaitan dengan amalan rasuah ini. Walaupun kita di pihak pembangkang, siapa yang buat rasuah, kita akan lawan sehingga ke lubang cacing. Sebab itu saya nak minta Jeram, kalau betul tuduhan itu, sila buat laporan ke SPRM. Sebab tuduhan itu berat pada hemat dan juga pandangan saya.

Terima kasih, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih. Saya terima baik apa yang dicadangkan Yang Berhormat Templer. Aduan telah dibuat kepada SPRM. Seperti kita sedia maklum. Minta maaf Kerajaan Pusat, sama ada aduan kepada pihak polis ataupun kepada SPRM, tidak ada sebarang perkembangan, *no further action*. Jadi tak per. Tetapi kalau menafikan apa yang saya kata ini, saya boleh bawa ke muka pengadilan sekali lagi untuk menilai sejauh mana kebenaran. Saya juga

mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana memberi peruntukan tambahan RM50,000.00. Jadi yang itu saya perlu beritahu. Dan juga mohon juga kalau boleh, tahun depan tambahkan sikit peruntukan Bebas ini yang sentiasa menyokong Kerajaan. Jadi yang baik kita sokong demi kebaikan dan masa depan Negeri Selangor, saya juga dengan ini menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor.

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan atas peluang kepada saya untuk menyertai sesi perbahasan pada petang ini. Pertama saya rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Nor Azmie Diron dan Dato' Haris atas pelantikan kedua-duanya baru-baru ini sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri yang baru. Selamat menjalankan tugas dan berkhidmat yang terbaik untuk Negeri Selangor.

Sebagai mukadimah, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri atas komitmen yang cukup serius dalam mengawal penularan wabak COVID-19 serta ikhtiar Kerajaan dalam memulihkan ekonomi negeri. Inisiatif bantuan seumpama yang dilakukan oleh kita pada tahun ini dan tahun lepas menerusi Pakej Kita Selangor. pada saya perlu diteruskan dengan mengenal pasti kumpulan-kumpulan sasar secara lebih efektif. Dan saya juga suka mencadangkan sebagai tanda sokongan kepada usaha Kerajaan Negeri ini yang menerusi PeBT dalam membantu kelompok peniaga kecil dan penjaja menerusi pemberian lesen sementara. Saya juga harap syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri, seperti PKNS yang mana kalau dalam kawasan saya ini ada Kompleks PKNS di Shah Alam, ia diuruskan oleh PREC (PKNS Real Estate Corporation). Yang mana setiap hari, dari tahun lepas saya terima banyak pandangan daripada para peniaga dan juga penjaja di sana tentang kesempitan, kekangan mereka untuk menjelaskan bayaran sewa premis-premis di Kompleks PKNS. Baru-baru ini saya terima aduan. ataupun maklumat ada yang dah nak tutup kedai sebab dia tidak ada *sales*, dia tidak boleh bayar sewa dan ada tunggakan beberapa bulan tetapi dia maklumkan PREC minta dia jelaskan juga sewa tersebut. Jadi mungkin di pihak Kerajaan Negeri sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, kita cuba bantu untuk sekurang-kurangnya berikan pengecualian bayaran sewa kepada peniaga-peniaga di Kompleks PKNS ini. Sekurang-kurangnya beri mereka ruang dan masa untuk kembali pulih. Sebab sekarang ini kita sedia maklum operasi sektor-sektor perniagaan ini cukup terjejas. Jadi ada premis yang telah beroperasi sejak tahun 80-an diminta tutup. Jadi ini sesuatu yang bagi saya agak mengesankan dan saya kira kita sebagai pembuat dasar dalam Dewan ini perlu ambil peduli dan juga zahirkan dokongan dan juga keprihatinan kita kepada mereka. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang ucapan Ketua Pembangkang semalam tentang lesen penjaja, untuk makluman Yang Berhormat Ketua Pembangkang di negeri Selangor ini sejak 2016, fi lesen telah kita hapuskan. Ha kalau maklumat saya betul ya EXCO? Sejak tahun 2016 lagi kita tidak

mengenakan caj fi lesen kepada penjaja-penjaja kita. Dan saya kira di negeri Selangor ini antara salah satu negeri yang memberikan ruang dan peluang macam tadi saya dengar perbahasan daripada Balakong maklumkan juga tentang peniaga tanpa lesen ini. Tapi saya difahamkan kita telah berikan mereka lesen sementara sebanyak yang boleh sepanjang tempoh PKP ini. Maksudnya lesen sementara. Dia bukan dan tidak dikenakan caj. Ini dimaklumkan oleh YB EXCO kepada saya tadi dan saya rasa kita tidak perlu berlaku adil macam ketua pembangkang kata kita kurangkan politik. Fakta tetap fakta. Fakta membuktikan bahawa kerajaan negeri Selangor tegas dan konsisten membantu peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil di seluruh negeri. Seterusnya saya ingin sentuh tentang titah Tuanku berkenaan dengan budaya rasuah di kalangan pegawai-pegawai kerajaan di negeri Selangor. Seharusnya kita semua sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil serius titah Tuanku ini dan pada saya gejala rasuah ini budaya rasuah ini bukan hanya kita perlu tumpukan kepada penjawat awam semata-mata. Orang politik pun ada yang mengambil rasuah. Pekerja-pekerja swasta pun ada yang mengambil rasuah. Jadi yang kalau di Selangor ni saya minta kalau boleh pihak kerajaan melalui Pihak Berkuasa turun juga buat siasatan kepada GLC-GLC negeri ini. Macam tadi Jeram ada bangkitkan. Mungkin dia hendak beri mesej begitu tapi dia punya pusing tu dah terlalu jauh. Bagi saya kita kena fokus kalau bercakap soal rasuah ini bukan sahaja pegawai kerajaan tetapi pekerja swasta bahkan di dalam GLC pun kita kena tengok. Kena tengok semula. Audit kena bentang. Saya sebagai anggota PAC bersama Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kita boleh panggil dan kita boleh dengar, kita boleh *study* perjalanan-perjalanan syarikat kerajaan negeri, boleh tengok dia punya laporan tahunan tetapi kita tidak mempunyai kuasa untuk kuat kuasa untuk ambil langkah seterusnya. Jadi, tindakan. Jadi di sini saya harap sebagaimana yang Jeram cakap tadi kita jangan buat jawatankuasa bincang tetapi tidak ada tindakan susulan. Ini yang mungkin dia cuba bangkitkan tadi tetapi dia dah banyak sentuh yang lain-lain.

Seterusnya berkenaan dengan agenda hijau, saya setuju dengan hujah daripada Yang Berhormat Banting tadi. Cadangan beliau supaya Kerajaan Negeri mewartakan Hutan-Hutan Simpan ini bukan 30% dalam konteks keseluruhan negeri tetapi setiap daerah. Maksudnya kalau kita boleh bergerak ke arah dasar yang mana di setiap daerah, sembilan daerah di negeri Selangor ini. Kita cuba peruntukan peratusan tertentu barangkali 20%, 30% diwartakan kawasan-kawasan Hutan Simpan. Sebab bagi saya di Selangor ini khususnya di kawasan saya di Shah Alam. Mungkin tuan-tuan semua ada yang maklum kalau di Shah Alam ini kita ada Taman Botani, kita ada kawasan yang disebut sebagai Hutan Rimba Komuniti Shah Alam. Tetapi dia *viral* sekarang ini orang pergi Tasik Cermin. Saya ingat Dato' Pegawai Kewangan pun ada pergi. Haa, Tasik Cermin. Ini antara tarikan di negeri Selangor di Shah Alam tetapi saya difahamkan kawasan tanah di sekitar kawasan tersebut bukan lagi berstatus Hutan Simpan. Dia dah jadi kawasan milik persendirian. Jadi mungkin pihak kerajaan negeri boleh *study* semula, kaji balik kalau sekiranya kita boleh wujudkan atau kekalkan beberapa kawasan tertentu di Shah Alam ini sebagai kawasan rekreasi sebagai kawasan riadah. Macam sekarang ini budaya orang muda ataupun kegiatan-

kegiatan rekreasi ini lebih kepada *hiking*, *trekking* dan kita sebenarnya bertuah di Selangor kerana kita ada bentuk muka bumi yang cantik untuk aktiviti-aktiviti ini. Saya juga nak tarik sedikit perhatian tentang isu masyarakat Orang Asli di dalam kawasan saya. Dia terletak di kawasan Kampung Air Kuning berdekatan dengan Bukit Bandar Raya. Baru-baru ini saya telah turun bersama dengan Pegawai Daerah Petaling, wakil daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli dan juga Jabatan Perhutanan. Kalau tuan-tuan semua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum sebelum ini ada tular di dalam akhbar tempatan tentang sebuah rumah yang cukup daif dalam kawasan hutan di Taman Botani itu, kalau saya pergi tengok itu hari, tiga orang anak kecil, rumah dia itu kalau kita pergi tengok dah tak serupa rumah dah. Jadi bila saya turun ke situ dengan Pegawai Daerah, isunya sekarang ini bukan tidak ada rumah. Rumah telah disediakan, dalam perjanjian yang dibuat pada tahun 2001 di antara syarikat Lebar Daun dengan masyarakat Orang Asli di kawasan Kampung Air Kuning. Iaitu pada waktu itu saya difahamkan ada rancangan untuk menempatkan semula masyarakat Orang Asli ini di sebuah kawasan perumahan yang tersusun yang baik. Kalau di Bukit Bandar Raya itu ada kalau kita pergi ada kawasan perumahan dia memang telah diduduki oleh masyarakat Orang Asli. Kawasan rumah teres. Cuma sekarang ini ada 53 lagi keluarga yang sejak daripada tahun 2001 dijanjikan unit kediaman tetapi sehingga hari ini masih belum dapat unit di kediaman tersebut. Jadi mereka terpaksa tinggal di dalam hutan, dalam keadaan yang serba daif. Air pun kena tarik daripada telaga. Elektrik pun kena pakai *genset*. Jadi saya fikir sesuatu yang agak mengecewakanlah kalau kita sebagai sebuah Kerajaan Negeri masih belum berupaya menyelesaikan masalah yang telah diwariskan oleh pentadbiran terdahulu. Kita boleh terus menuding jari kalau kita nak salahkan ini zaman Barisan Nasional sebab dia 2001. Tetapi telah 20 tahun berlalu dan telah tiga penggal kita telah mentadbir di negeri Selangor. Saya harap pihak Kerajaan Negeri boleh melihat isu ini secara lebih serius dan membantu untuk mencari penyelesaian kerana isu telah lama dan telah lebih 20 tahun. Hampir 20 tahun. Dan 53 keluarga ini termasuk Encik Roslan ini, isterinya waktu 20 tahun lepas belia, waktu itu muda lagi dijanjikan rumah tapi sekarang anak dah tiga dah. Rumah tak dapat lagi dan masih lagi tinggal di dalam hutan. Jadi saya harap kita sebagai sebuah Kerajaan Negeri bantulah masyarakat Orang Asli ini kerana mereka ini kalau nak sebut daripada segi keciciran saya rasa di Selangor ini tahap kondisi orang-orang Asli di tahap yang agak baik. Tetapi mungkin kita boleh perbaiki dan tumpukan kepada penempatan semula mereka yang masih lagi menetap di dalam hutan ini.

Dan seterusnya saya juga ingin menarik perhatian Dewan memandangkan kita sekarang ini bercakap dalam konteks *politics by patrician*. Politik yang lebih *inclusive* yang lebih dinamik. Baru-baru ini dalam titah Tuanku pun disebut supaya kita mengetepikan perbezaan politik. Kita fokus kita tumpu kepada agenda untuk mengawal COVID-19 memperbaiki ekonomi. Jadi suka untuk saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk kita menghargai ataupun melayan ADUN-ADUN Pembangkang ini, berikan mereka peruntukan yang setara dengan ADUN-ADUN kita, ADUN-ADUN Kerajaan ini. Langkah yang sama telah diambil di Perak. Langkah yang

sama telah diambil di Johor dan saya harap yang kita di Selangor boleh tunjukkan bahawa kita sebagai sebuah negeri maju baik dari segi ekonomi, daripada segi sosial kita maju ke depan daripada segi politik, kita beri peruntukan yang setara kepada ADUN-ADUN Pembangkang, menghormati mandat rakyat yang telah diberikan kepada mereka supaya kita sama-sama dapat fokus dan tumpu kerja kita untuk kebajikan rakyat. Jadi kita dah kena tolak dah politik apa ni kepartian yang keterlaluan ini. Sebab kalau kita tengok di peringkat Federal di peringkat Persekutuan Kerajaan Barisan Nasional ke? Perikatan Nasional sekarang ini? Saya pun tak tahu nak sebut. Ha? Perbarisan Nasional? Kerajaan Perbarisan Nasional ini, kita pun tak tahu berapa bulan lagi dia akan bertahan. Dia mungkin lepas ini dia tukar Perdana Menteri lagi, kita tak tahu? Sebab apa? Sebab terlalu berpolitik. Ha, parti ni nak rebut kuasa jatuhkan parti ini. Daripada kerajaan gagal menjatuhkan kerajaan yang gagal, menaikkan semula kerajaan yang gagal. Ha, inilah dia kerajaan yang sekarang. Dan kita di Selangor perlu buktikan kita tidak terkesan dengan politik yang terlalu ekstrem sebegini. Apa dia? Di Selangor Alhamdulillah kita *solid* bersama-sama dengan Kerajaan. Tidak ada sebarang usaha untuk mengganggu-gugat. Sebab kita junjung titah Tuanku pastikan kestabilan politik di Selangor. Tumpu kepada kerja-kerja di kawasan sekali lagi saya cadangkan sebagaimana kita mengangkat kedudukan Ketua Pembangkang. Peranan beliau sebagai Ketua Pembangkang sekali lagi saya utarakan benda yang sama, kita setarakan peruntukan untuk ADUN-ADUN Pembangkang ini. Beri mereka ruang untuk mereka buat kerja yang baik kerana di kawasan mereka pun saya kira banyak perlu diperbaiki dan kita sebagai sebuah kerajaan prihatin perlu amalkan politik *bipartition* ini dengan lebih baik dan lebih cemerlang. InsyaAllah. Jadi sekian daripada saya. Terima kasih. Saya menyokong usul titah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker. Penat juga ni naik turun nak turun ni baru dapat peluang. Bismillahhirahmanirrohim. Assalamualaikum W.B.T. kita bersyukur Alhamdulillah kepada petang ini kita bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini untuk menunaikan tanggungjawab kita amanah dan janji bagi memastikan kesejahteraan rakyat negara ini. Tuan Speaker terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk memberi, mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada petang ini. Bagi memulakan mukadimah bicara saya, ADUN Sungai Burong dengan rendah hati mewakili rakan-rakan seperjuangan persembahkan ucapan ketaatan tidak berbelah bagi ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku Raja dan negeri Selangor Darul Ehsan dan seluruh jajahan takluknya. Izinkan saya menitipkan serangkap pantun istimewa untuk Tuanku :

*Asah Kapak Tajam Beliung,  
Tebang Mari Kayu Berduri,  
Tuanku Umpama Kemuncak Payung,*

**25 OGOS 2021 (RABU)**

*Patik Di bawah Berteduh Diri.*

Tuan Speaker mengikuti secara dekat titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ketika Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ke Empat Dewan Negeri Selangor. Jelas membuktikan kepada kita betapa Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengambil berat akan hal ehwal semasa negeri Selangor terutamanya yang melibatkan nyawa dan harta benda rakyat. Keprihatinan Tuanku akan buatkan kita akan memberikan kita kekuatan terus untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada negeri Selangor dan rakyat negeri ini. Tuan Speaker, kita menginsafi hakikat bahawa negeri Selangor yang kita sayang ini sedang diuji dengan sebuah ujian yang amat dahsyat yang tidak pernah kita bayangkan. Ujian ini hadir menimpa kita semua. Yang miskin yang kaya. Yang selama ini senang, yang selama ini bebas bergerak ke sana ke mari. Kini tidak lagi berupaya menjalani kehidupan yang...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Burong sila duduk. Sambung besok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 4.30 petang. Jangan lupa pesanan saya balik, datang esok kena buat sendiri ujian saringan di rumah ya masing-masing. Ini disiplin, tertib ini semua beri kerjasama yang terbaik ya demi kelancaran Persidangan Dewan ini maka Dewan ditangguhkan sehingga hari esok 26 Ogos 2021 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan Ditangguhkan Pada Jam 4.30 Petang)**